

## BAB TIGA

### ISMAIL LUTFI JAPAKIYA DAN PENDEKATAN DAKWAHNYA

#### 3.1 REALITI MASYARAKAT ISLAM DI SELATAN THAILAND

Topik ini akan membincangkan realiti sebenar masyarakat Islam di Selatan Thailand. Pengkaji akan menghuraikannya dalam beberapa sub topik iaitu pengenalan, kedatangan Islam, agama dan bahasa, penduduk, pendidikan, ekonomi dan institusi dakwah.

##### 3.1.1 Pengenalan

Sejarah awal masyarakat Islam di Selatan Thailand merujuk kepada negeri Patani. Negeri Patani mempunyai sejarah yang lama dan lebih awal daripada sejarah negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu seperti Melaka, Johor, Selangor dan lain-lain.<sup>221</sup> Negeri Patani adalah kesinambungan kerajaan Langkasuka,<sup>222</sup> sebuah kerajaan Melayu Tua yang dipengaruhi oleh agama Hindu yang didirikan pada kira-kira tahun 150 dan wujud lebih dari seribu tiga ratus tahun iaitu hingga abad ke-13.<sup>223</sup> Ada pendapat lain menyatakan kerajaan Langkasuka didirikan pada akhir abad pertama dan hilang pada awal abad ke-15.<sup>224</sup>

Raja Phya Tu Antara yang dikenali sebagai Phya Tu Naqpa adalah pemerintah Kota Mahligai.<sup>225</sup> Baginda merupakan putera kepada Raja Phya Tu Kerub Mahajana. Baginda memindahkan pusat pentadbiran Kota Mahligai dan mengasaskan pusat pentadbiran baru

---

<sup>221</sup> Ahmad Fathi al- Fatani (2001), *Pengantar Sejarah Patani*, c. 2. Kota Bharu: Pustaka Aman Prees Sdn. Bhd., h. 2.

<sup>222</sup> Kerajaan Langkasuka merupakan kerajaan terbesar yang menguasai sekitar Utara Pantai Timur Semenanjung. Ia telah didirikan oleh orang-orang Melayu sejajar pertumbuhan awal tamadun di zaman prasejarah. Lihat, Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Hizbi, h. 1.

<sup>223</sup> Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (2003), “Kesultanan Melayu Kelantan-Pattani dalam Penelusuran Sejarah Bahasa Khmer” dalam A. Aziz Deraman (ed.), *Peradaban Melayu Timur Laut*. Kuala Lumpur: DBP, h. 271.

<sup>224</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Kedah Darul Aman: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd., h. 4-5.

<sup>225</sup> Dipercayai Pusat Pentadbiran Kota Mahligai sekarang terletak di kampung Perawan, darah Yaring, wilayah Pattani . Lihat, Mohd Zamberi A. Malek (1993), *op.cit.*, h. 44.

yang dinamakan “Patani”.<sup>226</sup> Ini kerana kawasan Kota itu terletak di kawasan pedalaman yang terlalu jauh dari pantai sukar untuk didatangi oleh pedagang-pedagang yang akhirnya menyebabkan ekonomi tidak stabil dan menjadi merosot. Keadaan tersebut mengakibatkan rakyat terpaksa keluar mencari kehidupan di luar Kota dan rakyat di Kota semakin hari semakin berkurangan. Sebaliknya, kawasan pinggir pantai iaitu kampung-kampung yang dibuka oleh orang-orang Melayu itu menjadi semakin maju dan di diam oleh ramai penduduk serta menjadi tempat perdagangan.<sup>227</sup> Oleh sebab itu, Raja Phya Tu Naqpa membuat keputusan memindahkan pusat pentadbiran Kota Mahligai ke tempat perkampungan nelayan yang dipanggil “Pak Tani”. Kampung Pak Tani dinamakan mengikut seorang tua nelayan Melayu bernama “Tani” kerana beliau mempunyai budi bahasa yang baik. Sebagai ketua kaum nelayan dan dihormati oleh orang kampung sehingga diberikan gelaran seorang bapa iaitu dipanggilkan “Pak Tani”. Lama kelamaan sebutan Pak Tani pun berubah untuk memudahkan panggilannya dan akhirnya nama negeri disebut Patani.<sup>228</sup> Adapun sebutan “Faṭānī” mengikut kesenangan para pedagang Arab yang datang berdagang di negeri Patani.<sup>229</sup>

Apabila Raja Tu Naqpa raja negeri Patani yang pertama menganut agama Islam namanya ditukar kepada Sultan Ismail Shah Zillullah fil a’lam serta nama negeri Patani diberikan gelaran “Patani Darussalam”.<sup>230</sup>

Negeri Patani telah muncul sebagai pusat perdagangan terpenting di rantau ini serta terkenal sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang dikunjungi oleh pedagang-pedagang asing yang terdiri daripada bangsa Siam, Cina, Jepun, Jawa, India dan Arab melainkan bangsa Eropah yang belum tiba ke negeri Patani.<sup>231</sup> Pada tahun 1516, pedagang-pedagang dari Portugal datang ke negeri Patani dengan sebuah kapal membawa berbagai jenis barang

<sup>226</sup> Dipercayai Pusat Pentadbiran negeri Patani sekarang terletak di kampung Gersik, daerah Muang, wilayah Pattani. Lihat, Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit UKM, h.15.

<sup>227</sup> Ibrahim Syukri (2002), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit UKM, h. 30.

<sup>228</sup> *Ibid.*, h. 30-31. A. Teew D. K. Wyatt (1970), *Hikayat Patani*. T.T.P.: The Hague Martinus Nijhoff, h. 70.

<sup>229</sup> Ibrahim Syukri (2002), *op.cit.*, h. 31.

<sup>230</sup> A. Teew D. K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 75.

<sup>231</sup> Ibrahim Syukri (2002), *op.cit.*, h. 35.

dagangan untuk berdagang dengan negeri Patani. Pedagang-pedagang Portugis merupakan pedagang terawal yang diterima oleh negeri Patani dari benua Eropah.<sup>232</sup> Selain Portugal, negeri Patani juga menjalankan perdagangan dengan pedagang-pedagang dari Belanda, England, Sepanyol dan lain-lain.<sup>233</sup>

Negeri Patani telah mencapai kemuncak sebagai pusat perdagangan yang terpenting di rantau ini pada zaman pemerintahan raja-raja perempuan iaitu Raja Hijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning (1584-1686).<sup>234</sup> Pada pemerintahan Raja Hijau (1589-1616) negeri Patani berada dalam kemuncak kemajuan dan kemakmuran. Negeri Patani menjadi pusat perdagangan yang pesat. Pada ketika ini, kerajaan Siam<sup>235</sup> dinasti Ayudhya pun tidak dapat menandingi kemajuan perdagangan seperti negeri Patani.<sup>236</sup> Pada zaman Raja Kuning (1635-1686) pula negeri Patani mengendalikan perdagangan yang besar di peringkat antarabangsa. Negeri Patani pada ketika ini sudah berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri besar seperti China, Jepun, Belanda dan England.<sup>237</sup> Negeri Patani bukan sahaja menjadi pusat perdagangan yang terkenal di Asia Tenggara bahkan ia juga terkenal menjadi pusat dan gedung Islam yang menyampaikan Islam di seluruh pelosok Asia Tenggara pada pertengahan abad ke-18 dan awal abad ke-19.<sup>238</sup>

Pada tahun 1603, semasa pemerintah Raja Hijau, kerajaan Siam dinasti Ayudhya mula menakluki negeri Patani. Ini kerana Ayudhya ingin membala dendam terhadap serangan negeri Patani ke atas Ayudhya pada tahun 1563 dan kerana iri hati atas kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negeri Patani pada abad ke-17 dan bahagian pertama

---

<sup>232</sup> *Ibid.*

<sup>233</sup> Khrong Chai Hattha (2005), *Prawatsat Patani Samai Anachark Boran Thengkan Pokkhrong 7 Huameang*. Pattani: Universiti Songkla Nakharin, Pattani, h. 26, 145-150.

<sup>234</sup> Mohd Zamperi A. Malek (1993), *op.cit.*, h. 48..

<sup>235</sup> Perkataan Siam digunakan sehingga 1931 M dan juga 1946 M hingga 1949 M. Pada 1939 M dan sekali lagi pada 1949 M ditukarkan kepada perkataan Thailand sehingga kini. Lihat, W.K. Cheman (1990), *op.cit.*

<sup>236</sup> Ibrahim Syukri (2002), *op.cit.*, h. 49-50.

<sup>237</sup> Mohd. Zamperi A. Malek (1994), *Patani dalam Tamadun Melayu*. Selangor Darul Ehsan: DBP, h. 24.

<sup>238</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 34.

abad ke-18.<sup>239</sup> Kerajaan Siam menyerang ke atas negeri Patani beberapa kali tetapi tidak berjaya.<sup>240</sup>

Pada kali kelima, semasa kerajaan Siam berada di bawah zaman dinasti Chakri iaitu Raja Praput Yot Fa Chulalok Maharaj (1782-1809) dan negeri Patani yang berada di bawah pemerintahan Sultan Muhammad (1776-1787) berada dalam suasana politik dan sistem pertahanan begitu lemah. Kerajaan Siam berjaya menawan dan menakluki negeri Patani pada bulan November tahun 1786.<sup>241</sup>

Sebelum negeri Patani ditakluki oleh kerajaan Siam, negeri Patani pernah diperintah oleh dua dinasti utama iaitu dinasti Sri Wangsa dan dinasti Kelantan. Setelah dikuasai oleh kerajaan Siam, perubahan besar-besaran telah dibuat terhadap negeri Patani dalam sistem pentadbiran dengan melaksanakan sistem pentadbiran baru iaitu “Undang-Undang Dasar Pecah dan Perintah (Divide and Rule)”. Tujuannya untuk melemahkan kekuatan dan memecahkan perpaduan orang Melayu Patani yang bangkit menentang kerajaan Siam yang semakin meningkat.<sup>242</sup> Pada tahun 1815<sup>243</sup> negeri Patani dipecahkan kepada tujuh negeri yang dinamakan *Boriven Ched Hua Muang* iaitu negeri Patani, Nong Chik, Jambu (nama sekarang Yaring), Teluban (nama sekarang Saiburi), Legeh (nama sekarang Rangea), Yala dan Raman.<sup>244</sup> Kerajaan Siam telah melantik raja-raja daripada kalangan orang yang dianggap boleh bekerjasama dengannya. Setiap negeri diperintah oleh orang Melayu Muslim tempatan melainkan sebuah negeri sahaja yang diperintah oleh orang Siam yang beragama Buddha iaitu negeri Jambu.<sup>245</sup> Inilah asal permulaan terhadap kewujudan raja-raja kecil di negeri Patani yang keturunannya masih dapat ditemui sehingga kini.<sup>246</sup>

---

<sup>239</sup> Ahmad Fathi al- Fatani (2001), *op.cit.*, h. 45.

<sup>240</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 20.

<sup>241</sup> Mohd Zamberi A. Malek (1993), *op.cit.*, h. 94-96.

<sup>242</sup> *Ibid.*, h. 102. Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (2003), *op.cit.*

<sup>243</sup> Sesetengah ahli sejarah menyatakan pada tahun 1816 M atau 1817 M. Lihat, Ahmad Fathi al- Fatani (2001), *op.cit.*, h. 58. Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (2003), *op.cit.*, h. 273.

<sup>244</sup> Ahmad Omar Chapakia (2003), “Politik Perjuangan Masyarakat Melayu di Selatan Thailand: Suatu Pengamatan Sejarah dan Unjuran Masa Depan” dalam A. Aziz Deraman (ed.), *op.cit.*

<sup>245</sup> A. Bangnara (1976), *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Angkatan al-Fathani, h. 36.

<sup>246</sup> Ahmad Fathi al- Fatani (2001), *op.cit.*, h. 58.

Pada tahun 1906, kerajaan Siam mengubah pula sistem pentadbiran negeri Patani dengan memansuhkan sistem pentadbiran *Boriven Ched Hua Muang* dan kemudiannya mencantumkan negeri-negeri yang tujuh itu menjadi satu *Monthon* (satu kawasan pentadbiran) iaitu *Monthon* Patani.<sup>247</sup> *Monthon* Patani itu terbahagi kepada empat negeri iaitu negeri Patani (dengan memasukkan negeri Nongcik dan Jambu), negeri Yala (dengan memasukkan negeri Raman), negeri Legeh dan negeri Teluban.<sup>248</sup> Pada penyusunan kali ini nama Legeh ditukar menjadi Bangnara dan kemudiannya pada tahun 1915, nama itu bertukar pula menjadi Narathiwat sehingga kini.<sup>249</sup>

Pada 19 Mei 1916, kerajaan Siam menghapuskan istilah “Negeri” yang digantikan dengan istilah “Changwad” (wilayah). Oleh itu, *Monthon* Patani terdiri daripada wilayah Pattani, Yala, Saiburi dan Narathiwat.<sup>250</sup> Pada 16 Februari tahun 1931, kerajaan Siam pula menukar taraf wilayah Saiburi menjadi salah satu daerah di bawah wilayah Pattani, kemudiannya memansuhkan sistem pentadbiran cara *Monthon* menjadi wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat sahaja yang di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri semenjak tahun 1933 sehingga kini.<sup>251</sup> Semua tiga wilayah tersebut pada masa kini dipimpin oleh *Puwa* (Gabenor).

Kesimpulannya, negeri Patani yang terkenal di alam dunia Melayu masa silam menerima nasib kehilangan negeri yang hanya dikenalkan dalam catatan sejarah sahaja serta bertambah jauh terpisah dari negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Pada masa kini, negeri Patani adalah dikenalkan sebagai Selatan Thailand yang berada di bawah kuasa kerajaan Thailand sahaja. Oleh yang demikian, Selatan Thailand mempunyai kedudukan dan latar belakang sejarah, bahasa, bangsa, agama dan budaya yang tersendiri dan berbeza dengan wilayah-wilayah lain di Thailand. Semenjak negeri Patani di bawah pentadbiran kerajaan Thailand keadaannya sentiasa bergolak sehingga kini.

---

<sup>247</sup> Ibrahim Syukri (2002), *op.cit.*, h. 99.

<sup>248</sup> Khrong Chai Hattha (2005), *op.cit.*, h. 76.

<sup>249</sup> Ahmad Fathi al- Fatani (2001), *op.cit.*, h. 58-59.

<sup>250</sup> *Ibid.*, h. 59.

<sup>251</sup> Khrong Chai Hattha (2005), *op.cit.*, h. 77.

### 3.1.2 Kedatangan Islam

Sejarah awal kedatangan Islam di Selatan Thailand perlu melihat sejarah awal negeri Patani. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat negeri Patani pada awalnya mempercayai wujudnya kuasa ghaib yang dapat mempengaruhi kehidupan mereka. Antara dasar kepercayaan mereka yang telah diamalkan semenjak purbakala lagi ialah kepercayaan dinamisme,<sup>252</sup> animisme<sup>253</sup> dan kepercayaan agama Hindu-Buddha yang turut berkembang kemudiannya.<sup>254</sup> Surin Pitsuwan menyatakan sebelum kedatangan Islam, agama Hindu-Buddha telah menjadi agama peradaban asas bagi kawasan ini.<sup>255</sup>

A. Bangnara menerangkan iaitu:

*“Orang-orang Patani pada zaman Langkasuka itu mempercayai hantu syaitan dan memuja benda-benda seperti pohon-pohon kayu angin sungai dan sebagainya. Ugama Barhama mula masuk kira-kira tahun 200 M. Kemudian empayar Seri Wijaya mulai meluaskan kawasannya hingga sampai ke Patani dengan menyebarkan ugama Buddha dan mengembangkan bahasa Melayu. Sesudah kerajaan Seri Wijaya berkuasa dan berpengaruh maka kerajaan Langkasuka pun mulai hilang dari peta dunia.”<sup>256</sup>*

Manakala di dalam catatan seorang ahli pengembara Cina pula menerangkan di Langkasuka, beliau menemui beberapa orang kaum Barhamin dari India yang tinggal di istana raja. Bukti ini mengesahkan agama Barhama Hindu telah bertapak di negeri Patani pada tahun sebelum 450.<sup>257</sup> Pada tahun 515, raja Langkasuka dikenali dengan Bhaga Datta

<sup>252</sup> Dinamisme ialah kepercayaan kepada adanya tenaga ghaib atau kuasa yang luar biasa pada diri sesuatu. Lihat, Muhammad Lazim Lawi (2005), *Sejarah dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Patani*. Yala: Penerbit Pusat Kebudayaan Islam, KIY, h. 15.

<sup>253</sup> Animisme ialah kepercayaan bahawa pada setiap benda itu mempunyai semangat atau roh yang memiliki tenaga atau kuasa ghaib yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Kepercayaan ini menimbulkan pemujaan atau perhambaan kepada benda itu seperti memuja roh nenek moyang, memuja hantu dan kepercayaan kepada semangat. Lihat, *Ibid.*, h. 15 dan 23-30

<sup>254</sup> *Ibid.*

<sup>255</sup> Surin Pitsuwan (1984), *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of The Malay-Muslims of Southern Thailand*. U.S.A.: University Microfilms International, h. 27.

<sup>256</sup> A. Bangnara (1976), *op.cit.*, h. 3.

<sup>257</sup> Ahmad Fathi al- Fathani (2001), *op.cit.*, h. 4.

iaitu satu nama dalam bahasa Sanskrit yang bererti pembawa kuasa dan nama ini memberi kesan jelas akan pengaruh agama Hindu di Langkasuka.<sup>258</sup>

Fakta-fakta di atas jelas menunjukkan sebelum kedatangan Islam ke kawasan negeri Patani didapati pelbagai kepercayaan dan agama telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat kawasan ini. Apabila Islam datang ke negeri Patani, didapati agama Islam telah mempengaruhi masyarakat negeri Patani serta terus kekal sebagai agama anutan mereka. Ahli sejarah belum sepakat mengenai tarikh dan cara kemasukan sebenarnya. Setakat ini, tiada bukti-bukti yang jelas bagi menentukan perkara-perkara tersebut.

Negeri Patani adalah sebuah negeri yang terkenal sebagai pusat perdagangan yang terpenting semasa kerajaan Langkasuka lagi dan ramai pedagang-pedagang dari China, India, Arab dan Jawa datang untuk berdagang di sini. Agama Islam dipercayai telah sampai ke negeri Patani melalui pedagang-pedagang tersebut.<sup>259</sup> Mengikut W. K. Che Man menyatakan pedagang dari India dan Arab menduduki pusat perdagangan negeri Patani pada akhir abad ke-12 dan telah berkahwin dengan penduduk tempatan serta membentuk asal-usul masyarakat Islam. Lebih daripada tiga abad selepas itu Islam tersebar luas di kawasan tersebut hingga mempengaruhi golongan istana untuk menganut Islam<sup>260</sup>

A. Bangnara menerangkan agama Islam telah sampai ke negeri Patani sekitar abad ke-10 dan dipercayai pedagang dari negara-negara Arab telah menyebarkan agama Islam kepada rakyat negeri ini. Islam disebarluaskan di kalangan rakyat 300 tahun lebih awal dan selepas itu barulah raja dan pemerintah menganut agama Islam sekitar abad ke- 15 iaitu kira-kira pada tahun 1457.<sup>261</sup> Manakala A. Teeuw & D.K. Wyatt menegaskan kenyataan d'Eredia yang ditulis pada tahun 1613 yang menyatakan agama Islam masuk ke negeri Patani dan Pahang terlebih dahulu dan kemudiannya barulah masuk ke negeri Melaka.<sup>262</sup>

---

<sup>258</sup> *Ibid.*

<sup>259</sup> Muhammad Lazim Lawi (2005), *op.cit.*, h. 86.

<sup>260</sup> W.K. Che Man (2008), “Melayu Muslim Selatan Thai” dalam Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (eds.), *Muslim Selatan Thai Konflik dan Perjuangan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 4.

<sup>261</sup> A. Bangnara (1976), *op.cit.*, h. 6- 7.

<sup>262</sup> A. Teew D. K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 4.

Mengikut sejarah negeri Kelantan, sekitar pada tahun 1150 seorang syeikh dari negeri Patani telah datang menyebarkan agama Islam ke negeri Kelantan.<sup>263</sup>

Kenyataan-kenyataan di atas dapat difahami bahawa agama Islam disebarluaskan di kalangan rakyat 300 tahun lebih awal sebelum disebarluaskan kepada raja dan pemerintah di istana sehingga mereka menganut Islam sekitar abad ke-15. Kemasukan Islam di negeri Patani dan Pahang adalah lebih awal daripada negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Raja negeri Patani yang pertama yang menganut agama Islam ialah Raja Phaya Tu Naqpa seperti mana yang telah diperjelaskan oleh A. Teeuw & D. K. Wyatt dalam bukunya *Hikayat Patani*. Sebelum Raja Phaya Tu Naqpa menganut agama Islam terdapat sebuah perkampungan Islam yang bernama kampung Pasai yang terletak di pinggir negeri Patani. Pada suatu hari, baginda menghidap penyakit kulit dan tiada dukun yang boleh mengubati penyakit baginda. Ketika itu terdapat seorang syeikh yang bernama Syeikh Said yang berasal dari kampung Pasai sanggup mengubati baginda dengan mengemukakan satu syarat iaitu jika baginda sembuh daripada penyakit itu, baginda mesti menganut agama Islam dan akhirnya baginda bersetuju. Setelah baginda sembuh, baginda tidak menepati janji sebanyak dua kali sehinggalah penyakit itu berulang kali yang ketiga barulah baginda bersumpah. Baginda menyuruh pesuruhnya menyampaikan titah baginda kepada Syeikh Said iaitu “Pergilah engkau panggil orang Pasai itu; engkau katakan padanya; jikalau sembuh penyakitku sekali ini, tiadalah kuubahkan janjiku dengan dia itu. Demi berhala yang kusembah ini, jikalau aku mengubahkan janjiku ini, janganlah sembuh dari penyakitku selama-lamanya.”<sup>264</sup> Baginda akhirnya sembuh daripada penyakit kulit itu dan terus menganut agama Islam.

Setelah Raja Phaya Tu Naqpa menganut agama Islam maka keluarga dan pemerintahnya di istana juga turut menganut agama Islam.<sup>265</sup> Selain daripada faktor penyakit baginda yang berjaya disembuhkan menyebabkan raja menganut Islam terdapat

<sup>263</sup> Dasuki Hj. Ahmad (1982), *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP, h. 521.

<sup>264</sup> A. Teeuw D. K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 73.

<sup>265</sup> *Ibid.*, h. 74.

juga kemungkinan melibatkan faktor lain iaitu raja dan pemerintah di istana menganut Islam bermotifkan ekonomi dan politik. Ini kerana agama Islam adalah suatu cara untuk memenuhi kepentingan perdagangan dengan para pedagang dari negara Gujarat, Arab, Turki dan Parsi yang menguasai kebanyakan perdagangan di negara Barat pada abad ke-14 dan ke-15.<sup>266</sup> Nama Raja Phaya Tu Naqpa ditukarkan menjadi nama Sultan Ismail Shah Zillullah fil a'lam setelah menganut agama Islam dan turut menukarkan nama ketiga-tiga anak baginda kepada nama Islam iaitu Sultan Muzaffar Shah, Siti Aishah dan Sultan Mansur Shah. Nama negeri Patani juga telah diberikan gelaran “Patani Darussalam”.<sup>267</sup>

Terdapat perbezaan di antara buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* dengan buku *Hikayat Patani* tentang nama raja Patani yang menganut agama Islam dan dukun yang datang merawat baginda seperti yang telah disebutkan di atas. Dalam buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* menyatakan raja yang menganut agama Islam tersebut ialah Raja Tu Antira dan nama Islamnya ialah Sultan Mahamad Shah serta dukun yang merawat baginda ialah Syeikh Safiyuddin.<sup>268</sup>

Ahli akademik tempatan juga berbeza pandangan dengan perkara tersebut dengan mengemukakan alasan masing-masing. Walau bagaimanapun pengkaji cenderung kepada pandangan yang mengatakan Sultan Ismail Shah atau Sultan Mahamad Shah serta dukun yang datang merawat baginda iaitu Syeikh Said atau Syeikh Safiyuddin adalah orang yang sama. Ini kerana kejadian-kejadian dan nama-nama anak baginda selepas menganut agama Islam adalah kisah yang sama. Dukun yang merawat raja juga adalah dari tempat yang sama. Oleh itu, perbezaan dari sudut nama itu adalah mungkin daripada sudut panggilan yang berlainan sahaja tetapi melibatkan orang yang sama. *Wallāh A'lam*.

Setelah raja menganut agama Islam, rakyat negeri Patani seluruhnya yang belum menganut Islam turut menganut agama Islam dan agama Islam adalah sebagai agama rasmi

---

<sup>266</sup> W.K. Che Man (2008), “Institusi Agama dan Politik di Patani” dalam Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (eds.), *op.cit.*, h. 62.

<sup>267</sup> A. Teew D. K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 75.

<sup>268</sup> Ibrahim Syukri (2002), *op.cit.*, h. 32-34.

bagi negeri Patani. Raja telah melantik Syeikh Said sebagai guru agama Islam dengan memberi gelaran “Dato Seri Raja Faqih” untuk mengajar ilmu agama kepada baginda dan rakyatnya. Oleh yang demikian, agama Islam telah bertapak kukuh dan menjadi pusat perkembangan agama Islam di Asia Tenggara.

Kesimpulannya, sebelum agama Islam bertapak sebagai agama anutan di negeri Patani, kepercayaan dinamisme, animisme dan agama Hindu-Buddha telah dianuti oleh raja dan rakyat. Adalah dipercayai kedatangan Islam ke negeri Patani bermula melalui pedagang-pedagang Muslim yang datang berdagang dengan negeri Patani sama ada dari negara Arab, India, Parsi, China dan Jawa. Apabila raja menganut agama Islam maka rakyat jelata yang belum menganut agama Islam pun turut menganut agama Islam dan syariat Islam mula berkembang dan diamalkan sedikit demi sedikit sehingga kini. Kedatangan Islam ke negeri Patani lebih awal dari negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.

### **3.1.3 Penduduk**

Penduduk Islam di Thailand adalah masyarakat minoriti namun di Selatan Thailand penduduk Islam merupakan masyarakat majoriti dan dominan. Mereka merupakan penduduk berketurunan ras Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dialek Patani serta mengamalkan budaya Melayu dalam kehidupan seharian.<sup>269</sup> Di samping itu juga, masyarakat Islam di Selatan Thailand lebih menyukai panggilan mereka dengan “orang Melayu” daripada istilah “Thai Islam” atau “Thai Muslim”.

Hj. Sulong b. Abdulqadir bekas pemimpin masyarakat Islam di Selatan Thailand pernah menyebut bahawa orang Melayu diletakkan di bawah pemerintahan kerajaan Thailand adalah disebabkan kekalahan dalam perperangan. Istilah Thai Muslim yang dipanggilkan ke atas orang Melayu telah membangkitkan perasaan kalah bagi orang Melayu

---

<sup>269</sup> Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (2003), “Bahasa dan Budaya Melayu di Selatan Thai”, dalam A. Aziz Deraman (ed.), *op.cit.*, h. 214.

dan mereka tidak berkehendak untuk menggunakan istilah tersebut. Mereka memohon kerajaan Thailand supaya menghormati mereka dengan memanggil Melayu Muslim.<sup>270</sup>

Walau bagaimanapun, kerajaan Thailand tidak menghiraukan permohonan tersebut dan telah mendesak orang Melayu supaya tidak lagi menggunakan perkataan Melayu sebagai pengganti diri sebaliknya kerajaan menyuruh mereka menggantikan dengan Thai Muslim. Tujuannya asalnya adalah untuk menghapuskan istilah Melayu yang juga bererti penghapusan ras dan bahasa Melayu di negara Thailand. Oleh yang demikian, kerajaan telah mencapai tujuan tersebut kerana keseluruhan orang Melayu menggunakan istilah Thai Muslim dalam konteks rasmi dengan kerajaan.<sup>271</sup>

Perkara tersebut berlaku pada pemerintahan kerajaan Perdana Menteri Chom Phunpa Phibun Songkhram, beliau telah mengeluarkan dasar polisinya yang menggunakan perkataan Thai ke atas semua ras yang berada di Thailand yang dikenali dengan polisi *Rattaniyom* (polisi yang menjadikan semua ras di negara Thailand berpadu kepada ras dan kebudayaan Thai sahaja). Polisi tersebut mempunyai 12 perkara yang telah dikeluarkan secara beransur-ansur dari 24 Jun tahun 1939 hingga 28 Januari 1942 iaitu;<sup>272</sup> (1) Penggunaan nama negara, rakyat dan bangsa (24 Jun tahun 1939). (2) Bahaya yang akan menjejaskan bangsa (3 Julai 1939). (3) Panggilan nama orang Thai ( 2 Ogos 1939). (4) Penghormatan bendera kebangsaan, lagu kebangsaan dan lagu puji raja ( 8 September 1939). (5) Dorongan supaya orang Thai mengguna barang-barang asas buatan dalam negara Thailand. (1 November 1939). (6) Gaya dan isi nyanyian lagu kebangsaan. (10 Disember 1939). (7) Mengajak supaya orang Thai bekerjasama membangun bangsa (21 Mac 1940). (8) Nyanyian lagu puji raja (26 April 1940). (9) Bahasa dan pelajaran Thai serta tanggungjawab warga negara yang baik (24 Jun 1940). (10) Pakaian warga negara Thailand (15 Januari 1941). (11) Kerja harian orang Thai (8 September 1941). (12)

---

<sup>270</sup> Sawvanee Jitmoud (1988), *Ethnic Group: Thai Muslim*. Bangkok: Kongtun Senga Chira Amphorn, h. 106.

<sup>271</sup> Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (2003), *op.cit.*, h. 218-221.

<sup>272</sup> Sun Khaw Isra, [http://www.isranews.org/cms/index.php?option=com\\_content&task=view&id=855&Itemid=47](http://www.isranews.org/cms/index.php?option=com_content&task=view&id=855&Itemid=47), 10 Jun 2009.

Pertolongan dalam memberi perlindungan terhadap kanak-kanak, orang tua dan orang lemah (28 Januari 1942).

Fakta di atas khususnya perkara (3) menunjukkan kerajaan Thailand telah memaksa semua ras yang berada di negara Thailand supaya mengganti dengan ras Thai ke atas ras asal mereka. Oleh yang demikian, perkataan Melayu tidak dapat dimasukkan dalam kad pengenalan sehingga kini. Sebaliknya, dalam kad pengenalan terkenal dengan ras Thai. Penggunaan istilah Thai Muslim secara perlahan-lahan akan menanam perasaan Thai dan menghapuskan identiti Melayu kepada generasi kemudian secara langsung atau tidak langsung.

Menurut banci penduduk di Selatan Thailand pada tahun 2007, jumlah penduduk keseluruhannya adalah kira-kira 1.80 juta orang penduduk. Wilayah Pattani, jumlah penduduk yang beragama Islam 540,522 orang, agama Buddha 95,375 orang dan agama Kristian 329 orang.<sup>273</sup> Wilayah Yala, jumlah penduduk yang beragama Islam 354,317 orang, penduduk agama Buddha 113,946 orang, penduduk agama Kristian 892 orang dan agama lain 639 orang.<sup>274</sup> Manakala wilayah Narathiwat mempunyai jumlah penduduk yang beragama Islam 598,427 orang, penduduk agama Buddha 98,221 orang, penduduk agama Kristian 1,214 orang.<sup>275</sup> Bagi memudahkan melihat kedudukannya dalam setiap wilayah sila lihat jadual 3.1 di bawah :

---

<sup>273</sup> Provincial Pattani, [http://poc.pattani.go.th/report.php?report\\_id=10&year\\_b=2549](http://poc.pattani.go.th/report.php?report_id=10&year_b=2549), 25 Mei 2009.

<sup>274</sup> Provincial Yala, [http://202.69.136.179/yala\\_poc/report/sar/report/report.php?id=sm020301&headName=Kannaphe Sasna](http://202.69.136.179/yala_poc/report/sar/report/report.php?id=sm020301&headName=Kannaphe Sasna), 25 Mei 2009.

<sup>275</sup> Provincial Narathiwat, <http://123.242.187.1/n45/main/?Ls=2>, 25 Mei 2009.

Jadual 3.1:Bilangan Penduduk di Selatan Thailand Mengikut Agama Pada Tahun 2007.

Wilayah	Penduduk Islam	Penduduk Buddha	Penduduk Kristian	Penduduk Lain-lain
Pattani	540,522	95,375	329	-
Yala	354,317	113,946	892	639
Narathiwat	598,427	98,221	1,214	-
Jumlah	1,493,266	307,542	2,435	639
Peratus	82.78%	17.05%	0.13%	0.04%

Sumber: Laman Web *Provincial Operation Centre* Pattani, Yala and Narathiwat, seperti ternyata di nota rujukan di atas.

Berdasarkan Jadual di atas, bilangan keseluruhan penduduk Islam di Selatan Thailand ialah 1,493,266 orang peratusannya ialah kira-kira 82.78%. Wilayah Narathiwat merupakan penduduk Islam yang paling ramai dan majoritinya adalah 598,427 orang diikuti penduduk Islam di wilayah Pattani adalah 540,522 orang dan seterusnya penduduk Islam di wilayah Yala iaitu 354,317 orang.

### 3.1.4 Agama Dan Bahasa

#### a) Agama

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa Selatan Thailand merupakan negeri Islam yang bernama negeri Patani Darussalam. Ia pernah menjadi pusat penyebaran agama Islam yang terkenal dan terbesar di Asia Tenggara pada akhir abad ke-18 hingga sepanjang abad ke-19. Kawasan ini juga telah melahirkan para ulama termasyhur yang karyanya menjadi panduan dalam membicarakan ilmu Islam sehingga kini. Ia juga merupakan antara kawasan pertumbuhan institusi pendidikan Islam terawal di gugusan kepulauan Melayu. Dengan berlatar belakangkan sejarah itu, masyarakat Islam di Selatan Thailand mudah tertarik dan terpengaruh kepada agama. Kegiatan yang menggunakan label Islam lebih mudah mempengaruhi masyarakat.<sup>276</sup>

Walaupun agama Islam sudah lama bertapak dan banyak melahirkan para ulama di Selatan Thailand, namun segelintir penduduknya tidak sepenuhnya mendalami ajaran

---

<sup>276</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 34.

agama Islam kerana mereka masih mengamalkan perkara-perkara khurafat, syirik dan bidah. Ini merupakan kesan daripada hasil kepercayaan fahaman dinamisme, animisme dan ajaran Hindu-Buddha yang dipercayai dan diamalkan oleh nenek moyang mereka.<sup>277</sup>

Dalam buku *Patani Dalam Tamadun Melayu* menyatakan sungguhpun sudah berabad-abad lamanya masyarakat Melayu menerima Islam sebagai kepercayaannya, namun amalan serta ciri kebudayaan kesan daripada pengaruh Hindu-Buddha masih kukuh di kalangan orang Melayu. Orang Melayu negeri Patani dan di negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung Tanah Melayu terus mengekalkan amalan ini sehingga kadang-kadang mereka tidak dapat membezakan yang mana kehendak adat dan yang mana kewajipan agama.<sup>278</sup>

Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Selatan Thailand masih terpengaruh dengan amalan Hindu-Buddha dan perkara-perkara khurafat walaupun agama Islam sudah bertapak beberapa abad lamanya. Antara contoh amalan khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand ialah amalan persediaan sebelum berkhatan. Upacara-upacara yang terdapat di dalam amalan tersebut adalah seperti menyediakan dulang kenduri yang berisi tapak kemenyan yang dibakar, benang mentah, air, bertih, pulut kuning, dodol dan sebagainya dengan tujuan untuk menolok bala yang berkait rapat dengan nenek moyang. Bagi sesetengah keluarga yang berpengaruh pula, mereka akan menggunakan gajah dan akan menaikkan anak mereka ke atas gajah tersebut untuk diarak di sekeliling kampung serta menjemput tok mudin untuk menjayakan upacara tersebut.<sup>279</sup> Amalan tersebut telah bercampur dengan unsur-unsur kepercayaan Hindu seperti yang diperjelaskan oleh R.O. Winstedt yang menyatakan upacara berarak bagi kanak-kanak di atas gajah mempunyai unsur yang sama dengan kepercayaan Hindu yang mengarak patung geroda Visynu di atas belakang gajah.<sup>280</sup> Walaupun kepercayaan tersebut masih berada

---

<sup>277</sup> Muhammad Lazim Lawi (2005), *op.cit.*, h. 115-116.

<sup>278</sup> Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op.cit.*, h.192-193.

<sup>279</sup> Muhammad Lazim Lawi (2005), *op.cit.*, h. 120.

<sup>280</sup> Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op.cit.*, h.198.

dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand, namun bilangan yang masih melakukannya adalah sedikit sahaja dan semakin lopus.

Kerajaan Thailand telah memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat dalam beragama, beribadat dan berdakwah. Ini berdasarkan Akta Perlembagaan Negara Thailand yang memberi kebebasan terhadap rakyat dalam beragama dan beribadat pada mana-mana agama yang dianutinya. Seperti mana yang tercatat dalam perlembagaan Thailand 2550 B.E. bersamaan 2007 artikel 37 maksudnya:

“ Setiap rakyat diberi kebebasan dalam beragama, bermazhab dan beribadat atau beradat menurut kepercayaan masing-masing selagi tidak membawa kemudarat dalam tugas sebagai rakyat dan tidak menjaskan keamanan dan ketenteraman negara.”<sup>281</sup>

Agama rasmi di Thailand ialah agama Buddha yang dianuti oleh majoriti rakyatnya, namun di Selatan Thailand rakyat yang berketurunan Melayu sebagai masyarakat majoritinya menjadikan agama Islam sebagai anutan. Mengikut pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati ahli sunah waljamaah bermazhab Syafii dari segi fikah dan berakidah aliran *al-Ashā’irah* atau khalaf adalah teras bagi majoriti masyarakat Islam di Selatan Thailand. Namun begitu, kebelakangan ini terdapat sebahagian besar masyarakat beribadat berpegang dengan sumber dalil yang lebih kuat serta berakidah salaf yang dikenali “Kaum Muda” atau “Golongan Wahabi” dan ada juga segelintir masyarakat bermazhab dan berakidah Syiah.

Pada awal tahun 1980-an telah munculnya gerakan keagamaan yang berperanan secara aktif dan terbuka dalam masyarakat seperti Jemaah Dakwah Tabligh yang merupakan gerakan yang melaung kembali kepada al-Quran dan sunah serta pergerakan

---

<sup>281</sup> Samnakngan Leakhatikan Wutisapha (2008), *Rattamanun Heang Rajanachark Thai Phutsakarat 2550*, Bangkok: Kanaraj Muntri Lea Rajkichanubeaksa, h. 20.

belia dan mahasiswa dengan membawa agama sebagai asas dan matlamat. Secara umumnya agama berperanan sebagai faktor utama dalam perubahan trend masyarakat Islam.<sup>282</sup>

Wujudnya konflik dalam memahami isu agama di Selatan Thailand sehingga berpecah kepada dua golongan terbesar iaitu golongan tradisional atau terkenal dengan “Kaum Tua” atau “Golongan Pondok” dan golongan fundamental yang terkenal dengan “Kaum Muda” atau “Golongan Wahabi”. Ia tercetus apabila para pelajar yang belajar dari Timur Tengah yang menerima fahaman dalam bentuk fundamentalis telah menyebarkannya di tanah air. Usaha-usaha tersebut telah menimbulkan konflik dengan para ulama tua yang konservatif yang masih mempertahankan amalan-amalan tradisi. Hal tersebut berlaku pada tahun 1970 sehingga kini.<sup>283</sup>

Mengikut pemerhatian pengkaji, didapati konflik pemikiran di antara kaum tua dan kaum muda semakin reda kerana mereka mementingkan isu pergolakan yang sedang berlaku di dalam masyarakat semenjak awal tahun 2004 yang menyebabkan imej agama Islam dan orang Islam kawasan ini dicemari dan dilabelkan sebagai pengganas. Mereka kedua-dua golongan tersebut dapat membincang bersama-sama untuk menyelesaikan mengenai isu tersebut di dalam beberapa majlis yang telah dianjurkan oleh kerajaan. Antaranya ialah majlis perbincangan mengenai *Kitab Jihad Patani* (merupakan kitab yang ditulis oleh golongan pemisah).

Manakala aspek kegiatan dakwah, pengkaji mendapati semenjak berlakunya pergolakan besar-besaran pada tahun 2004 sehingga kini, keadaan tersebut telah menyukarkan bagi pendakwah untuk menyampaikan dakwah pada waktu malam seperti ceramah, forum, program-program keagamaan dan sebagainya, Ismail b. Hj. Yaacob menjelaskan bahawa dengan keadaan yang tidak aman ini telah menyebabkan tuan guru tidak lagi memasuki kampung-kampung untuk mengajar pada waktu malam seperti dahulu tetapi sesetengah kampung masih menganjurkan pengajian yang diajarkan oleh imam atau

---

<sup>282</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 35.

<sup>283</sup> *Ibid.*, h. 34-35.

ustaz tempatan.<sup>284</sup> Oleh itu, secara umumnya kegiatan dakwah di Selatan Thailand pada waktu malam tidak lagi dilaksanakan secara besar-besaran oleh pendakwah seperti dahulu kerana situasi yang tidak mengizinkan.

Walau bagaimanapun, kegiatan dakwah masih lagi aktif pada aspek lain mengikut kemampuan pendakwah dan organisasi dakwah masing-masing. Kegiatan dakwah yang masih aktif di dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand pada masa kini terdapat dalam pelbagai bentuk iaitu bentuk institusi pendidikan, bentuk program-program seperti ceramah, forum, kuliah harian, kuliah mingguan, seminar, program Maulidur Rasul, program perjumpaan wanita, kursus perkahwinan, program pertandingan bacaan al-Quran dan lain-lain. Bentuk media massa pula adalah seperti mengajar melalui internet, radio, TV, kaset, majalah, VCD, buku dan sebagainya.

Kesimpulannya, tidak boleh dinafikan bahawa sebahagian kecil kesan agama Hindu-Buddha, amalan khurafat, syirik dan bidaah masih wujud dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga kini. Di samping itu juga, masih ramai umat Islam di Selatan Thailand belum mengetahui ilmu agama dan belum memahami Islam secara syumul iaitu Islam sebagai suatu cara hidup yang merangkumi semua aspek hidup sama ada politik, ekonomi, cara bermasyarakat dan sebagainya. Kefahaman mereka terbatas, mereka hanya memahami Islam sekadar mempercayai rukun Iman yang enam perkara dan melaksanakan rukun Islam yang lima perkara sahaja. Walau bagaimanapun, secara umumnya amalan penghayatan Islam masyarakat Islam di Selatan Thailand masih kuat bahkan lebih baik daripada 20 tahun dahulu kerana penekanan kefahaman melalui sumber asal iaitu al-Quran dan sunah dengan memberi tafsiran dan ulasan yang diambil perhatian serius oleh pendakwah-pendakwah sekarang. Manakala kegiatan dakwah pada masa kini, sesetengah kegiatan dakwah yang pernah di anjurkan oleh masyarakat Islam terhenti kerana situasi yang tidak aman dan selamat. Walau bagaimanapun, secara umumnya kegiatan dakwah

---

<sup>284</sup> Ismail b. Hj. Yaacob, Pengerusi *Ma'had al-Islāmiyyah*, daerah Raman, wilayah Yala. Temu bual pada 17 Disember 2009 di rumahnya.

kepada masyarakat bertambah meningkat berbanding 10 tahun dahulu kerana pelbagai pendekatan alternatif baru yang berbentuk media massa turut digunakan pada masa era globalisasi ini sama ada TV, radio, VCD, CD dan internet mengikut kemampuan yang sedia ada.

### b) Bahasa

Bahasa merupakan identiti sesebuah negara atau sesuatu kaum. Bahasa memainkan peranan penting sebagai unsur yang melambangkan asal keturunan, alat komunikasi dan semangat perkauman.<sup>285</sup> Bahasa rasmi yang digunakan oleh rakyat Thailand ialah bahasa Thai. Bagi masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berketurunan Melayu, mereka menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pertuturan dalam kehidupan seharian dan menggunakan tulisan jawi sebagai tulisan mereka. Kebanyakan tulisan jawi terdapat dalam buku teks pengajian Islam dan buku-buku agama. Golongan masyarakat yang menggunakan tulisan jawi adalah terdiri daripada para tuan guru, para ustaz, para pelajar pondok, para pelajar sekolah agama dan generasi dahulu yang tidak menguasai bahasa Thai. Namun, bahasa Thai juga digunakan ketika berada di pejabat-pejabat kerajaan, sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah swasta agama yang mengajar bahagian akademik, universiti-universiti dan tempat-tempat yang di bawah kuasa kerajaan Thailand atau tempat-tempat pekerjaan yang dimiliki oleh orang bukan Islam.<sup>286</sup>

Bahasa Melayu dialek Patani adalah bahasa yang tergolong dalam bahasa Melayu Timur Laut. Bahasa Melayu Timur Laut merupakan salah satu bahagian bahasa Melayu yang terdiri daripada bahasa Melayu dialek Patani, Kelantan dan Terengganu. Bahasa Melayu dialek Patani adalah tidak berbeza dari bahasa Melayu dialek Kelantan.<sup>287</sup> Bahasa Melayu dialek Patani juga masih menjadi bahasa pengantar utama dalam kelas pengajian

<sup>285</sup> Worawit Baru (1991), “Patani dalam Konteks Dunia Melayu” dalam Mohd. Yusof Hasan (ed.), *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 66.

<sup>286</sup> Romae Chapakiya (2004), “Pengaruh Kebudayaan Thai dalam Masyarakat Islam di Selatan Thai: Suatu Kajian Khusus di Bandar Yala” (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM), h. 83.

<sup>287</sup> Nik Abdul Rakib (2003), “Siamisasi Masyarakat Melayu di Selatan Thailand: Satu Kajian di Kampung Duku, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat” (Disertasi, Jabatan Pengajian Melayu, APIUM), h. 70.

Islam di pondok-pondok, sekolah-sekolah agama swasta mahupun di masjid-masjid atau di surau-surau. Buku-buku teks tadika, sekolah agama swasta dan pondok diajarkan kepada para pelajar dengan bahasa Melayu baku tulisan Jawi dan bahasa Arab. Di samping itu juga, ia digunakan dalam penyampaian ceramah, forum, khutbah hari jumaat dan dua hari raya di merata tempat di Selatan Thailand.

Masyarakat Islam di Selatan Thailand terutamanya di kalangan para ustaz, tuan guru dan pendakwah gemar menggunakan perkataan-perkataan dan istilah-istilah Arab ke dalam bahasa Melayu sama ada dalam pertuturan sehari-hari, penulisan, ceramah dan lain-lain. Tujuannya adalah sebagai salah satu proses memudahkan umat Islam untuk memahami al-Quran dan sunah. Namun, mereka yang menetap di kawasan perbandaran terutamanya, mereka memasukkan perkataan-perkataan Thai ke dalam bahasa Melayu.<sup>288</sup>

Perkataan Thai yang sering digunakan oleh masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bahasa Melayu ialah *Changwad* (wilayah), *Phuwa* (gabenor), *Phuthean* (wakil rakyat), *Acarn* (pensyarah) *Khru* (cikgu), *Pracum* (musyawarah), *Uprum* (kursus), *San* (Mahkamah), *Run* (generasi), *Prab* (saman) dan lain-lain. Sesetengah perkataan bahasa Melayu, mereka tidak mengetahui kalimat bahasa Melayu yang asal kerana kebiasaan mereka menggunakan perkataan Thai semenjak kecil lagi. Fenomena yang berlaku sekarang amat menyediakan apabila generasi muda kini yang pendidikan Thai dan menguasai bahasa Thai dengan lancar dan baik mereka lebih suka menggunakan bahasa Thai. Ini menyebabkan sesetengah mereka kekok bila bertutur dalam bahasa Melayu. Di samping itu juga, terdapat di kalangan mereka yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu langsung iaitu mereka yang menetap di kawasan perbandaran dan setengah tempat di Selatan Thailand seperti Mukim Samyod .

Fenomena tersebut adalah kesan daripada dasar polisi kerajaan Thailand yang hendak masyarakat Islam di Selatan Thailand dapat bertutur dalam bahasa Thai walaupun

---

<sup>288</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), “Dakwah Islamiah di Selatan Thailand: Suatu Kajian Tentang Perkembangannya Antara Tahun 1960-1991 M.” (Disertasi, Bahagian Pengajian Usuluddin, APIUM), h. 21.

secara beransur-ansur. Seperti ucapan Raja Phumiphon atau Rama IX ketika melawat wilayah Yala pada 23 Mac 1959. Baginda bertitah:<sup>289</sup>

*“Pendidikan adalah menjadi perkara yang sangat penting. Diharapkan supaya kerajaan dapat menguruskannya dengan baik dan mampu menjadikan rakyat di sini dapat berbahasa Thai. Walaupun tidak ramai dapat bercakap tetapi setakat boleh memahaminya adalah dianggap satu kejayaan. Kerana sebelum ini, bagi yang tidak memahami bahasa Thai terpaksa digunakan penterjemah. Dengan itu, perlu diusahakan supaya rakyat di sini dapat bercakap dan memahami bahasa Thai.”*

Melalui ucapan tersebut, jelas menunjukkan kerajaan Thailand menghendaki masyarakat Islam di Selatan Thailand menguasai bahasa Thai atau lebih kurang dapat memahaminya. Cara yang telah diterapkan oleh kerajaan ialah melalui pendidikan. Oleh sebab itulah, golongan generasi muda khususnya lebih terpengaruh dengan bahasa Thai sehingga kekok bertutur bahasa Melayu.

Rusdi Bako menyatakan generasi muda sekarang sudah terpengaruh dengan bahasa Thai dalam pertuturan mereka dan bahasa Melayu sedang mengalami kepupusan.<sup>290</sup> Manakala Ismail b. Hj. Yaacob menceritakan peratusan penguasaan bahasa Melayu sangat kurang kerana kekurangan guru dan pengaruh bahasa Thai.<sup>291</sup>

Walaupun kerajaan berjaya menerapkan bahasa Thai melalui pendidikan namun masih terdapat institusi pondok cara tradisional khususnya, sekolah agama swasta dan tadika yang masih sedar akan hakikat pentingnya bahasa Melayu. Mereka mempertahankan bahasa dan budaya Melayu dengan sedaya upaya mengikut kemampuan yang ada dengan bertutur dan mengajar serta mendidik anak-anak Melayu agar mempelajari bahasa Melayu sambil menerapkan nilai-nilai Melayu.<sup>292</sup>

<sup>289</sup> Ucapan ini terdapat di batu asas, Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkhan Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala).

<sup>290</sup> Rusdi Bako, Timbalan Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Yala dan Mudir *Ma'had Muhammadiyyah*, daerah Raman, wilayah Yala. Temu bual pada 30 Mei 2009 di rumahnya.

<sup>291</sup> Ismail b. Hj. Yaacob, *op.cit.* Temu bual pada 17 Disember 2009 di Rumahnya.

<sup>292</sup> Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (2003), *op.cit.*, h. 222.

Semenjak konflik yang berlaku besar-besaran pada awal tahun 2004 sehingga kini, kerajaan Thailand melalui Kementerian Pendidikan telah mengadakan polisi menggalakkan pembelajaran dengan bahasa ibunda (bahasa Melayu dialek Patani). Polisi ini akan mengadakan sistem pengajian dwibahasa iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai kepada kanak-kanak 3-6 tahun atau dikenali dengan *Pratom Wai* supaya kanak-kanak dapat belajar dengan bahasa natural (bahasa ibunda). Polisi ini telah dijalankan pada tahun 2006 di beberapa buah sekolah yang terpilih iaitu sebanyak 12 sekolah sebagai permulaan atau pedoman untuk dimajukan kepada sekolah-sekolah lain.<sup>293</sup>

Melalui pemerhatian pengkaji, didapati pada masa kini terdapat banyak program yang menggunakan bahasa Melayu disiarkan di TV seperti program berita tempatan, ceramah agama dan lain-lain di TV 11 dan terjemahan berita dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi berhuruf kecil di skrin *Modern Night TV*.

Kesimpulannya, tidak boleh dinafikan bahasa Melayu dialek Patani pada masa kini sedang mengalami kepupusan kerana banyak perkataan Thai telah dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sehingga menjadi bahasa rojak dalam pertuturan. Terdapat ramai generasi muda berasa kekok dalam berbahasa Melayu dan ada juga yang langsung tidak pandai bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani namun mereka memahaminya. Walau bagaimanapun kerajaan Thai kini telah mengambil perhatian terhadap perkembangan bahasa Melayu walaupun hakikatnya ia tidak mencukupi untuk mempengaruhi generasi muda kerana pengaruh bahasa Thai sangat kuat.

---

<sup>293</sup> Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala) (t.t.), 4 *Pi Ti Nampha Kanseksa Phea Khwam Peansuk Changwad Chaidean Phak Tai*. Yala: Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala), h. 35.

### **3.1.5 Pendidikan**

Selatan Thailand pada masa dahulu merupakan kawasan yang terkenal dengan gelaran “Cermin Mekah” iaitu pernah menjadi pusat penyebaran agama Islam dan pusat pendidikan Islam yang terkenal yang berperanan seperti di Mekah.<sup>294</sup> Persoalannya, bagaimanakah perkembangan pendidikan Islam di kalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand setelah berada di bawah pemerintah kerajaan Thailand sekarang? Oleh yang demikian, pada topik ini pengkaji hanya membincangkan perkembangan pendidikan Islam di Selatan Thailand sahaja walaupun masyarakat Islam di Selatan Thailand kini boleh memilih sama ada mempelajari akademik atau ilmu agama sahaja atau kedua-duanya serentak.

Walaupun masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berada di bawah kuasa kerajaan bukan Islam namun mereka berpeluang untuk menuntut ilmu agama. Pada masa kini, pendidikan Islam di kalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand semakin kuat dan terdapat pelbagai institusi pendidikan yang telah menawarkan ilmu agama kepada masyarakat sama ada secara formal atau tidak formal. Boleh dikatakan peluang untuk mempelajari ilmu agama terbuka kepada semua lapisan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa atau berumur. Institusi pendidikan yang menawarkan ilmu agama adalah seperti di taman asuhan kanak-kanak, taman didikan kanak-kanak, sekolah agama swasta dan universiti. Di samping itu juga, terdapat kuliah-kuliah mingguan yang dianjurkan oleh masjid di merata-rata tempat.<sup>295</sup>

Ismai Lutfi menjelaskan sambutan masyarakat Islam terhadap pengajian Islam semakin menggalakkan jika dibandingkan dengan dahulu. Pada masa kini, banyak sekolah agama swasta ditubuhkan dan ramai masyarakat lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama swasta sehingga terdapat beberapa buah sekolah yang mempunyai pelajar mencecah hampir 5,000 orang. Sekolah-sekolah yang besar bilangan pelajarnya

---

<sup>294</sup> Muhammad Lazim Lawi (2005), *op.cit.*, h. 8.

<sup>295</sup> Abdulqadir Ahmad al-Sadi (2001) “Dakwah Islamiah: Satu Kajian Terhadap Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam dalam Masyarakat Melayu Patani: Satu Pengenalan”, *Jurnal Pengajaran Islam*, Bil 1, September 2001, h. 33.

kebanyakannya adalah antara 1,000 hingga 3,000 orang. Di samping itu juga, terdapat beberapa majlis ilmu yang diadakan pada setiap minggu untuk masyarakat umum yang telah dihadiri lebih kurang 5,000 orang tanpa mengira usia dan jantina. Semenjak kebelakangan ini, kebanyakannya masjid menganjurkan pengajian Islam secara harian, mingguan atau bulanan.<sup>296</sup>

Rusdi Bako menyatakan pendidikan Islam di Selatan Thailand semakin meningkat berbanding dahulu yang hanya pondok sahaja memainkan peranan. Namun, pada masa kini ilmu agama boleh dipelajari di mana-mana sahaja sama ada di institusi pendidikan berbentuk sekolah kebangsaan, pusat pengajian al-Quran, sekolah agama swasta dan lain-lain. Di samping itu juga, masyarakat boleh mempelajari ilmu agama melalui media massa seperti radio, TV, internet dan lain-lain.<sup>297</sup>

Ismail b. Hj. Yaacob menjelaskan perkembangan pendidikan Islam di Selatan Thailand semakin meningkat pada masa kini kerana kerajaan memberi peluang dengan membantu sekolah agama swasta dan pondok dalam meningkat pendidikan Islam.<sup>298</sup>

Antara institusi-institusi pendidikan yang menganjurkan pendidikan Islam kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand supaya mereka dapat memahami ajaran Islam dengan sepenuhnya ialah seperti berikut:-

### **1. Masjid**

Masjid merupakan tempat solat dan beribadat kepada Allah SWT bahkan ia mempunyai peranan yang penting dalam mendidik masyarakat yang berilmu seperti mana yang telah tercatat di dalam sejarah Islam. Masjid merupakan institusi pendidikan yang terpenting bagi setiap masyarakat Islam sehingga kini. Masjid di Selatan Thailand juga mempunyai peranan penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat. Kebiasaannya setiap masjid mempunyai tuan guru atau ustaz untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat.

---

<sup>296</sup>Ismail Lutfi Japakiya (2003), “Islam dan Masyarakat Melayu di Selatan Thailand”, dalam A. Aziz Deraman (ed.), *op.cit.*, h. 384-385.

<sup>297</sup>Rusdi Bako, *op.cit.* Temu bual pada 30 Mei 2009 di rumahnya.

<sup>298</sup>Ismail b. Hj. Yaacob, *op.cit.* Temu bual pada 17 Disember 2009 di rumahnya.

Melalui pemerhatian pengkaji didapati semenjak berlakunya pergolakan secara besar-besaran bermula pada awal tahun 2004, pengajian Islam yang dianjurkan oleh masjid khususnya pada waktu malam boleh dikatakan hampir tiada kerana keadaan yang tidak aman dan selamat sehingga para tuan guru atau para ustaz takut untuk menghadirinya. Walau bagaimanapun, pada waktu siang masih banyak masjid yang menganjurkan pengajian Islam kepada masyarakat. Masjid yang menjadi tumpuan dan terkenal di kalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand untuk menuntut ilmu agama secara beramai-ramai pada setiap hari Sabtu ialah Masjid Jamik Pattani, daerah Muang, wilayah Pattani yang disampaikan oleh Tuan guru Ismail Daalaj Sepanjang dan Masjid ‘*Ibād al-Rahmān*, daerah Muang, wilayah Pattani yang disampaikan oleh Ismail Lutfi. Manakala pada hari Ahad pula ialah Masjid Jamik Yala, daerah Muang , wilayah Yala yang disampaikan oleh Tuan guru Ismail Daalaj Sepanjang dan Masjid Universiti Islam Yala kampus Paramitea, daerah Muang, wilayah Yala yang disampaikan oleh Ismail Lutfi dan rakan-rakan pensyarahnya.

Masjid di Selatan Thailand juga berperanan sebagai tempat mendidik kanak-kanak dalam mengenal al-Quran. Waktu kebiasaan yang dianjurkan oleh masjid bagi kanak-kanak ialah selepas pulang dari sekolah kebangsaan pada pukul 16.30-17.30 p.m. dan selepas solat Maghrib sehingga solat Isyak. Kaedah yang digunakan untuk mengenal huruf al-Quran adalah mengikut kehendak guru masing-masing sama ada menggunakan kaedah *Bağhdād* atau *Iqra'* atau *Qirā'ati*.

Masjid yang telah berdaftar dengan Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand adalah seperti jadual 3.2 di bawah ini.

Jadual 3.2: Bilangan Masjid di Selatan Thailand Yang Berdaftar Pada Bulan April 2009.

<b>Wilayah</b>	<b>Bilangan Masjid</b>
<b>Pattani</b>	<b>659</b>
<b>Yala</b>	<b>452</b>
<b>Narathiwat</b>	<b>634</b>
<b>Jumlahnya</b>	<b>1,745</b>

Sumber: *Than Khamun Khanakamkan Islam Lea Satan Sunchariyaseksa* (Tadika), [http://58.97.43.150/islam/pdf\\_mussayid\\_report?action=showFirst](http://58.97.43.150/islam/pdf_mussayid_report?action=showFirst), 20 April 2009.

Berdasarkan Jadual di atas, jumlah keseluruhan masjid yang telah berdaftar dengan Majlis Agama Islam di Selatan Thailand adalah sebanyak 1,745 masjid. Ia menunjukkan bahawa di Selatan Thailand mempunyai masjid yang agak banyak dan ini belum termasuk masjid yang belum berdaftar. Wilayah yang mempunyai masjid yang terbanyak ialah wilayah Pattani sebanyak 659 masjid, diikuti wilayah Narathiwat sebanyak 634 masjid dan seterusnya wilayah Yala sebanyak 452 masjid. Oleh yang demikian, masjid merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam membimbing dan mendidik masyarakat Islam untuk memahami ajaran Islam.

## 2. Tadika

Di Selatan Thailand, tadika merupakan salah satu institusi pendidikan Islam yang mendidik kanak-kanak Muslim yang ditubuhkan oleh masyarakat tempatan yang menghendaki anak-anak mereka mempelajari ilmu agama atau fardu ain. Tadika telah diletakkan di bawah naungan masjid. Majlis Agama Islam di setiap wilayah di Selatan Thailand memainkan peranan masing-masing dalam mengendalikan tadika untuk mengawal secara lebih berkesan dengan menubuahkan Persatuan Tadika setiap wilayah iaitu di wilayah Pattani terkenal dengan “PUSTAKA”, di wilayah Yala terkenal dengan “PERTIWI” dan di wilayah Narathiwat terkenal dengan “PUSAKA” yang di letakkan di bawah jagaan Bahagian Pelajaran, Majlis Agama Islam Wilayah.<sup>299</sup> Majlis Agama Islam juga telah menubuahkan

---

<sup>299</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 284-285.

Pusat Penyelarasan Tadika Selatan yang terkenal dengan “PERKASA” untuk kerajaan membantu kegiatan pendidikan Islam di tadika.<sup>300</sup>

Walaupun Majlis Agam Islam mengambil peranan dalam mengendalikan tadika tetapi tadika tidak juga mempunyai sistem pengajian yang teratur dan tetap, ia bergantung kepada kemampuan masyarakat tempatan masing-masing. Kurikulum pengajian juga tidak selaras dan bersistematik, ada yang mengambil kurikulum yang digariskan oleh Persatuan Tadika, ada yang membuat kurikulum sendiri dan ada yang mengambil kurikulum pengajian dari kurikulum fardu ain.<sup>301</sup> Oleh yang demikian, tadika pada peringkat permulaannya yang diuruskan oleh masyarakat tempatan tidak mempunyai sistem dan kurikulum yang selaras dan tidak bersepada. dalam mendidik kanak-kanak.

Dengan kesungguhan masyarakat Islam dalam menjalankan pendidikan Islam untuk kanak-kanak, kerajaan Thailand telah mengambil perhatian dalam membantu pendidikan Islam di tadika. Pada tahun 1997, Bahagian Agama Kementerian Pendidikan telah mengambil tanggungjawab dalam membimbing dan menjaga tadika yang di bawah naungan masjid. Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan mengubah struktur pentadbiran mengikut polisi kerajaan iaitu tadika telah diambil alih tanggungjawab oleh Bahagian Agama Kementerian Kebudayaan. Pada tahun 2004, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tanggungjawab daripada Kementerian Kebudayaan dalam membimbing dan menjaga tadika.<sup>302</sup>

Pada tahun 2005, Kementerian Pendidikan telah mengambil alih tanggungjawab tersebut daripada Kementerian Dalam Negeri.<sup>303</sup> Di bawah Kementerian Pendidikan inilah, kerajaan telah membangunkan pendidikan Islam di tadika dengan mengubah kurikulum yang sedia ada yang telah dilaksanakan oleh PERKASA sebelum ini menjadi lebih selaras

---

<sup>300</sup> Prasit Chaitongpan (2009), *Khauhawa (So. So. Najmuddin) Pean Kabut-Plun Peen*. Bangkok: Samnakpim Saiyai Prachatam, h.123.

<sup>301</sup> Tasni Pisalratnakun (2008), “Factors Influencing to The Leaner Achievement in The Centre of Islam Study (Tadika) At The Three Border Provinces in Southern of Thailand” (Tesis, Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat, Fakulti Pendidikan, Universiti Burapha), h. 38.

<sup>302</sup> *Ibid.*, 42.

<sup>303</sup> Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala (t.t.), *op.cit.*, h.44.

di bawah kurikulum yang satu dan perlu dipatuhi oleh semua tadika di Selatan Thailand.<sup>304</sup>

Jumlah keseluruhan tadika di Selatan Thailand pada masa kini adalah seperti jadual 3.3 di bawah:

**Jadual 3.3:Bilangan Tadika, Cikgu dan Pelajar di Selatan Thailand  
Pada Tahun 2551 B.E./ 2008.**

Wilayah	Bilangan		
	Tadika	Cikgu	Pelajar
<b>Pattani</b>	<b>612</b>	<b>2,590</b>	<b>53,635</b>
<b>Yala</b>	<b>414</b>	<b>2,177</b>	<b>39,538</b>
<b>Narathiwat</b>	<b>602</b>	<b>2,358</b>	<b>75,765</b>
<b>Jumlahnya</b>	<b>1,628</b>	<b>7,125</b>	<b>168,938</b>

Sumber: Sumber: Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala) (t.t.) *Khamun Sarasun Teas Thangkan Seksa Pi Kanseksa 2551 B.E.* T.T.P.: T.T., h. 29.

Sistem pendidikan Islam terbaru di tadika yang telah diubahsuai dan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan pada 2005 ialah terbahagi kepada dua peringkat pengajian menurut kadar perkembangan pelajar. Peringkat pertamanya ialah peringkat *ibtida'iyyah* kelas satu hingga tiga. peringkat keduanya ialah peringkat *ibtida'iyyah* kelas empat hingga enam.<sup>305</sup> Sukatan mata pelajaran menurut kurikulumnya mengandungi lapan subjek iaitu al-Quran, hadis, akidah, fikah, tarikh, akhlak, bahasa Arab dan bahasa Melayu.<sup>306</sup> Buku teks sekolah menggunakan bahasa Melayu tulisan jawi dan ada juga dengan tulisan rumi pada subjek bahasa Melayu. Bahasa pengantar ialah bahasa Melayu dialek Patani.

Pelajar-pelajar di tadika kebanyakannya berumur dalam lingkungan 7-15 tahun. Tadika beroperasi pada setiap hari Sabtu dan hari Ahad daripada pukul 8.00-15.00 p.m. atau pada waktu petang pada setiap hari Isnin hingga Jumaat selepas pulang dari sekolah kebangsaan pada pukul 16.00-18.00 p.m..<sup>307</sup>

<sup>304</sup> Kromkan Pokkhrong (2005), *Laksut Islamseksa Fardu Ain Pracham Masjid 2548 B.E.* Bangkok: Asaraksa Dindean Kromkan Pokkhrong, h. 30.

<sup>305</sup> *Ibid.*, h. 35.

<sup>306</sup> *Ibid.*, h. 35-36.

<sup>307</sup> *Ibid.*, h. 50-51.

Kesimpulannya, pada akhir-akhir ini kerajaan mengambil perhatian serius atas pendidikan Islam di tadika dengan mengadakan kurikulum pengajian Islam yang selaras dan memberi bantuan kepada tadika sama ada berbentuk dana bagi cikgu dan tadika, alat pengajian dan lain-lain. Di samping itu juga, kerajaan turut meningkatkan mutu dan kualiti para guru di tadika agar sistem pendidikan Islam lebih berkesan.

### **3. Pondok**

Pondok merupakan institusi pengajian Islam yang unggul sebagai tempat percambahan dan pengembangan budaya ilmu dan juga sebagai kilang yang mengeluarkan para ulama sambung menyambung sehingga ke hari ini.<sup>308</sup> Pondok dihormati dan berperanan besar kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand sama ada dahulu dan sekarang. Ia merupakan usaha peribadi para tuan guru atau tok guru yang bekerjasama dengan masyarakat setempat untuk mengajar ilmu agama kepada penduduk. Di samping itu juga, ia menerapkan akhlak berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Dalam hal ini, pondok telah dipandang oleh masyarakat sebagai institusi pengajian Islam yang membekalkan panduan dalam membentuk insan yang beriman dan bertakwa.

Lebih dari 600 tahun, pondok telah memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat Islam semenjak semasa negeri Patani sehingga wujudnya Selatan Thailand pada masa kini. Walaupun kawasan ini diuji dengan beberapa cabaran demi cabaran sama ada dari aspek ekonomi, peperangan dan lain-lain tetapi pengajian Islam yang bersistem pondok masih mempertahankan sehingga kini.<sup>309</sup>

Pondok merupakan sebuah institusi pengajian yang mengendalikan pengajian agama Islam. Guru yang mengajarnya dipanggil “Baba” atau “Tuan Guru” atau “Tok Guru” dan murid-muridnya dipanggil “Tok Fakir”. Pondok kebiasaannya dibina di kawasan pedalaman

---

<sup>308</sup>Universiti Islam Yala (2008), “Kesinambungan Pendidikan Islam di Patani dari Pondok Ke Universiti”(Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam, 27 Julai 2008 di UIY), h. 2.

<sup>309</sup> Niklah Weauseang *et al.* (2008), “Condition, Problems and Needs of Pondok Institutions in Managing Education in Southern Border Province” (Laporan Kajian, Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani), h. 21.

yang berasing dari perkampungan. Dalam kawasan pondok itu, didapati rumah tuan guru dan ruang belajar sama ada di rumah tuan guru atau surau. Adapun rumah-rumah kecil yang berada di dalam kawasan itu di panggil “Pondok” iaitu tempat kediaman para pelajar.<sup>310</sup>

Sistem pengajian pondok dikenali sebagai sistem halakah (lingkungan). Nama ini diambil bersesuaian dengan situasi pengajaran iaitu guru membaca kitab dan murid-murid duduk dalam bentuk lingkungan sambil menadah kitab di hadapan guru. Sistem tersebut diguna di seluruh Nusantara, sistem pengajian berbentuk halakah ini dikenali di kalangan masyarakatnya sebagai “Sistem Pengajian Pondok” dengan menjadikan keadaan tempat tinggal para pelajarnya sebagai tanda pengenalan.<sup>311</sup>

Penjelasan-penjelasan tersebut menunjukkan sistem pendidikan pondok yang berada di dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand hari ini berasal daripada pengajian yang berbentuk halakah tetapi disesuaikan oleh masyarakat tempatan dengan membina penginapan bagi pelajar yang berdekatan dengan rumah tuan guru untuk menuntut ilmu yang dipanggilkan “Pondok”.

Sistem pengajian pondok adalah ditentukan oleh tuan guru itu sendiri yang menyusunkan caranya dan bertanggungjawab terhadap pengajian murid-muridnya daripada hari pertama persekolahan dengan bantuan anak muridnya yang lama dan terlatih dalam bidang tertentu. Contohnya, jika murid tersebut mahir dalam ilmu nahu, ilmu fikah dan sebagainya maka tuan guru mengizinkan anak murid itu mengajar ilmu-ilmu tersebut kepada murid-murid baru mengikut kemahiran masing-masing yang dikenali sebagai “Ketua Mutalaah”. Cara tolong-menolong seperti yang disebutkan terdapat pada setiap pondok.<sup>312</sup> Oleh yang demikian, sistem pengajian pondok adalah berdasarkan sikap bantu membantu.

---

<sup>310</sup>Abdul Aziz Yanya (2008), “Kedudukan Pondok di Patani Pada Masa Kini” (Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam, 27 Julai 2008 di UIY) h. 2-3.

<sup>311</sup> Wan Zahidi Wan The (1993), “Pengemaskinian Sistem Pengajian Pondok di Pulau Pinang ” dalam Ismail Ab. Rahman (ed.), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM, h. 105.

<sup>312</sup> Hasan Madmarn (2003), “Sistem Pondok dan Madrasah di Selatan Thailand: Ditinjau dari Sudut Kegiatan dan Keunggulannya” dalam A. Aziz Deraman (ed.), *op.cit.*, h. 406.

Dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand, pondok merupakan model pendidikan yang disambut hangat oleh masyarakat setempat. Setelah pondok beroperasi sebagai tempat mengajar ilmu agama kepada masyarakat, didapati sistem pondok tersebut telah memberi impak besar kepada masyarakat. Sesetengah mereka yang tamat daripada pengajian pondok telah dipilih sebagai pemimpin masyarakat khususnya jawatan keagamaan seperti imam, khatib, bilal, ahli jawatankuasa masjid dan sekurang-kurangnya menjadi tok lebai. Sesetengah mereka pula yang mempunyai prestasi pengajian yang cemerlang akan membuka pondok untuk mengajar penduduk di kampung halaman masing-masing dan ada juga di kalangan mereka telah menyambung pengajian di luar negara. Kedudukan mereka dihormati dan disanjungi oleh masyarakat.<sup>313</sup>

Ibrahim Narong Raksa Kheat menyatakan pondok berperanan besar sama ada dahulu dan kini, ia merupakan institusi pendidikan yang dapat menjaga identiti agama, bahasa, budaya dan masyarakat Melayu walaupun arus kehidupan masyarakat sudah berubah. Beberapa peranan pondok yang penting dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand iaitu pertamanya adalah berperanan sebagai institusi keagamaan dalam mengajar ilmu agama kepada masyarakat. Keduanya adalah berperanan sebagai institusi persendirian iaitu tuan guru mempunyai kebolehan dan mempunyai akhlak yang mulia, dihormati dan disanjungi oleh masyarakat. Oleh itu, tuan gurulah yang membawa pondok berperanan dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat. Ketiganya adalah berperanan sebagai institusi pendidikan iaitu melahirkan ramai para ulama dan ahli cendekiawan Islam. Keempatnya adalah berperanan sebagai institusi kemasyarakatan iaitu mendidik masyarakat supaya berpegang teguh dengan ajaran agama, melarang mereka dari berlaku kemaksiatan dan juga membangunkan masyarakat dengan memberi sumbangan yang bermanfaat.<sup>314</sup>

Semenjak awal tahun 2004, pondok dipandang negatif dan sentiasa diawasi oleh pihak kerajaan. Ini kerana didapati sebahagian pelajar atau tuan guru terlibat dengan

---

<sup>313</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 26-27.

<sup>314</sup> Muslim Thai, <http://www.muslimthai.com/contentFront.php?option=content&id=659>, 20 Disember 2008.

sesetengah kejadian yang bergolak di Selatan Thailand sehingga menyebabkan sesetengah pondok telah diarahkan oleh pihak kerajaan supaya ditutupkannya. Lebih daripada itu, sistem pengajian pondok tiada kurikulum yang dituliskan dengan tetap dan jelas menyebabkan kerajaan tidak dapat menyiasat secara terperinci. Oleh itu, pihak kerajaan telah melihat pondok secara negatif dan sentiasa mengawasinya.<sup>315</sup>

Dengan kejadian tersebut Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Akta Tentang Institusi Pengajian Pondok 2547 B.E. bersamaan 2004 untuk menangani masalah ketakutan para tuan guru dan untuk mengatur pondok-pondok yang masih belum berdaftar sebelum ini supaya didaftarkan. Ini kerana lebih mudah bagi Kementerian Pendidikan untuk mengawasi dan membangunkan pondok.<sup>316</sup>

Pada hari Ahad 9 Mei 2004, Kementerian Pendidikan telah memberi sijil pendaftaran kepada pondok-pondok yang telah berdaftar dengan Kementerian di Sekolah Saiburi Wittaya, daerah Saiburi, wilayah Pattani iaitu sebanyak 214 pondok yang terdiri daripada wilayah Pattani 137 pondok, Yala 33 pondok dan Narathiwat 44 pondok.<sup>317</sup> Jumlah institusi pengajian pondok pada ketika ini adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 3.4: Bilangan Pondok, Guru dan Pelajar di Selatan Thailand  
Pada Tahun 2551 B.E./2008.

Wilayah	Bilangan		
	Pondok	Guru	Pelajar
<b>Pattani</b>	<b>191</b>	<b>688</b>	<b>13,409</b>
<b>Yala</b>	<b>96</b>	<b>419</b>	<b>5,675</b>
<b>Narathiwat</b>	<b>52</b>	<b>166</b>	<b>3,812</b>
<b>Jumlahnya</b>	<b>339</b>	<b>1,273</b>	<b>22,896</b>

Sumber: Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala) (t.t.) *Khamun Sarasun Teas Thangkan Seks Pi Kanseksa 2551 B.E. T.T.P.: T.T., h. 28.*

<sup>315</sup> Bandhit Samaun *et al.* (2006), *Pahu Watanatham Kab Kanpatna Kanseksa Nai 3 Changwat Chaidean Phak Tai: Koreni Seks Pi Pono*. Bangkok: Sun Muslim Seksatikan Asia Universiti Chula Longkorn, h. 13.

<sup>316</sup> Niklah Weauseang *et al.* (2008), *op.cit.*, h. 15.

<sup>317</sup> *Ibid.*

Selepas pendaftaran pondok dilakukan, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat tinjauan mengenai sukanan pelajaran yang diajarkan dalam institusi pengajian pondok di Selatan Thailand seluruhnya didapatinya sebanyak 16 subjek yang telah ditawarkan. Subjek-subjek yang ditawarkan oleh institusi pengajian pondok ialah subjek al-Quran, hadis, tauhid, fikah, akhlak, nahu, saraf, tafsir, tajwid, usul tafsir, usul hadis, usul fikah, faraid, tarikh, balaghah dan mantik.<sup>318</sup> Manakala kitab yang digunakan oleh tuan guru di pondok adalah kitab berbahasa Melayu dan bahasa Arab.

Walaupun pondok telah berdaftar dengan kerajaan tetapi fungsi dan sistem pengajian pondok masih bersamaan dengan sistem pondok dahulu yang tuan guru membaca kitab dan murid-muridnya mendengar melainkan kehendak tuan guru sendiri yang menghendaki untuk menukar taraf pondok ke sekolah agama swasta. Di samping itu juga, Kementerian Pendidikan memberi bantuan dan pertolongan sama ada berbentuk dana, alat pengajian dan lain-lain.<sup>319</sup>

Kesimpulannya, walaupun sistem pengajian pondok sudah beratus-ratusan tahun di bawah kuasa kerajaan bukan Islam namun fungsi dan sistem pengajian pondok masih dipertahankan oleh sebahagian golongan tuan guru dan masyarakat Islam sehingga kini. Ini kerana mereka melihat pondok masih lagi relevan dengan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Pondok merupakan salah satu institusi pengajian Islam yang sangat penting dan berperanan dalam membentuk insan yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa.. Pada masa kini, institusi pengajian pondok sudah diambil perhatian oleh kerajaan dalam membangunkan infrastruktur dan lain-lain.

---

<sup>318</sup> Krasueang Seksathikan (2005), *Pramuan Kancadkan Reanru Islamseksa Khong Sthaban Pono 'seksa Nai Sam Changwad Phak Tai.T.T.P.: T.P, h. 194.*

<sup>319</sup> Niklah Weauseang *et al.* (2008), *op.cit.*, h. 14.

#### **4. Sekolah Agama Swasta**

Pada masa kini sekolah agama swasta merupakan antara salah satu institusi pendidikan Islam yang mempunyai peranan penting dalam mendidik anak bangsa supaya memahami ilmu agama di Selatan Thailand. Ia merupakan institusi pendidikan Islam yang terbentuk daripada perkembangan sistem pengajian pondok yang telah diasaskan oleh para tuan guru tempatan.

Perubahan pondok menjadi sekolah agama swasta di Selatan Thailand berpunca daripada kerajaan Sarit Thanarat yang berusaha mengassimilasikan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Sehubungan tersebut, didapati pondok menjadi sasaran utama kerana pondok dipandang sebagai pusat agama dan institusi yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat Islam di Selatan Thailand.<sup>320</sup> Oleh demikian, pada tahun 1958 Kementerian Pendidikan mula mengadakan polisi pendidikan baru ke seluruh negara Thailand dengan membahagikan kawasan pendidikan kepada 12 kawasan. Di Selatan Thailand, Kementerian telah menubuhkan Kawasan Pendidikan Bahagian Dua di Wilayah Yala untuk membangunkan aspek pendidikan di kawasan ini. Dengan penubuhan Kawasan Pendidikan tersebut Kementerian melihat sistem pengajian pondok sebagai sistem yang mundur dan memberi impak kepada kestabilan negara.<sup>321</sup>

Pada 12-17 November 1960, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan seminar persidangan untuk menentukan polisi pondok di Selatan Thailand. iaitu pertamanya untuk menggalakkan pondok berdaftar dengan sah mengikut kehendak kerajaan atau ketentuan kerajaan. Keduanya adalah untuk memperbaiki binaan dan suasana pondok. Ketiganya adalah untuk mengubah sistem pengajian dalam pondok

---

<sup>320</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 138.

<sup>321</sup> Samnakngan Phutruajrajkan Prachamkheat Truajrajkan Ti 12 (2005), *Wiwatnakan Rongrian Aekchon Sonsasna Islam Nai Kheat Kanseksa* 2. Yala: Samnakngan Phutruajrajkan Prachamkheat Truajrajkan Ti 12, h. 2.

dengan mengadakan pengajian bahasa Thai dan subjek kemahiran dalam pondok. Keempatnya adalah untuk mengadakan penilaian pengajian.<sup>322</sup>

Seminar yang dilakukan tersebut menjadi pencetus penting kepada permulaan untuk membantu pondok. Pada tahun 1961, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Akta Peraturan Pengubahan dan Bantuan Pondok yang terkenal dengan nama “ Rabiab Krasuang Seksathikan Waduei Kanprapprung Songserm Pono’ B.E. 2504 (1961).”. Akta tersebut menyatakan mana-mana pondok yang ingin mengembangkan pondok mereka hendaklah memohon untuk berdaftar dengan pihak Kementerian. Akta tersebut juga menyatakan mana-mana pondok yang mengadakan sistem pengajian yang terbaik akan mendapat bantuan dana daripada pihak Kementerian. Sehubungan itu, mana-mana pondok yang telah berdaftar mesti mengajar subjek bahasa Thai dan subjek kemahiran. Dengan kenyataan Akta tersebut didapati banyak bilangan pondok yang telah berdaftar, namun ada sebilangan pondok yang masih ragu-ragu kerana mempunyai alasan-alasan tertentu.<sup>323</sup> Pada akhir tahun 1964, didapati ada pondok di Kawasan Pendidikan Dua (ini termasuk wilayah Satun) telah berdaftar iaitu sebanyak 171 pondok.<sup>324</sup>

Pada tahun 1965-1970, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan polisi tentang pondok iaitu tidak membenarkan penubuhan pondok-pondok baru mengikut cadangan Bahagian Keselamatan Negara dan mengarahkan mana-mana pondok yang belum berdaftar dikehendaki berdaftar dalam tempoh enam bulan. Di samping itu juga. Kementerian mengarahkan mana-mana pondok yang telah berdaftar supaya mengubah status pondok menjadi sekolah agama rakyat yang terkenal dengan “Rongrianrat Sonsasna Islam” secara berperingkat-peringkat dalam tempoh masa di antara 3-5 tahun. Oleh yang demikian, sebahagian pondok di Selatan Thailand telah mengubah status menjadi sekolah agama

---

<sup>322</sup> Seksathikan Changwad Pattani (1995), *Khamun Rongrain Aekchon Sonsasna Islam Changwad Chaidean Phak Tai*. Pattani: Samnakngan Seksathikan Changwad Pattani, h. 2-3.

<sup>323</sup> Sufia Damsamran (2006), “Islamic Moral and Ethics of Secondary School Students in Islamic Private Schools in The Three Southern Border Provinces” (Disertasi, Jabatan Pengurusan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Burapha), h. 10.

<sup>324</sup> Samnakngan Phutruajrajkan Prachamkheat Truajrajkan Ti 12 (2005), *op.cit.*, h. 3.

rakyat mengikut Akta Sekolah Rakyat. dan pihak Kementerian telah memberi bantuan untuk membantu sistem pengajian Islam dan akademik.<sup>325</sup>

Walaupun kerajaan Thailand tidak membenarkan penubuhan pondok baru tetapi masih juga terdapat pondok-pondok baru ditubuhkan kerana masyarakat sudah menganggap pondok sebagai institusi pengajian Islam yang penting bagi mereka. Oleh yang demikian, sistem pengajian pondok masih dijaga dan masih lagi ditubuhkan sehingga kini.<sup>326</sup>

Berdasarkan polisi kerajaan tersebut yang menghendaki pondok didaftar dan diubah menjadi sekolah agama rakyat itu telah menyebabkan para tuan guru terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang menolok dan menerima perubahan tersebut. Bagi golongan tuan guru yang tidak menerimanya, mereka memberi alasan bahawa ia sebagai satu serangan langsung terhadap identiti kebudayaan dan agama masyarakat Melayu Islam ke dalam identiti Thai dan melemahkan tunggak kepercayaan orang Islam.<sup>327</sup> Di samping itu juga, mereka tidak menginginkan pondok mereka dimasuki oleh guru-guru yang beragama Buddha khususnya wanita yang berpakaian miniskirt.<sup>328</sup>

Manakala golongan tuan guru yang menyambut baik perubahan tersebut mereka menyatakan tujuan asas projek mengubah pondok menjadi sekolah agama rakyat adalah untuk memajukan pondok dengan menawarkan ilmu agama dan ilmu akademik serentak. Tujuan tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan pihak pondok juga tidak mahu pihak kerajaan melihat mereka secara negatif. Di samping itu juga, kerajaan tidak melarang pihak pondok untuk mengajar ilmu agama seperti yang telah diajarkan sebelum ini. Walaupun mereka menerima perubahan tetapi mereka tidak menghendaki Kementerian menguasai kegiatan pengajian Islam di pondok.<sup>329</sup> Oleh yang demikian, mereka merasa

---

<sup>325</sup> Sufia Damsamran (2006), *op.cit.*, h. 10-12.

<sup>326</sup> Niklah Weauseang *et al.* (2008), *op.cit.*, h. 13.

<sup>327</sup> Hasan Madmarn (2001), *Pondok dan Madrasah di Patani*. Haslin bt. Kalmi (terj.). Bangi: Penerbit UKM, h. 121.

<sup>328</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 145.

<sup>329</sup> Ibrahim Narong Raksa Kheat (2006), "Kanseksa Islam Nai Changwad Chaidean Phak Tai" *Jurnal Indo Chin Seksia*, Bil. 1, Januari-Disember 2006, h. 65.

perlunya tradisi pengajian ilmu Islam diteruskan demi melahirkan generasi berilmu pengetahuan pada masa hadapan.<sup>330</sup>

Selepas pondok berubah menjadi sekolah agama rakyat, kerajaan telah mengadakan kurikulum pengajian Islam di sekolah yang belum diadakan dengan tepat dan jelas oleh pondok sebelum ini. Kurikulum pengajian Islam di sekolah agama rakyat telah diubah suai beberapa kali iaitu kurikulum pengajian Islam 1961, kurikulum pengajian Islam 1970, kurikulum pengajian Islam 1980, kurikulum pengajian Islam 1992, kurikulum pengajian Islam 1997 dan yang terakhir kurikulum pengajian Islam 2003.<sup>331</sup>

Pada tahun 1982, Kementerian Pendidikan telah menukar panggilan “Rongrianrat Sonsassana Islam”(sekolah agama rakyat) kepada “Rongrian Aekchon Sonsasna Islam” (sekolah agama swasta) agar dapat disesuaikan dengan Akta Sekolah Swasta yang telah diperkenalkan oleh Kementerian pada tahun 1982.<sup>332</sup>

Sekolah agama swasta yang beroperasi di Selatan Thailand pada masa kini terbahagi kepada dua kategori iaitu sekolah agama swasta dua aliran iaitu ilmu agama dan akademik serentak dan sekolah agama swasta yang menawarkan ilmu agama sahaja. Bilangan sekolah agama swasta di Selatan Thailand sama ada sekolah agama swasta dua aliran dan satu aliran adalah seperti jadual 3.5 dan 3.6 di bawah:

---

<sup>330</sup> Farid Mat Zain (2008) “Perjuangan Memartabatkan Pengajian Pondok di Patani” dalam Farid Mat Zain & Zulkarnain Mohamed (eds.), *op.cit.*, h.166.

<sup>331</sup> Ibrahim Narong Raksa Kheat (2006), *op.cit.*, h. 66.

<sup>332</sup> Sufia Damsamran (2006), *op.cit.*, h. 11.

Jadual 3.5 : Bilangan Sekolah Agama Swasta Dua Aliran, Guru dan Pelajar di Selatan Thailand Pada Tahun 2551 B.E./2008.

Wilayah	Bilangan		
	Sekolah	Guru	Pelajar
<b>Pattani</b>	<b>62</b>	<b>3,638</b>	<b>60,082</b>
<b>Yala</b>	<b>47</b>	<b>2,954</b>	<b>47,621</b>
<b>Narathiwat</b>	<b>48</b>	<b>2,932</b>	<b>45,637</b>
<b>Jumlahnya</b>	<b>157</b>	<b>9,524</b>	<b>153,340</b>

Sumber: Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala) (t.t.) *Khamun Sarasun Teas Thangkan Seks Pi Kanseksa 2551 B.E. T.T.P.: T.T., h. 26.*

Jadual 3.6: Bilangan Sekolah Agama Swasta Satu Aliran, Guru dan Pelajar di Selatan Thailand Pada Tahun 2551 B.E./2008.

Wilayah	Bilangan		
	Sekolah	Guru	Pelajar
<b>Pattani</b>	<b>42</b>	<b>235</b>	<b>5,269</b>
<b>Yala</b>	<b>61</b>	<b>215</b>	<b>5,116</b>
<b>Narathiwat</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>205</b>
<b>Jumlahnya</b>	<b>106</b>	<b>457</b>	<b>10,590</b>

Sumber: Sun Prasanngan Lea Borihan Kanseksa Changwad Chaidean Phak Tai (Samnak Phutruajrajkran Krasuang Seksatikan Ti 12 Yala) (t.t.) *Khamun Sarasun Teas Thangkan Seks Pi Kanseksa 2551 B.E. T.T.P.: T.T., h. 27.*

Kurikulum pengajian Islam yang digunakan oleh sekolah agama swasta di Selatan Thailand pada masa kini ialah kurikulum pengajian Islam 2546 B.E. bersamaan 2003.. Kurikulum tersebut telah dibahagikan kepada empat peringkat pengajian iaitu peringkat *ibtidā'iyyah* tahun satu hingga tiga, peringkat *ibtidā'iyyah* tahun empat hingga enam, peringkat *mutawassitah* iaitu tahun satu hingga tiga dan peringkat *thānawiyah* iaitu tahun satu hingga tiga. Setiap peringkat mengandungi tiga bahagian pengajian iaitu bahagian pertamanya ialah bahagian pengajian Islam yang mengandungi subjek al-Quran dan tafsir, hadis, fikah dan akidah. Bahagian keduanya ialah bahagian pengajian sosial dan akhlak yang mengandungi tarikh dan akhlak. Manakala bahagian yang terakhir ialah bahagian bahasa yang mengandungi bahasa Arab dan bahasa Melayu. Bahasa pengantar ialah bahasa

Melayu dan bahasa Arab.<sup>333</sup> Kebiasaannya sekolah agama swasta akan mengajar ilmu agama pada waktu pagi, manakala pada waktu petang pula akan mengajar akademik. Sebaliknya, ada juga sebahagian sekolah yang mengajarkan akademik pada waktu pagi dan mengajar ilmu agama pada waktu petang. Ia mengikut pengurus sekolah masing-masing untuk menjadualkannya.

Melalui pemerhatian pengkaji, masyarakat Islam di Selatan Thailand lebih suka untuk menghantarkan anak-anak mereka mempelajari ilmu agama di sekolah agama swasta berbanding pondok kerana sekolah agama swasta menawarkan pengajian dua aliran serentak. Sekolah agama swasta yang lebih besar, berkualiti dan lebih cukup lengkap alat pengajian lebih menjadi tumpuan masyarakat. Pada masa kini, sekolah agama swasta semakin berkembang maju sama ada dari sudut kurikulum, alat pengajian, binaan dan kemudahan-kemudahan lainnya. Ramai pelajar yang berkelulusan dari sekolah agama swasta telah dapat memasuki universiti dengan pelbagai fakulti selain daripada fakulti pengajian Islam seperti fakulti perubatan, fakulti sains dan teknologi, fakulti politik, fakulti ekonomi dan sebagainya.

Kesimpulannya, sekolah agama swasta di Selatan Thailand adalah hasil daripada perkembangan sistem pengajian pondok. Sekolah agama swasta merupakan institusi pendidikan yang sangat berperanan dalam menyampaikan ilmu agama khususnya dan ilmu akademik kepada masyarakat dan telah melahirkan ramai ilmuwan Muslim yang berjasa kepada masyarakat dalam semua sektor sama ada sektor agama, pertanian, kedoktoran, undang-undang, ekonomi dan lain-lain.

---

<sup>333</sup> Samnakngan Phutruajrakjan Prachamkheat Truajrakjan Ti 12 (2005), *op.cit.*, h. 23.

## **5. Sekolah Kebangsaan**

Pendidikan Islam bukan sahaja dianjurkan oleh masyarakat Islam di Selatan Thailand bahkan ia juga dianjurkan oleh pihak kerajaan Thailand sendiri iaitu di sekolah-sekolah kebangsaan sama ada di peringkat sekolah rendah iaitu darjah satu hingga enam dan peringkat sekolah menengah iaitu tingkatan satu hingga enam. Program pendidikan Islam di sekolah kebangsaan merupakan satu inisiatif baru yang telah diambilkan oleh kerajaan dalam melaksanakan pendidikan Islam mengikut kehendak masyarakat Islam tempatan.

Program pendidikan Islam di sekolah kebangsaan mula diperkenalkan pada tahun 2518 B.E. bersamaan 1975.<sup>334</sup> Pada 6 Jun 1976, pihak Kementerian Pendidikan telah meluluskan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pada cadangan yang telah dibuat oleh Kawasan Pendidikan Bahagian Dua. Pada awalnya, usaha tersebut tidak mendapat sokongan para pentadbir sekolah daerah dan wilayah. Justeru, program pendidikan Islam ini tidak berjalan dengan lancar mengikut seperti yang dicatatkan dan akhirnya terbengkalai.<sup>335</sup>

Semasa Perdana Menteri Prem Tinnasulanon, program pendidikan Islam di sekolah kebangsaan telah diambil serius oleh beliau semula. Beliau telah memajukan program pendidikan Islam dan memberikan peruntukan yang besar serta mengadakan kurikulum baru. Kurikulum pendidikan Islam di sekolah kebangsaan telah diadakan oleh wakil-wakil dari institusi-institusi agama di Selatan Thailand. Kurikulum pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah telah diluluskan dengan rasminya oleh Kementerian Pendidikan pada 13 November 1980.<sup>336</sup> Manakala di peringkat sekolah menengah pula iaitu peringkat sekolah menengah bawah dari tingkatan satu hingga tiga diluluskan pada 1 Julai 1981 dan di peringkat sekolah menengah atas dari tingkatan empat hingga enam diluluskan pada 22 Oktober 1983.<sup>337</sup>

---

<sup>334</sup> Samnakngan Kanakamkan Kanseksa Khan Pheanthan (t.t.), *op.cit.*, h. 1.

<sup>335</sup> Hasan Madmarn (2001), *op.cit.*, h. 153-154.

<sup>336</sup> Ahmad Omar Chpakia (2000), *op.cit.*, h. 214.

<sup>337</sup> *Ibid.*

Pada akhir-akhir ini, Kementerian Pendidikan telah mengubah suai kurikulum program pendidikan Islam supaya lebih bersesuaian dengan masyarakat Islam tempatan yang sebelum ini diajarkan hanya menggunakan masa dua jam seminggu sama ada di sekolah rendah dan menengah. Ia tidak mencukupi dengan kehendak masyarakat yang menghendaki anak-anak mereka mempelajari ilmu agama dan akademik secara serentak.<sup>338</sup> Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan memenuhi kehendak masyarakat dengan mengubah suai kurikulum mengikut polisi kerajaan yang menghendaki sistem pendidikan negara mengikut kebudayaan dan kehendak masyarakat setempat. Pada tahun 2008, Kementerian Pendidikan telah mengadakan kurikulum pendidikan Islam mengikut kurikulum *Kanseksa Khan Pheanthan* (Pendidikan Asas) 2551 B.E. bersamaan 2008.<sup>339</sup>

Peringkat pendidikan Islam terbahagi kepada tiga peringkat iaitu pertamanya ialah peringkat pendidikan Islam *ibtida'iyyah* yang sama dengan peringkat sekolah rendah menggunakan masa pengajaran 8-10 jam seminggu dengan jumlahnya 320-360 jam setahun. Keduanya ialah peringkat pendidikan Islam *mutawassitah* yang sama dengan peringkat sekolah menengah bawah menggunakan masa pengajaran 10-12 jam seminggu dengan jumlahnya 400-480 jam setahun. Manakala yang terakhirnya ialah peringkat pendidikan Islam *thānawiyyah* yang sama dengan peringkat sekolah menengah atas menggunakan masa pengajaran tidak kurang daripada 12 jam seminggu dengan jumlahnya tidak kurang daripada 480 jam setahun.<sup>340</sup> Subjek yang ditawarkan ketiga-tiga peringkat tersebut adalah sembilan subjek iaitu subjek al-Quran, hadis, akidah, fikah, tarikh, akhlak, bahasa Arab dan bahasa Melayu atau bahasa Arab tambahan.<sup>341</sup>

Boleh dikatakan hampir semua sekolah kebangsaan di Selatan Thailand membuka kurikulum pendidikan Islam kerana ia memenuhi syarat yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan iaitu mempunyai pelajar Muslim lebih kurang 50 peratus.<sup>342</sup>

---

<sup>338</sup> Samnakngan Kanakamkan Kanseksa Khan Pheanthan (t.t.), *op.cit.*, h. 2.

<sup>339</sup> *Ibid.*,

<sup>340</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>341</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>342</sup> *Ibid.*, h. 1.

Pada masa kini, Kementerian Pendidikan telah membenarkan sepenuhnya ke atas para pelajar Muslim yang belajar di sekolah kebangsaan sama ada peringkat rendah dan menengah untuk memakai pakaian yang menutup aurat dengan mengikut uniform yang telah ditentukan.

Kesimpulannya, sekolah kebangsaan merupakan salah sebuah institusi pendidikan yang memberi peluang kepada masyarakat Islam di seluruh Thailand untuk menuntut ilmu agama yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim. Melalui inisiatif baru yang telah diambil oleh pihak kerajaan tersebut telah memenuhi kehendak masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan di seluruh Thailand umumnya. Di samping itu juga, terdapat peluang-peluang pekerjaan kepada mahasiswa-mahasiswi yang telah menamatkan pengajian Islam sama ada di dalam dan luar negara.

## **6. Universiti**

Terdapat juga institusi pengajian tinggi yang turut memainkan peranan dalam membangun masyarakat Islam di Selatan Thailand dengan menawarkan pengajian Islam agar mereka lebih mantap dalam memahami agama Islam. Institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian Islam terbahagi kepada dua jenis iaitu institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta. Institusi pengajian awam terdapat dua universiti sahaja yang menawarkan pengajian Islam iaitu Universiti Songkla Nakharin, Pattani dan *Princess of Narathiwat University*, Narathiwat. Universiti Songkla Nakharin, Pattani merupakan institusi pengajian tinggi awam pertama yang menawarkan pengajian Islam di peringkat ijazah sarjana muda di bawah Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan pada peringkat permulaan operasinya. Kemudiannya pada 31 Disember 1989, Universiti telah menubuhkan Kolej Pengajian Islam yang khusus untuk menawarkan pengajian Islam yang lebih bersistematis di peringkat pengajian tinggi. Pada masa kini, Kolej telah menawarkan pengajian Islam di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan PhD. Peringkat sarjana muda menawarkan enam jurusan iaitu Jurusan Pengajian Islam, Syariah Islam, Pendidikan

Islam, Ekonomi dan Pengurusan Islam, Pengajian Timur Tengah dan Pengajian Islam (Kurikulum Antarabangsa).<sup>343</sup> Peringkat sarjana menawarkan satu jurusan sahaja iaitu Jurusan Pengajian Islam. Manakala peringkat PhD juga menawarkan satu jurusan sahaja iaitu Jurusan Pengajian Islam.<sup>344</sup>

Manakala *Princess of Narathiwat University*, Narathiwat merupakan sebuah Universiti yang baru ditubuhkan di Thailand. Pada 16 Mei 2007, Universiti ini telah menubuhkan Pusat Pengajian Islam dan Bahasa Arab untuk menawarkan pengajian Islam. Pusat Pengajian Islam dan Bahasa pada masa kini hanya menawarkan pengajian Islam di peringkat ijazah sarjana muda iaitu Jurusan Syariah Islam dan Jurusan Bahasa Arab.<sup>345</sup>

Institusi pengajian tinggi swasta pula yang menawarkan pengajian Islam ialah UIY.<sup>346</sup> UIY sebelum ini dikenali sebagai Kolej Islam Yala (KIY). Universiti ini telah membuka Fakulti Pengajian Islam Yala pada 3 April 1998 bersamaan penubuhan UIY. UIY merupakan sebuah Universiti swasta yang pertama di Thailand yang menawarkan pengajian Islam di bawah Fakulti Pengajian Islam. Fakulti ini menawarkan pengajian Islam di peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Peringkat sarjana muda menawarkan tiga jurusan iaitu Jurusan Syariah, Jurusan Usuluddin, dan Pengajian Islam. Manakala pengajian di peringkat sarjana menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Syariah Islam dan Jurusan Tarikh dan Hadarah Islam.<sup>347</sup>

Kesemua Universiti tersebut memainkan peranan penting dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam serta melahirkan generasi intelek Muslim yang berkualiti untuk berkhidmat kepada agama dan negara.

---

<sup>343</sup> Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani, <http://cis.pn.psu.ac.th/dep.is.php>, 20 Mei 2009.

<sup>344</sup> Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani,, <http://cis.pn.psu.ac.th/graduate.php>, 20 Mei 2009.

<sup>345</sup> Princess of Narathiwat University, [http://pnu.ac.th/webpnu/webias/ias\\_content.php?act=68&mind=1](http://pnu.ac.th/webpnu/webias/ias_content.php?act=68&mind=1), 20 Mei 2009.

<sup>346</sup> Lihat perbincangan lanjut mengenai sejarah penubuhan UIY pada 3.3.5 Dakwah Melalui Pendidikan

<sup>347</sup> Kong Nayobai Lea Phean Samnakngan Athikanbedi, Universiti Islam Yala (2008), *Sarasunteas Mahawityalai Islam Yala Pi 2551 B.E.* Pattani: Penerbit Universiti Islam Yala, h. 13.

Kesimpulan secara keseluruhannya, perkembangan pendidikan Islam dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand semakin meningkat dan masyarakat mempunyai peluang yang sangat besar dalam menuntut ilmu agama yang dituntut oleh Allah SWT berbanding zaman dahulu. Pada zaman dahulu hanya masjid dan pondok sahaja yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat. Namun, pada masa kini terdapat pelbagai institusi yang menawarkan pendidikan Islam kepada masyarakat, antaranya ialah masjid, pondok, tadika, sekolah agama swasta, sekolah kebangsaan dan universiti. Boleh dikatakan masyarakat Islam di Selatan Thailand berpeluang mempelajari ilmu agama semenjak kanak-kanak lagi sehingga dewasa. Di samping itu, masyarakat Islam boleh membuat pilihan untuk mempelajari ilmu agama sahaja atau mempelajari ilmu agama dan ilmu akademik secara integrasi.

### **3.1.6 Ekonomi**

Selatan Thailand merupakan kawasan yang subur dan kaya dengan sumber yang semula jadi. Ia terdiri daripada sawah yang subur, lembah dan pantai iaitu salah satunya adalah Teluk Thai. Kawasan ini mempunyai hutan-hutan yang subur dan mempunyai banyak sumber mineral seperti timah, emas, kaolin, batu mamar, wolfram, timah hitam, zink, mangan dan gas yang asli.<sup>348</sup>

Walaupun kekayaan dan kesuburan sumber alam begitu banyak tetapi kedudukan ekonomi dan pendapatan di kalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand adalah rendah berbanding dengan wilayah-wilayah lain di Thailand.<sup>349</sup> Pendapatan per kapita pada tahun 2550 B.E. bersamaan 2007 bagi penduduk di Selatan Thailand adalah bagi wilayah Pattani 56,927 baht, wilayah Yala 82,745 baht dan Narathiwat 61,487 baht. Apabila dibandingkan

<sup>348</sup> Dunmanat Baka *et al.* (t.t.), “Kan Samruaj Chitkam Thai Muslim Changwad Pattani Yala Lea Narathiwat” (Laporan Kajian, Projek Penubuhan Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani), h. 13. Kolej Pengajian Islam, Pattani & Kolej Islam Yala (2005), “Khwam Tongkan Ti Theaching Khong Prachachun Nai 3 Changwad Chaidean Phak Tai (Changwad Yala, Pattani Lea Narathiwat)” (Laporan Kajian, Kolej Pengajian Islam, Pattani & KIY ), h. 495. W.K. Cheman (1990), *op.cit.*, h. 36.

<sup>349</sup> Raingen Kanakamkan Isra Phea Khwam Samanachanheangchad ( Ko. Ao. So) (2006), *Aaw Chana Khwamrunreang Duea Palangsamanachan*. Bangkok: Samnak Leakhatikan Ratmuntri., h. 23.

dengan wilayah-wilayah lain di seluruh Thailand yang mempunyai 76 wilayah, wilayah Pattani berada di kedudukan 48, wilayah Yala berada di kedudukan 31 dan wilayah Narathiwat berada di kedudukan 44.<sup>350</sup>

Kebanyakan masyarakat Islam di Selatan Thailand menetap di kawasan pedalaman dan di kawasan tepi pantai. Sumber ekonomi asas bagi masyarakat Islam yang menetap di kawasan pedalaman untuk menyara hidup mereka adalah bersumber daripada pertanian seperti sawah padi, kebun getah, kebun kelapa, kebun buah-buahan seperti dokong, rambutan dan lain-lain. Di samping itu juga, penternakan lembu, kerbau, ayam ,itik dan lain-lain menjadi sumber ekonomi mereka. Sumber pendapatan yang paling penting bagi penduduk di kawasan pedalaman ialah getah. Getah merupakan sumber ekonomi yang terpenting dan utama bagi masyarakat Islam di kawasan ini. Ia juga merupakan barang eksport yang terpenting dan terbesar bagi negara Thailand berbanding jenis-jenis barang eksport lain.<sup>351</sup>

Bagi mereka yang menetap di kawasan tepi pantai seperti penduduk di wilayah Pattani dan Narathiwat, pekerjaan asas bagi mereka ialah sebagai nelayan yang menangkap ikan. Mereka menangkap ikan hanya menggunakan perahu kecil sahaja dan masih menggunakan cara tradisional untuk menangkap ikan.

Selain daripada pekerjaan asas di atas, sebahagian masyarakat Islam juga bekerja sebagai peniaga kecil dengan membuka kedai runcit, kedai makan, ada juga yang berjaya membuka syarikat dan lain-lain. Namun, kebanyakan perniagaan secara besar-besaran di kuasai oleh kaum Cina. Bagi mereka yang berpendidikan, kebanyakan mereka bekerja di sektor kerajaan dan swasta seperti menjadi cikgu, pensyarah, peguam, kerani dan lain-lain dengan jumlahnya sedikit sahaja. Sebahagian mereka pula tiada pekerjaan atau pendapatan

---

<sup>350</sup> Provincial Narathiwat, <http://pocnara.go.th/narathiwat/General%20Data%20of%20Narathiwat%20Province%202552/chapter3%20economic%20occupation.pdf>, 30 Mc 2010.

<sup>351</sup> The Administrative Center For The Southern Border Provinces (t.t), *Thai Muslim in The Southernmost of Thailand*, Yala: The Administrative Center For The Southern Border Provinces, h. 23.

yang tidak mencukupi untuk menampung kehidupan, mereka berhijrah ke Bangkok, Malaysia, negara-negara Arab dan lain-lain untuk mencari pendapatan.

Seperti yang dijelaskan oleh W.K Cheman yang menyatakan pekerjaan masyarakat Islam seperti menangkap ikan, bersawah padi dan berkebun getah pada umumnya bergantung kepada musim. Sebagai contoh, hasil ladang getah hanya enam bulan sahaja dalam masa setahun. Bersawah padi pula, para petani bekerja di sawah tidak lebih daripada tiga bulan. Manakala para nelayan hanya dapat menangkap ikan di laut adalah tidak melebihi daripada tujuh bulan. Oleh yang demikian, kehidupan masyarakat Islam berada dalam taraf pendapatan yang tidak mencukupi dan sering kali menghadapi kesulitan dari sudut ekonomi. Ekoran dari itu, dianggarkan ratusan ribu anggota keluarga masyarakat Islam berpindah dari kawasannya ke Bangkok dan memasuki Malaysia, negara-negara Arab dan negara-negara lain untuk mencari pekerjaan bagi menampung kehidupan dan keluarganya.<sup>352</sup>

Mengikut Chid Chanuk, penduduk Islam di Selatan Thailand mempunyai masalah ketiadaan pekerjaan dan kerajaan tidak dapat menangani masalah tersebut menyebabkan banyaknya pengangguran dan mereka terpaksa melangkah ke seberang untuk mencari pekerjaan di Malaysia.<sup>353</sup>

Penduduk Islam di Selatan Thailand bekerja di luar negara atau kawasan lain dalam negara untuk mencari pendapatan, sebilangan mereka berhijrah ke negara jiran Malaysia. Kebanyakan mereka yang berhijrah ke Malaysia mereka bekerja di restoran. Jumlah restoran yang dipunya oleh masyarakat Islam di Selatan Thailand adalah 7,000-10,000 restoran di seluruh Malaysia. Mereka bekerja sebagai tuan kedai, pemasak, pelayan dan lain-lain.<sup>354</sup> Penduduk Islam di Selatan Thailand yang bekerja di restoran berjumlah tidak kurang daripada 80,000 orang. Dengan hasil pendapatan inilah mereka menghantar duit ke

---

<sup>352</sup> W.K. Cheman (1990), *op.cit.*, h. 37.

<sup>353</sup> Sun Khaw Isra, [http://isranews.org/cms/index.php?option=com\\_content&task=view=&id=1473&Itemid=86](http://isranews.org/cms/index.php?option=com_content&task=view=&id=1473&Itemid=86), 20 Mei 2009.

<sup>354</sup> *Ibid.*

kampung untuk menyara ibu bapa dan adik-beradik mereka.<sup>355</sup> Pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati selain daripada bekerja dan membuka restoran ada juga sebahagian mereka bekerja sebagai pensyarah, guru al-Quran, pekebun, pembantu rumah dan lain-lain.

Dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand juga terdapat institusi-institusi kewangan Islam yang ditubuhkan oleh intelektual Muslim tempatan untuk mengamalkan sistem kewangan Islam dan meningkatkan ekonomi masyarakat Islam. Institusi-institusi ini telah berdaftar dengan kerajaan Thailand dalam bentuk koperasi. Antara koperasi-koperasi Islam yang terkenal dan memainkan peranan dalam membangkitkan ekonomi masyarakat Islam di Selatan Thailand ialah Koperasi Islam Pattani Berhad,<sup>356</sup> Koperasi Ibnu Affan<sup>357</sup> dan Koperasi Bina.<sup>358</sup> Dengan adanya Koperasi tersebut, masyarakat Islam dapat menyimpan dan meminjam wang tanpa melibatkan unsur riba dalam menjalankan ekonomi. Kerajaan Thailand telah menujuhkan bank Islam di Thailand<sup>359</sup> yang bermula operasi di Bangkok dan membuka cawangan-cawangannya di Selatan Thailand. Sehubungan itu juga, kebanyakan bank swasta telah membuka perkhidmatan kewangan Islam yang dikenalkan sebagai “Windows Islam” dalam menjayakan ekonomi umat Islam di Selatan Thailand dan seluruh Thailand yang mempunyai penduduk Islam yang ramai. Ini menunjukkan kesan yang baik bagi masyarakat Islam di Selatan Thailand untuk mengelakkan diri daripada perbankan yang berbentuk riba dalam menjalankan perniagaan dan mengurus kewangan.

Rusdi Bako, Timbalan Majlis Agama Islam Wilayah Yala menyatakan ekonomi masyarakat Islam dari sudut perniagaan semakin meningkat dan boleh dikatakan kuasa ekonomi akan bertukar kepada masyarakat Islam. Perkara tersebut, dapat dilihat di kawasan bandar-bandar di Selatan Thailand yang banyak kedai yang dipunyai oleh golongan

---

<sup>355</sup> *Ibid.*

<sup>356</sup> Koperasi Islam Pattani Berhad ditubuhkan pada 28 Oktober 1987. Lihat, Pamflet Koperasi Islam Pattani Berhad.

<sup>357</sup> Koperasi Ibnu Affan ditubuhkan pada 19 Jun 1992. Lihat, Pamflet Koperasi Ibnu Affan.

<sup>358</sup> Koperasi Bina ditubuhkan pada 11 Oktober 2000. Lihat, Pamflet Koperasi Bina

<sup>359</sup> Bank Islam Thailand telah ditubuhkan pada 12 Mei 2003. Lihat, Pamflet Bank Islam Thailand.

masyarakat Islam baru dibuka secara besar-besaran seperti kedai kain, kedai kereta tangan dua, kilang susu soya, membuka kilang susu kambing dan lain-lain.<sup>360</sup>

Ismail b. Hj. Yaacob menyatakan keadaan ekonomi masyarakat Islam semakin meningkat dan dapat dibuktikan apabila mereka dapat menghantar anak-anak mereka memasuki universiti dan anak-anak mereka yang berjaya menamatkan pengajian terus mendapat pekerjaan. Di samping itu, pada masa kini masyarakat Islam sudah banyak berniaga dengan berbuka kedai-kedai, ia berbeza dengan dua puluhan terdahulu yang masyarakat Islam di sini jarang berniaga.<sup>361</sup>

Kesimpulannya, hasil pendapatan asas bagi masyarakat Islam di Selatan Thailand adalah bergantung kepada sektor pertanian. Kedudukan ekonomi masyarakat Islam di Selatan Thailand secara umumnya masih rendah berbanding wilayah-wilayah lain di Selatan Thailand. Bagi anggota masyarakat yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka terpaksa mencari pekerjaan di Bangkok atau wilayah-wilayah lain atau bekerja di luar negara seperti Malaysia dan Arab Saudi. Manakala dari aspek perniagaan pula, terdapat banyak perniagaan yang dimiliki oleh masyarakat Islam sehingga boleh dikatakan semakin meningkat berbanding dahulu. Selain itu, terdapat ramai masyarakat Islam yang berpendidikan semakin mendapat tempat dalam sektor kerajaan di kawasan tempatan seperti menjadi guru, kerani dan lain-lain. Tambahan bagi, ekonomi umat Islam dilihat sedang berkembang pesat melalui koperasi-koperasi Islam, bank Islam dan bank swasta yang menawarkan kewangan Islam. Kewujudan institusi kewangan Islam tersebut, dapat membantu masyarakat Islam dari sudut kewangan bagi menjalankan aktiviti ekonomi yang bertepatan dengan kehendak syariat Islam.

---

<sup>360</sup> Rusdi Bako, *op.cit.* Temu bual pada 30 Mei 2009 di rumahnya.

<sup>361</sup> Ismail b. Hj. Yaacob, *op.cit.* Temu bual pada 17 Disember 2009 di rumahnya.

### **3.1.7 Institusi Dakwah**

Institusi dakwah merupakan institusi penting yang memainkan peranan besar dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat bukan Islam umumnya. Di Selatan Thailand, institusi dakwah terbahagi kepada dua bentuk iaitu institusi dakwah yang berbentuk kerajaan dan bukan kerajaan atau institusi kebajikan Islam. Institusi dakwah yang berbentuk kerajaan ialah Majlis Agama Islam Wilayah di Pattani, Yala dan Narathiwat. Manakala institusi dakwah yang berbentuk bukan kerajaan yang telah berdaftar rasmi dengan kerajaan iaitu antaranya *Yuwa Muslim Heang Prateas Thai, Jum‘iyah al-Islāh, Jum‘iyah Ihyā’ al-Turāth, World Assembly of Muslim Youth* (WAMY) dan lain-lain. Topik ini memperkenalkan institusi dakwah yang berbentuk kerajaan sahaja iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat.

Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah di Thailand bermula apabila Perdana Menteri Khuang Apaiwong telah mengambil inisiatif penting terhadap masyarakat Islam di Thailand dengan meluluskan Akta Perlindungan Agama Islam pada 8 Mei 1945 yang terkenal dengan “Prarach Krisdika Waduei Kansasanupatham Fai Islam 2488 B.E.”. Akta tersebut merupakan akta Islam pertama bagi masyarakat Islam di Thailand.<sup>362</sup>

Pada tahun 1997, kerajaan Thailand telah memansuhkan Akta Perlindungan Agama Islam sebelum ini dengan mengadakan akta baru iaitu Akta Pentadbiran Agama Islam 2540 B.E. bersamaan 1997 sebagai akta dalam mentadbirkan hal ehwal agama Islam di negara Thailand. Dalam Akta tersebut menyebutkan tentang Majlis Agama Islam Wilayah pada Fasal (4) Seksyen (23) yang bermaksud:-<sup>363</sup>

“Mana-mana wilayah yang mempunyai penduduk agama Islam dan masjid mengikut Seksyen (13) yang tidak mengurangi daripada tiga buah masjid, maka Majlis Hal Ehwal Agama Islam Thailand boleh mengisyiharkan bahawa wilayah itu boleh dilantik Ahli

---

<sup>362</sup> Nuruddin Sariming & Pichead Pearn (1999), “Neanam Kanakamkan Islam Pracham Changwat Pattani”, *Jurnal Rusamilea*, Bil. 1, Januari-April 1999, h. 62.

<sup>363</sup> Kromkan Sasna Krasuaeng Seksatikan (2001), *Khumeet Kanborihan Masjid Lea Chumchun*, c. 2. Bangkok: Penerbit Kansasna, h. 128.

Jawatankuasa Majlis Agama Islam satu kumpulan. Pelantikan ahli jawatankuasa adalah tidak mengurangi daripada sembilan orang dan tidak melebihi daripada 30 orang...”

Dengan Fasal (4) Seksyen (23) tersebut, maka tertubuhlah Majlis Agama Islam Wilayah mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Akta tersebut. Tujuan asas penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah ialah untuk mengeluarkan pandangan dan nasihat kepada Gabenor Wilayah dan menguruskan hal-ehwal yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>364</sup> Oleh yang demikian, Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat ditubuhkan mengikut Seksyen (23) dan mengikut syarat-syarat yang telah digariskan.

Masyarakat Islam di Selatan Thailand terikat dan terpengaruh dengan Majlis Agama Islam Wilayah. Ini kerana Majlis tersebut mempunyai hubungan dan kaitan langsung dengan mereka sama ada sudut hukum syarak dan sudut yang berkaitan kehidupan seharian.<sup>365</sup> Majlis Agama Islam Wilayah mempunyai ahli jawatankuasanya seramai 30 orang yang dipilih oleh para imam masjid dalam wilayah berkenaan. Manakala Ketua Majlis Agama Islam Wilayah atau dipanggil *Prathan Kanakammakan* dipilih di antara kalangan ahli jawatankuasa tersebut. Dengan itu, Majlis Agama Islam Wilayah merupakan institusi dakwah yang penting dan dianggapkan sebagai institusi dakwah yang tertinggi dalam masyarakat Islam di peringkat wilayah dalam memimpin mereka.

Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat adalah seperti berikut:-

---

<sup>364</sup> *Ibid.*, h. 130.

<sup>365</sup> Ahmad Omar Chapakia (2000), *op.cit.*, h. 282.

## **1. Majlis Agama Islam Wilayah Pattani**

Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani pada permulaannya ditubuhkan oleh golongan tuan guru dengan tidak secara rasmi pada tahun 1940. Golongan tuan guru merasa bertanggungjawab atas apa-apa perkara yang timbul dan berlaku di dalam wilayah Pattani kerana tidak ada sesuatu badan pun yang bertanggungjawab berkenaan dengan urusan hal ehwal agam Islam seperti *wali al-amr* atau Kadi. Sehubungan itu, tuan guru telah bersetuju menubuhkan pejabat agama Islam dan juga berfungsi sebagai pejabat kadi di dalam mengurus dan mengawal orang-orang Islam di dalam wilayah Pattani.<sup>366</sup> Oleh yang demikian, maka tertubuhlah Majlis Agama Islam Wilayah Pattani dan melantik Tuan Guru Hj Sulung b. Hj. Abdulqadir sebagai Ketua Majlis Agama Islam dan merangkap sebagai Kadi Syarri Daruri wilayah Pattani.<sup>367</sup>

Pada 1945, kerajaan Thailand telah mengadakan Akta Perlindungan Agama Islam 2488 B.E./1945 maka Majlis Agama Islam dilaksanakan dengan cara rasmi mengikut undang-undang kerajaan. Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani yang pertama cara rasmi yang telah dipilih oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani ketika itu ialah Tuan guru Hj Sulung b. Hj. Abdulqadir.<sup>368</sup> Manakala Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani sekarang ialah Abdulrahman Makmingchi.

Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Wilayah Pattani adalah Yang Dipertua Majlis, Timbalan Ketua Majlis, Bahagian Pemerintah, Anggota Ulama, Timbalan Ketua Majlis Bahagian Syariah, Setiausaha, Bahagian Kewangan, Bahagian Ekonomi, Bahagian Pelajaran, Bahagian Dakwah, Bahagian Pemerintah dan Bahagian Zakat.<sup>369</sup>

---

<sup>366</sup> Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Pattani.

<sup>367</sup> Nuruddin Sariming & Pichead Pearkin (1999), *op.cit.*, h. 63-64.

<sup>368</sup> Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Pattani.

<sup>369</sup> *Ibid.*

## **2. Majlis Agama Islam Wilayah Yala**

Majlis Agama Islam Wilayah Yala ditubuhkan pada tahun 1945 dengan mendapat persetujuan dan kebenaran dari kerajaan Thailand yang diletakkan bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelajaran. Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Yala yang pertama telah dipilih oleh Ahli Jawatankuasa Majlis ketika itu ialah Datuk Hj. Hasan Awang.<sup>370</sup> Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Yala sekarang ialah Abdulrahman Je se.

Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Wilayah Yala adalah Yang Dipertua Majlis, Timbalan Ketua Majlis, Setiausaha, Bahagian Bendahara, Bahagian Kewangan, Bahagian Dakwah, Bahagian Penerangan , Bahagian Urusan Masjid, Bahagian Kebajikan dan Perkhidmatan, Bahagian Fatwa, Bahagian Baitulmal, Bahagian Pendidikan & Adat Istiadat, Bahagian Perhubungan dan Bahagian Penasihat.<sup>371</sup>

## **3. Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat**

Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat telah didirikan pada tahun 1945 oleh Tuan Hj. Abdulrahman Cik Ismail dan beliau menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat yang pertama.<sup>372</sup> Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Yala sekarang ialah Abdulrazak Ali.

Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat adalah Bahagian Pengurusan yang mengandungi Yang Dipertua Majlis dan tiga orang Timbalan, Bahagian Setiausaha, Bahagian Kewangan, Bahagian Ekonomi, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pendamai, Bahagian Perkhidmatan Masyarakat, Bahagian Nikah Kahwin dan Kegiatan, Bahagian Urusan Haji dan Umrah, Bahagian Urusan Masjid, Bahagian Urusan Zakat dan Bahagian Penerangan.<sup>373</sup>

---

<sup>370</sup> Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Yala

<sup>371</sup> *Ibid.*

<sup>372</sup> Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat.

<sup>373</sup> *Ibid.*

Fungsi setiap Majlis Agama Islam Wilayah di negara Thailand adalah sama. Ia mengatur hal ehwal agama Islam, menurut Seksyen (26) Akta Pentadbiran Agama Islam 2540 B.E./ 1997 M. Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Wilayah mempunyai tugas dan peranan seperti berikut:<sup>374</sup>

- i. Menjadi penasihat dan memberikan pandangan berkenaan dengan agama Islam kepada Gabenor Wilayah.
- ii. Menjaga dan mengawal Ahli Jawatankuasa Masjid.
- iii. Mendamaikan dan memberikan keputusan terhadap rayuan maknum masjid yang tidak mendapat keadilan daripada Ahli Jawatankuasa Masjid.
- iv. Menjaga dan mengawal pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid agar berjalan dengan teratur dan lancar.
- v. Membuat pertimbangan dan memberhentikan Ahli Jawatankuasa Masjid.
- vi. Memeriksa dan membuat pertimbangan terhadap Ahli Jawatankuasa Masjid supaya meletakkan jawatan menurut Seksyen 40 Kurungan 4.
- vii. Memberi arahan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid agar meletakkan jawatan sewaktu dalam pemeriksaan kes.
- viii. Membuat pertimbangan mendirikan, memindah dan membubarkan masjid.
- ix. Melantik jawatan kuasa sementara sewaktu imam khatib dan bilal telah terhenti dari jawatan.
- x. Mengeluarkan surat keterangan nikah cerai dan surat taklik menurut Islam.
- xi. Mendamaikan keluarga dan pusaka apabila mendapat pengaduan.
- xii. Membuat daftar harta benda, dokumen-dokumen dan daftar wang masuk keluar serta memberi lapor kepada yang berkenaan setiap tahun.
- xiii. Memberi pengumuman aktiviti Islam dalam wilayah.

---

<sup>374</sup> Kromkan Sasna Krasuaeng Seksatikan (2001), *op.cit.*, h. 130-131.

Melalui fungsi-fungsi utama tersebut jelas menunjukkan Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand mempunyai peranan yang penting dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah Islam kepada masyarakat Islam supaya melahirkan masyarakat Islam yang berkualiti. Aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dijalankan oleh ketiga-tiga Majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand kepada masyarakat Islam agak sama. Antara aktiviti-aktivitinya yang telah dijalankan ialah mengatur dan mengurus serta menyusun aktiviti-aktiviti masjid, ceramah agama di kampung-kampung dan di radio, mengawasi dan menyelesaikan masalah-masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat, berusaha meningkatkan taraf hidup umat Islam di setiap sudut sama ada rumah tangga, pendidikan, ekonomi, agama dan lain-lain.

Di samping itu juga, menyediakan kurikulum tadika, mengeluarkan khutbah-khutbah hari Jumaat dan dua hari Raya, mengeluarkan fatwa, mengisyiharkan hari puasa dan hari raya, mengeluarkan buku agama dan majalah, mengadakan kursus-kursus seperti kursus kahwin dan mengadakan program-program perayaan seperti sambutan Maulid Nabi Muhammad dan sebagainya.<sup>375</sup>

Kesimpulannya, majlis Agama Islam Wilayah di Selatan Thailand merupakan salah satu institusi dakwah yang mempunyai peranan penting sebagai peneraju utama dalam membimbing, membina, menjadi tempat perkhidmatan menerangkan maklumat dan menyelesaikan masalah kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berkaitan dengan hal ehwal agama.

Kesimpulan secara keseluruhannya, Selatan Thailand pada zaman dahulu terkenal dengan negeri Pattani sebelum dikuasai oleh kerajaan Thailand sepenuhnya. Masyarakat Islam di Selatan Thailand adalah penduduk majoriti, mereka menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pertuturan dalam kehidupan seharian. Boleh dikatakan semenjak pergolakan yang berlaku secara besar-besaran di Selatan Thailand pada awal

---

<sup>375</sup> Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Pattani., Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Yala. Pamflet Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Muhammad Hj. Mat, Imam Masjid Sawa dan Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Narathiwat. Temu bual pada 19 Disember 2009 di rumahnya.

tahun 2004 sehingga kini, kerajaan Thailand mula bertindak dengan lebih serius dalam membangun semua aspek kehidupan masyarakat Islam di Selatan Thailand berbanding sebelum ini.

### **3.2 BIOGRAFI ISMAIL LUTFI JAPAKIYA**

Pengkaji akan menghuraikan biografi Ismail Lutfi dalam beberapa sub topik yang merangkumi nama dan keluarga, pendidikan, keperibadian dan aktiviti dan sumbangan dakwah.

#### **3.2.1 Nama Dan Keluarga**

Nama penuh beliau ialah Ismail Lutfi b. Abdulrahman b. Abdullatif b. Hasan Japakiya. Beliau dilahirkan di *Hay al-Safā*, Mekah, Arab Saudi pada tahun 1371 H bersamaan 1950 M . Ketika itu, keluarga beliau tinggal di Mekah kerana bapa beliau sedang menuntut ilmu agama di sana.<sup>376</sup> Beliau ditahnikkan dan diberikan nama oleh Tuan guru Ismail b. Abdulqadir.<sup>377</sup> Nama Ismail diambil daripada nama tuan guru tersebut. Manakala nama Lutfi pula yang ditambah belakang Ismail merupakan nama datuknya yang digunakan oleh beliau atas kehendaknya sendiri. Beliau mula menggunakan nama Lutfi ketika berusia dalam lingkungan 12-13 tahun dan kekal menggunakannya sehingga kini.<sup>378</sup>

---

<sup>376</sup> Mawqi‘ al-Rawdah al-Islāmiyyah, <http://www.al-rawdah.net/r.php?sub0=rahalat&sub1=15&p=144>, 19 Ogos 2007. Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 243.

<sup>377</sup> Tuan guru Ismail b. Abdulqadir adalah seorang tuan guru yang tersohor dari Selatan Thailand yang sedang mengajar di Mekah pada ketika Ismail Lutfi dilahirkan. Beliau dikenali sebagai Pakdo Ea. Beliau dilahirkan pada tahun 1882 di kampung Bendang Daya, wilayah Pattani dan meninggal dunia pada tahun 1965. Lihat, Kolej Pengajian Islam, <http://www.cis.pn.psu.ac.th>, 29 Mac 2007.

<sup>378</sup> Ismail Lutfi Japakiya, Rektor UIY, Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya. Abdulrahman b. Abdullatif, Bapa Ismail Lutfi dan Pengasas Sekolah *al-Rahmāniyyah*, daerah Muang, wilayah Pattani. Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

Bapa Ismail Lutfi bernama Abdulrahman b. Abdullatif<sup>379</sup> (masih hidup) merupakan salah seorang tuan guru yang terkenal di Selatan Thailand yang berasal dari kampung Pohon Setar, daerah Yarang, wilayah Pattani. Manakala ibu beliau pula bernama Hjh. Nik Aminah bt. Hj. Nik Hussin (meninggal) yang berasal dari kampung Gersik, daerah Muang, wilayah Pattani. Kedua-dua ibu bapa beliau adalah berketurunan ulama Pattani. Ismail Lutfi merupakan anak yang ke tiga daripada 11 adik beradik.<sup>380</sup>

Setelah bapa beliau menamatkan pengajian di Mekah, Ismail Lutfi bersama keluarganya pulang ke tanah air pada tahun 1377 H bersamaan 1956 M ketika berusia enam tahun.<sup>381</sup> Ketika di tanah air, keluarga beliau telah menetap di kampung Padang Ru, mukim Baruh, daerah Yaha, wilayah Yala. Semasa di Padang Ru ini, bapa beliau Abdulrahman b. Abdullatif bertugas sebagai Mudir Pondok Padang Ru. Setelah pondok tersebut sudah maju keluarga beliau berpindah dan menetap di kampung Chaleam atau Kaleachong, mukim Pujud, daerah Muang wilayah Pattani pada tahun 1959. Semasa di kampung Chaleam inilah, bapa beliau telah mengasaskan sebuah pondok yang terkenal iaitu Pondok Chaleam pada tahun 1959. Setelah pondok berubah menjadi sekolah pada tahun 1965, pondok tersebut telah dikenali sebagai Sekolah *al-Rahmāniyyah* sehingga kini.<sup>382</sup>

---

<sup>379</sup> Abdulrahman b. Abdullatif Japakiya dilahirkan pada tahun 1926 M bersamaan 1344 H di kampung Pohon Setar, daerah Yarang, wilayah Pattani. Beliau merupakan mantan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani dan Pengasas serta Pengerusi Sekolah *al-Rahmāniyyah*, kampung Chaleam, mukim Pujud, daerah Muang, wilayah Pattani. Lihat, Moohamad Khoya (2007), “Dawr al-Masājid bi Wilāyah Faṭānī fī Nashr al-Dā’wah wa al-Thaqāfah al-Islāmiyyah bi al-Ishārah ilā Masjid ‘Ibād al-Rahmān, Markaz Pūjud, Faṭānī” (Disertasi, Jabatan Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani), h. 73.

<sup>380</sup> Adik beradik Ismail Lutfi 11 orang ialah seperti berikut:-

- i. Nikmat Japakiya
- ii. Abdullah Japakiya (meninggal).
- iii. Ismail Lutfi Japakiya.
- iv. Zainuddin Japakiya. (meninggal).
- v. Zainab Japakiya (meninggal).
- vi. Khadijah Japakiya.
- vii. Nafisah Japakiya.
- viii. Sarifuddin Japakiya.
- ix. Abdulhamid Japakiya.
- x. Ahmad Japakiya. (meninggal)
- xi. Mustafa Japakiya.

Abdulrahman b. Abdullatif, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

<sup>381</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>382</sup> Abdulrahman b. Abdullatif, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

Pada tahun 1976, ketika Ismail Lutfi sedang belajar di peringkat sarjana di *Ma'had al-'Ālī li al-Qudā'*, Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud (*Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah*), Riyadh, Arab Saudi, beliau telah berkahwin dengan sepupunya Juariah bt. Abdulrahman yang diatur oleh keluarga kedua-dua belah pihak. Perkahwinan ini tidak kekal lama dan hanya bertahan lebih kurang setahun. Perpisahan tersebut berlaku kerana usia isteri beliau yang masih muda iaitu dalam lingkungan 13-14 tahun dan belum matang dalam mengurus rumah tangga sedangkan beliau memikul tanggungjawab dakwah yang berat. Dan isteri beliau tidak mampu menyesuaikan diri dengan tanggungjawab yang dipikul oleh beliau.<sup>383</sup>

Setelah beliau berpisah dengan Juariah bt. Abdulrahman, Ismail Lutfi telah berkahwin pula dengan Fausiyah bt. Hj. Mustafa pada tahun 1978. Beliau memulakan kehidupan bersama isterinya di Arab Saudi. Kehidupan berumah tangga tidak menghalang beliau daripada meneruskan pengajian dan kegiatan dakwah malahan isteri beliau turut bersama membantu beliau dalam pengajian.<sup>384</sup>

Hasil daripada perkongsian hidup bersama Fausiyah bt. Hj. Mustafa telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan enam cahaya mata yang terdiri daripada tiga orang lelaki iaitu Abdul Fatah, Muslim dan Muhammad dan tiga orang perempuan iaitu Fatihah, Mawardah dan Huda.<sup>385</sup> Pada tahun 1996, Ismail Lutfi telah berkahwin dengan isteri keduanya ialah Asiah bt. Ibrahim.<sup>386</sup> Perkahwinan kedua beliau masih belum dikurniakan zuriat setakat ini. Rumah kediaman Ismail Lutfi terletak di dalam kawasan Sekolah *al-Rahmāniyyah* yang berhampiran rumah bapanya dan Masjid *'Ibād al-Rahmān*.

---

<sup>383</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>384</sup> Fausiyah bt. Hj. Mustafa, Isteri Ismail Lutfi, Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

<sup>385</sup> *Ibid.*

<sup>386</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

### **3.2.2 Pendidikan**

Ismail Lutfi dibesarkan dalam keluarga yang amat mementingkan agama dan amat berpegang kuat dengan ajaran Islam. Beliau seorang yang sangat mencintai ilmu agama semenjak kecil lagi. Beliau telah dididik dengan ilmu agama pada peringkat awal oleh ibu dan bapanya dan ibu beliau merupakan guru al-Quran yang pertama. Di samping itu juga, beliau mempelajari al-Quran bersama dengan Khadijah yang dikenali sebagai Mak Cah ketika berada di Mekah.<sup>387</sup>

Setelah keluarga Ismail Lutfi pulang ke tanah air pada tahun 1956, beliau mempelajari ilmu agama di Pondok Padang Ru, daerah Yaha, wilayah Yala selama lebih kurang dua tahun. Pada tahun 1959, setelah keluarganya berpindah ke kampung Chaleam, beliau memasuki sekolah rendah kebangsaan di Sekolah Berao, kampung Berao, mukim Prachan, daerah Yarang, wilayah Pattani dengan terus belajar di darjah dua. Ini kerana beliau telah lulus mengambil peperiksaan bacaan bahasa Thai. Beliau tamat belajar di sekolah tersebut di peringkat darjah empat pada tahun 1962.<sup>388</sup> Kemudian beliau terus menyambung persekolahan di peringkat darjah lima hingga darjah tujuh di Sekolah Muang Pattani, daerah Muang, wilayah Pattani.<sup>389</sup> Pada tahun 1965, beliau tamat belajar di peringkat darjah tujuh (sekolah rendah).<sup>390</sup>

Semasa Ismail Lutfi sedang belajar di Sekolah Berao dan Sekolah Muang Pattani, beliau juga mempelajari ilmu agama seperti ilmu nahu, tafsir, fikah, tauhid, tasawuf dan lain-lain dengan bapanya selepas solat Subuh, Asar, Maghrib dan Isyak kerana sekolah ketika itu ialah sistem pondok. Di samping itu juga, beliau mengajar ilmu agama kepada rakan-rakannya pada hari Sabtu dan Ahad.<sup>391</sup>

---

<sup>387</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>388</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>389</sup> *Ibid.* Chiraphan Deama, Kawan Ismail Lutfi Semasa Sekolah Muang Pattani dan Pensyarah Universiti Songkla Nakharin, Pattani. Temu bual pada 26 April 2009 di masjid kampungnya.

<sup>390</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>391</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

Setelah tamat pengajian di peringkat sekolah rendah, beliau tidak lagi berminat untuk menyambung belajar peringkat sekolah menengah kebangsaan iaitu Mo.So (menengah) satu hingga Mo.So. lima (sistem pengajian ketika itu). Ini kerana beliau malu untuk memakai pakaian uniform yang tidak menutup aurat. Uniform sekolah kebangsaan semasa itu mewajibkan pelajar lelaki memakai seluar pendek dan beliau akhirnya membuat keputusan untuk mempelajari ilmu agama sahaja di sekolah bapa beliau.<sup>392</sup>

Sewaktu Ismail Lutfi belajar di sekolah bapanya, sistem pengajian pada masa itu sehingga kelas tujuh sahaja.<sup>393</sup> Beliau yang telah mempunyai asas ilmu agama terus menduduki kelas empat. Pada peringkat kelas lima, beliau hanya sempat belajar selama satu semester sahaja. Alasannya kerana beliau sudah memahami mata pelajaran yang diajarkan. Oleh itu, bapanya menyuruh Ismail Lutfi mengajar dan beliau pun menerima arahan tersebut. Kedudukan beliau berubah daripada pelajar menjadi guru dengan mengajar para pelajar di peringkat kelas satu hingga kelas empat. Mata pelajaran yang diajar oleh beliau ialah nahu, tauhid, bahasa Arab dan sebagainya. Di samping mengajar, beliau juga suka untuk mencari ilmu, beliau bersama rakan-rakan sejawatanya mempelajari ilmu bahasa Arab dengan Ustaz Hussin b. Abdulrahman Toktayung yang baru tamat belajar daripada Tunisia.<sup>394</sup>

Abdulrahman b. Abdullatif menyatakan bahawa beliau mendidik Ismail Lutfi dengan menyuruh Ismail Lutfi membaca buku setiap hari selama satu jam selain daripada belajar dengan beliau. Abdulrahman b. Abdullatif menyatakan lagi bahawa Ismail Lutfi mempunyai kebolehan menulis buku semenjak kecil lagi kerana hasil daripada beliau membeli buku-buku tentang bahasa Melayu kerana beliau tidak pandai mengajar bahasa Melayu.<sup>395</sup>

---

<sup>392</sup> *Ibid.*

<sup>393</sup> Pada masa Ismail Lutfi, sistem Sekolah *al-Rahmāniah* hanya belajar ilmu agama sahaja dan sistem ketika itu belum bersistematis. Adapun sistem pengajian di Sekolah *al-Rahmāniah* pada masa kini, terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian akademik yang bermula dari tingkatan 1-6. Manakala bahagian kedua ialah bahagian agama yang bermula dari tingkatan 1-10.

<sup>394</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>395</sup> Abdulrahman b. Abdullatif, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

Walaupun Ismail Lutfi tidak menyambung pengajian ilmu akademik sehingga tamat peringkat sekolah menengah secara sistem persekolahan tetapi pada waktu lapang, beliau mempelajari ilmu akademik di *Sun Kan Seksaw Nok Rongrian*<sup>396</sup> sehingga memperolehi sijil pelajaran peringkat sekolah menengah sebelum memasuki universiti dalam tahun 1971.<sup>397</sup>

Apabila Universiti Islam Madinah al-Munawwarah (*Jāmi‘ah al-Islāmiyyah bi Madīnah al-Munawwarah*), Madinah, Arab Saudi membuat perhubungan dengan Persatuan Sekolah Agama Selatan Thailand untuk menawarkan biasiswa pengajian kepada pelajar di peringkat ijazah sarjana muda. Pihak Persatuan telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Pattani untuk mengadakan peperiksaan di Majlis itu. Ismail Lutfi turut serta menduduki peperiksaan tersebut walaupun beliau tidak tamat pengajian peringkat *al-thānawiyyah* (tamat kelas 10) tetapi beliau telah mengambil peperiksaan sijil taraf peringkat *al-thānawiyyah* di Persatuan untuk menduduki peperiksaan tersebut.<sup>398</sup>

Dalam peperiksaan tersebut, seramai 27 orang pelajar telah menduduki peperiksaan tetapi hanya empat orang sahaja yang berjaya. Dengan kehendak Allah SWT, beliau tidak termasuk di kalangan empat orang ini dan hanya mendapat kedudukan yang kesembilan. Ismail Lutfi tidak berjaya dalam peperiksaan itu disebabkan oleh soalan peperiksaan tersebut adalah mengenai akidah salaf sedangkan beliau mempelajari akidah khalfah. Selain itu, beliau tidak lulus dalam ilmu balaghah kerana lemah dalam ilmu tersebut.<sup>399</sup>

Setelah gagal dalam peperiksaan tersebut, beliau bersedia untuk menduduki peperiksaan akan datang dengan berazam untuk berjaya dalam peperiksaan yang kedua. Beliau mengikuti pengajian ilmu balaghah dengan Tuan guru Abdullatif b. Muhammad Nur di Pondok Cherang Batu, daerah Muang, wilayah Pattani. Hasil dari kesungguhan beliau membuat ulang kaji, beliau telah berjaya dalam peperiksaan yang kedua sehingga dapat

---

<sup>396</sup> Pusat pendidikan yang memberi peluang bagi orang yang tidak dapat mengikuti sistem persekolahan supaya mereka dapat melanjut pengajian. Sijil pengajian pusat pendidikan ini disamakan taraf dengan sijil yang dikeluarkan oleh sekolah.

<sup>397</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>398</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>399</sup> *Ibid.*

memasuki Universiti Islam Madinah al-Munawwarah pada tahun 1392 H bersamaan 1972.<sup>400</sup>

Pada hari beliau bertolak ke Universiti Islam Madinah al-Munawwarah, ramai golongan ulama, ketua-ketua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, ketua-ketua kampung dan ahli politik tempatan yang datang memberi nasihat dan ucapan perpisahan. Pelbagai nasihat dan peringatan yang telah diberikan kepada beliau pada hari tersebut. Sebahagian mereka berkata perjalanan beliau itu merupakan perjalanan yang dapat menyumbangkan khidmat penting kepada tanah air, sebahagian mereka memuji beliau sebagai seorang yang soleh dan menasihati beliau agar berpegang pada pendirian yang baik sehingga dapat meningkatkan lagi dan memberi manfaat kepada agama dan masyarakat Islam seluruhnya, sebahagian mereka memberi amaran bahawa jangan terpengaruh dengan akidah Wahabi dan nasihat lain-lain lagi yang penting.<sup>401</sup>

Nasihat dan ucapan tersebut telah mendorong beliau untuk menuntut ilmu, rasa bertanggungjawab dan rasa mementingkan masa. Apabila beliau dan rakan-rakannya dari wilayah Pattani sampai ke Universiti, mereka perlu mengemukakan semua sijil pelajaran bagi pihak Universiti untuk menyemaknya. Setelah disemak oleh pihak Universiti, didapati sijil pelajaran beliau tidak *mu ‘ādalah*<sup>402</sup>(diakui), manakala sijil pelajaran rakan-rakannya *mu ‘ādalah* oleh Universiti.

Ismail Lutfi dan rakan-rakannya dipanggil untuk sesi temu duga bagi peperiksaan bahasa Arab. Hasil temu duga mendapati kebolehan bahasa Arab beliau sama dengan rakan-rakannya yang mempunyai sijil pelajaran yang *mu ‘ādalah*. Maka pihak Universiti memberi pilihan kepada beliau sama ada hendak belajar bahasa Arab terlebih dahulu atau terus masuk belajar ke Universiti. Beliau membuat keputusan untuk terus masuk ke Universiti bersama rakan-rakan beliau dan belajar dalam pengajian Usuluddin dan Dakwah.<sup>403</sup>

---

<sup>400</sup> *Ibid.*

<sup>401</sup> *Ibid.* Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 80.

<sup>402</sup> Beliau adalah pelajar yang pertama yang menggunakan sijil *al-thānawiyah* dari Sekolah *al-Rahmāniyyah*, selepas itu Sijil Sekolah *al-Rahmāniyyah* di *mu ‘ādalah* oleh pihak Universiti.

<sup>403</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

Dalam tempoh pengajian empat tahun dalam bidang tersebut didapati keputusan akademik beliau pada tahun pertama telah mendapat pangkat *jayyid*, pada tahun kedua dan tahun ketiga telah mendapat pangkat *jayyid jiddan* dan pada tahun yang terakhir iaitu tahun keempat, beliau telah mendapat pangkat *mumtaz*. Maka keputusan secara keseluruhannya empat tahun didapati beliau telah mendapat pangkat *al-sharf al-ūlā* pada peringkat pengajian ijazah sarjana muda. Beliau merupakan pelajar Thailand pertama yang mendapat pangkat *al-sharf al-ūlā* dari Universiti Islam Madinah al-Munawwarah pada tahun 1396 H bersamaan 1976.<sup>404</sup>

Keputusan tersebut menyebabkan beliau telah menerima hadiah sebanyak 1,000 Riyal Arab Saudi daripada bahagian pentadbiran Universiti yang disampaikan oleh *Amīr al-Madīnah al-Munawwarah*. Nama Ismail Lutfi juga telah tercatat pada kedudukan kesembilan dalam senarai nama 10 pelajar yang terbaik di Universiti tersebut.<sup>405</sup>

Selepas tamat pengajian ijazah sarjana muda, Ismail Lutfi telah membuat keputusan untuk pulang ke tanah air supaya beliau dapat berkhidmat kepada masyarakat dengan ilmu yang dipelajari. Beliau pada mulanya tidak berkeinginan untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana tetapi setelah beliau berjumpa dan berbincang bersama rakan-rakan beliau, didapati rakan-rakan beliau yang mendapat kelulusan akademik dengan *jayyid* atau *jayyid jiddan* dalam pengajiannya membuat keputusan untuk terus menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana. Selepas perjumpaan tersebut, beliau akhirnya telah membuat keputusan untuk terus menyambung pengajiannya.

Ismail Lutfi telah mendaftarkan nama di dua universiti iaitu Universiti Islam Madinah al-Munawwarah dan Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud. Kedua-dua Universiti tersebut menerima beliau sebagai calon ijazah sarjana dan beliau telah memilih Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud sebagai tempat pengajian untuk mencari pengalaman yang baru dan mengikut sesetengah rakannya. Beliau telah memilih bidang

<sup>404</sup> San Wityalai Islam Yala (2006): “Khamsadudi Kiartikhun” *San Wityalai Islam Yala*: Julai-Disember Bil. 41-42, h. 2. Mawqi‘ al-Rawdah al-Islamiyyah, *op.cit.* Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 81.

<sup>405</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya

*Fiqh al-Muqāran* di Ma‘had al-‘Ālī li al-Qudā’, Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud.<sup>406</sup>

Sepanjang pengajian, Ismail Lutfi banyak memenuhi masanya dengan pelbagai aktiviti dakwah sehingga menyebabkan beliau tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengulang kaji dan menulis disertasi. Pihak pentadbiran Universiti telah memberi amaran kepada beliau agar menyiapkan disertasi dalam tempoh lima tahun, sekiranya tidak keputusan pengajian beliau adalah gagal. Beliau bersungguh-sungguh menggunakan tempoh masa yang masih berbaki bagi mengulang kaji pengajian di perpustakaan sehingga berjaya menyiapkan disertasi yang bertajuk “*Ikhtilāf al-Dārayn wa Athruh fī Aḥkām al-Jināyat*” dalam tempoh masa tiga bulan atas dorongan dan nasihat rakan-rakannya.<sup>407</sup> Pada tahun 1401 H bersamaan 1981, beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya di peringkat ijazah sarjana dengan mendapat pangkat *jayyid jiddan*.<sup>408</sup>

Setelah Ismail Lutfi tamat pengajian di peringkat ijazah sarjana, beliau merasakan telah tiba masanya beliau pulang ke tanah air untuk berkhidmat kepada masyarakat. Namun, penyelia beliau Dr. Badrān Abū ‘Aynayn Badrān telah menemui dan memberi dorongan kepada beliau supaya melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD). Maka beliau telah mengambil keputusan untuk terus menyambung pengajian dan beliau telah meminta jasa baik pihak Universiti untuk melantik penyelia beliau semasa di peringkat ijazah sarjana iaitu Dr. Badrān ’Abu ‘Aynayn Badrān menjadi penyelia di peringkat PhD dan permintaan itu diterima oleh dekan.<sup>409</sup>

Pada peringkat pengajian PhD ini, Ismail Lutfi telah mengambil bidang yang sama ketika belajar di peringkat ijazah sarjana dahulu iaitu *Fiqh al-Muqāran*. Tajuk tesis yang telah dihasilkan oleh beliau di peringkat PhD bertajuk “*Ikhtilāf al-Dārayn wa Athruh fī*

<sup>406</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 83. Surainee Sainui (2004), “Islamic Leaders and Social Movements” (Disertasi, Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sains Politik, Universiti Chula Longkorn), h. 128.

<sup>407</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.* Surainee Sainui (2004), *op.cit.*

<sup>408</sup> San Wityalai Islam Yala (2006): *op.cit.* Mawqi‘ al-Rawdah al-Islamiyyah, *op.cit.*

<sup>409</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 84.

*Aḥkām al-Mu‘āmalāt wa al-Munākahāt*”.<sup>410</sup> Semasa menjalankan kajian, penyelia beliau iaitu Dr. Badrān Abū ‘Aynayn Badrān<sup>411</sup> telah meninggal dunia. Maka pihak Universiti telah melantik penyelia yang baru kepada beliau iaitu Dr. ‘Abd Allāh b. ‘Abd Allāh al-Zāyid.<sup>412</sup>

Pada hari Selasa tanggal 21 Sha‘bān 1406 H bersamaan 30 April 1986 M, beliau telah menduduki peperiksaan lisan yang diketuai oleh Dr. ‘Abd Allāh b. ‘Abd Allāh al-Zāyid manakala Dr. ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad al-Sadḥān dan Dr. ‘Abd Ḥallāh b. Muḥammad al-Mutlaq sebagai ahli pemeriksa. Keputusan peperiksaan tersebut mendapati beliau lulus dalam pengajian PhD dengan mencapai *martabah al-sharf al-ūlā* pada tahun 1406 H bersamaan 1986.<sup>413</sup>

Selain daripada pendidikan agama secara sistem formal di universiti, Ismail Lutfi juga mempelajari ilmu agama secara tidak formal iaitu mempelajari ilmu hadis secara *talaqqī* dengan syeikh. Beliau menerima ijazah ilmu hadis secara *sanad muttasil* daripada Syeikh Muḥammad Yāsin al-Fādānī di *Dār al-‘Ulūm*, Mekah, Arab Saudi pada 1406 H.<sup>414</sup>  
(Lihat Senarai Nama Guru Ismail Lutfi Pada Lampiran B)

Kesimpulannya, Ismail Lutfi merupakan seorang yang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu agama semenjak kecil lagi. Sebelum beliau menuntut ilmu ke luar negara, kebanyakan beliau mempelajari ilmu agama bersama bapanya Tuan guru Abdulrahman b. Abdullatif. Kesungguhan dan ketekunan beliau dalam mencari ilmu, beliau telah berjaya dalam pengajiannya dengan mempelajari sehingga di peringkat yang tertinggi iaitu peringkat PhD dengan keputusan kelas pertama.

---

<sup>410</sup> Pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapatii tesis beliau telah dicetak menjadi buku dan telah disebarluaskan merata tempat seluruh dunia, didapati juga tesis beliau diterbitkan secara berulang-ulang kali oleh penerbit *Dār al-Sālām* di Kaherah, Mesir.

<sup>411</sup> Dr. Badrān Abū ‘Aynayn Badrān meninggal dunia pada 29 Rabiulakhir 1404 H di Riyadh, Arab Saudi. Lihat, Ismail Luffi Fathoni (1990), *Ikhtilāf al-Dārayn wa Athruh fī Aḥkām al-Mu‘āmalāt wa al-Munākahāt*. Qāhirah.:Dār al-Sālām, h. 8.

<sup>412</sup> *Ibid.*, h. 7-8.

<sup>413</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>414</sup> Mohd. Lazim Lawee @ Donwana Taye (2008), “Perkembangan Pengajian al-Qur’ān dan al-Hadīth di Thailand” (Kertas Kerja Seminar Warisan al-Qurān & al-Hadīth Nusantara, 27&28 Ogos 2008 di APIUM), h. xxiii.

### **3.2.3 Keperibadian**

Ismail Lutfi terkenal dengan keperibadiannya yang baik dan pelbagai lagi sifat keperibadian terpuji yang dimiliki oleh beliau. Bapanya Abdulrahman b. Abdullatif mengakui bahawa Ismail Lutfi seorang yang mempunyai sifat kesungguhan dan keikhlasan yang tinggi.<sup>415</sup>

Maslan Mahama menerangkan Ismail Lutfi adalah seorang yang tawaduk, ikhlas, mementingkan urusan-urusan orang lain dan mempunyai sifat kepimpinan yang baik. Antara bukti keikhlasan beliau ialah usaha Ismail Lutfi mencari dana dari negara-negara Arab untuk membangunkan UIY. Dana berjuta-juta baht yang diperolehi melalui usaha beliau tidak digunakan untuk kepentingan peribadi. Bahkan beliau menyerahkan dana tersebut kepada Ahli Jawatankuasa UIY untuk menguruskannya. Manakala dalam kehidupan bermasyarakat, beliau seorang yang suka menziarahi orang-orang sakit, orang-orang yang meninggal dunia dan senantiasa menziarahi para tuan guru untuk bertukar-tukar pandangan dan bekerjasama dengan mereka.<sup>416</sup>

Fausiyah bt. Hj. Mustafa menggambarkan keperibadian suaminya sebagai seorang yang bersungguh-sungguh, kuat berusaha, bersabar dan tidak berputus asa terhadap halangan yang menimpa. Dasar pekerjaan beliau adalah ikhlas kepada Allah SWT, bertawakal kepadaNya dan tidak mengharapkan ganjaran daripada manusia melainkan ganjaran daripada Allah SWT sahaja. Beliau seorang yang suka berfikir untuk melakukan sesuatu perkara yang baru supaya dapat memberi manfaat kepada agama dan masyarakat.<sup>417</sup>

Tambah isteri beliau lagi, suaminya seorang yang mudah bergaul dengan semua lapisan masyarakat kerana beliau seorang yang menghormati setiap orang, berlapang dada, lemah-lembut, suka bersangka baik, suka menolong dan membantu orang fakir dan miskin, suka menjadi bersedekah, seorang yang banyak berkorban, menyayangi orang muda dan

---

<sup>415</sup> Abdulrahman b. Abdullatif, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

<sup>416</sup> Maslan Mahama, Bekas Pelajar Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud dan Timbalan Rektor Bahagian Pentadbiran UIY, Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>417</sup> Fausiyah bt. Hj. Mustafa, *op.cit.*, Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

menghormati orang tua. Oleh yang demikian, beliau dihormati dan dikenali oleh masyarakat sama ada di dalam negara dan luar negara.<sup>418</sup>

Abdulhalim Saising selaku kawan kepada Ismail Lutfi dan sama-sama belajar di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah serta selaku Dekan Fakulti Pengajian Islam, UIY menyatakan Ismail Lutfi adalah seorang yang mempunyai akhlak yang mulia, hemah yang tinggi, mempunyai visi yang jauh dan bergaul baik dengan semua orang.<sup>419</sup>

Imron Malulim selaku Timbalan Yang Di Pertua Majlis Ulama Pusat Negara Thailand, telah menyatakan pada kata penghargaan dalam buku *al-Islām Dīn al-Salām* yang dikarang oleh Ismail Lutfi:

*“Pada pengamatan saya, di kalangan para ilmuwan Islam di dalam negara Thai, Dr. Ismail Lutfi adalah di antara tokoh ulama Patani, yang bukan sahaja terserlah di sudut kecemerlangan kerja dan kemurnian pemikiran yang dapat dilihat menerusi tulisannya ini. Malahan di sudut kebijaksanaan beliau dalam menyampaikan risalah Islam serta kegigihannya yang berterusan dalam bidang akademi ke arah menyumbang khidmat yang besar kepada masyarakat Thai dan kepada umat Islam seluruhnya. Beliau juga layak dijadikan ulama contoh kepada para ilmuwan Islam yang lain dari sudut kegigihan dan semangat bina dan kerjasama yang tidak pernah pudar demi berkhidmat untuk agama, masyarakat dan negara.”<sup>420</sup>*

Menurut Ahmad Hussin al-Fariti, Ismail Lutfi adalah seorang yang menjaga masa, bersikap pemaaf kepada orang yang berkata tidak baik kepadanya. Contohnya orang yang menuduh beliau sebagai Wahabi, pemecah belah masyarakat, tidak menghormati para ulama tempatan dan sebagainya. Beliau tidak hairan dengan tuduh-tuduhan tersebut dan tidak bertindak balas dengan kata-kata yang tidak baik. Bahkan beliau berusaha memberi penerangan dan penjelasan melalui pengajian kuliah mingguan dan ceramah-ceramahnya. Beliau juga seorang yang ramah-tamah, bercakap baik, lemah-lembut, pemurah, sentiasa suka berbelanja pada jalan Allah SWT, mengutamakan jalan dakwah dan suka membantu

<sup>418</sup> *Ibid.*

<sup>419</sup> Abdulhalim Saising, Kawan Ismail Lutfi dan Dekan Fakulti Pengajian Islam, UIY. Temu bual pada 14 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>420</sup> Ismail Lutfi Faṭāni (2004), *Islam Agama Penjana Kedamaian Sejagat*. Muhammad b. Idris (terj.). Narathiwat: Jum ‘iyyah Ihyā’ al-Turāth al-Islāmi al-Kuwayt, Maktab Bangnara, Selatan Thailand, h. ﻊـ.

dan menolong orang fakir dan miskin. Oleh sebab itulah, beliau dihormati dan disegani oleh semua orang yang mengenalinya.<sup>421</sup>

Uthman Idris bekas murid Ismail Lutfi dan selaku pekerja di UIY menerangkan, Ismail Lutfi seorang yang mempunyai keikhlasan dan kesungguhan yang tinggi dalam pekerjaan serta mementingkan kerja lebih daripada kehidupan dirinya sendiri sehingga kadangkala tidak teringat untuk makan. Beliau seorang yang murah hati, mudah melempar senyuman dan memelihara perasaan pekerja-pekerja di bawah jagaannya. Beliau mengurus kerja dengan cara yang bersistematik dan mempunyai jadual kerja yang tetap serta menyemak kerja yang telah dilaksanakan. Beliau boleh bekerja secara berkumpulan dengan orang lain dan tidak bersikap sompong, boleh bergaul dengan semua lapisan pekerja seperti rakan dan menerima komen daripada semua pihak walaupun orang itu adalah seorang pekerja bawahan.<sup>422</sup>

Ahmad Hussin al-Fariti menyatakan Ismail Lutfi sangat berpegang teguh dengan ajaran Islam, beramal dengan apa yang dipelajarinya dan diajar kepada orang lain dan suka beramal dengan mengikut Sunah Nabi SAW. Contoh yang jelas ialah beliau mengajak masyarakat Islam beriktikaf pada sepuluh akhir bulan Ramadan melalui pengajian kuliah mingguannya dan tulisannya yang bertajuk *Pedoman Iktikaf Sepuluh Akhir Ramadan*. Di samping beliau mengajak, beliau turut menunjukkan contoh dengan beriktikaf sepanjang sepuluh hari di akhir bulan Ramadan dalam masjid dengan tidak keluar sehingga hari terakhir.<sup>423</sup> Beliau pernah berkata cara mengajar yang terbaik ialah menunjukkan contoh teladan yang baik seperti mana yang diucapkan.<sup>424</sup>

Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh ilmuwan yang amat mencintai ilmu pengetahuan semenjak kecil lagi sehingga kini. Beliau gemar membaca buku yang berfaedah khususnya buku agama, gemar mengkaji dan gemar mendekati para ulama kerana

<sup>421</sup> Ahmad Hussin al-Fariti, Adik Ipar Ismail Lutfi dan Pensyarah UIY. Temu bual pada 16 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>422</sup> Uthman Idris, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Pekerja UIY. Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>423</sup> Ahmad Hussin al-Fariti, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>424</sup> Anis Pattana Prichawong, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Pensyarah *Princess of Naradhiwas University*. Temu bual pada 15 Ogos 2008 di rumahnya..

ulama merupakan sumber ilmu yang terbaik. Beliau tidak pernah mempunyai masa yang lapang, beliau menghabiskan masa dengan beribadat sama ada solat sunat, membaca kitab-kitab, menulis buku dan makalah, mengkaji dan berkhidmat kepada masyarakat. Semasa menjadi pelajar di peringkat universiti, beliau akan menghabiskan duit dengan membeli buku-buku khususnya buku agama. Buku-buku beliau yang telah dibeli telah dijadikan sebuah perpustakaan kecil.<sup>425</sup>

Responden-responden yang ditemubual oleh pengkaji menyatakan perkara yang sama, menurut mereka rahsia kejayaan dan kekuatan Ismail Lutfi adalah hasil daripada solat tahajud yang menjadi amalan kebiasaan beliau pada waktu malam. Walaupun dalam keadaan bermusafir atau sakit, beliau akan tetap bersolat tahajud walaupun sekadar dua rakaat atau solat dalam keadaan tidur ketika sakit. Di samping itu, solat sunat duha juga menjadi amalan kebiasaan beliau pada waktu pagi.<sup>426</sup>

Daripada sudut kekeluargaan, Ismail Lutfi seorang yang mementingkan keluarga. Walaupun beliau sibuk dengan urusan pekerjaan dan berkhidmat kepada masyarakat, beliau tetap mengambil peluang untuk bersama-sama isteri dan anak-anaknya. Contohnya seperti membawa keluarga pergi melancong.<sup>427</sup>

Dari sudut penampilan, melalui pemerhatian pengkaji mendapati penampilan pakaian beliau sangat cukup sederhana dan mengikut kesesuaian masyarakat tempatan iaitu dengan berserban dan berjubah labuh putih. Walau bagaimanapun, beliau juga berpakaian seluar panjang ketika berurus di tempat lain mengikut kesesuaian dan keadaan.

Dalam pergaulan sehari-hari, Nasrullah Tayyib seorang pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UIY, menggambarkan Ismail Lutfi seperti berikut:<sup>428</sup>

---

<sup>425</sup> Fausiyah bt. Hj. Mustafa, *op.cit.* Temu bual pada 16 Ogos 2008 di rumahnya.

<sup>426</sup> Asea b. Yusuf, Kawan Ismail Lutfi dan Ketua Pegawai Keselamatan UIY. Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya. Uthman Idris, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya. Muhammad Sanman, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Ustaz Sekolah Akhrasat, daerah Yingo, wilayah Narathiwat. Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>427</sup> Anis Pattana Prichawong, *op.cit.* Temu bual pada 15 Ogos 2008 di rumahnya..

<sup>428</sup> Nasrullah Tayyib, Pensyarah UIY. Temu bual pada 15 Ogos 2008 di perpustakaan UIY.

*“...seorang yang lemah-lembut dan mudah mesra dengan setiap orang dengan tidak ego menyebabkan beliau dihormati dan disukai oleh orang. Bagi sesiapa yang hendak bertemu dengan beliau kebanyakannya boleh bertemu dan bertemu dengan mudah tidak ada peraturan. Apabila beliau pergi solat, pelajar yang hendak bertemu dengan beliau untuk mengetahui masalah atau bercakap, beliau akan memberi peluang masa dan mementingkannya walaupun ketika berada di tempat yang panas. Setiap kali saya (Nasrullah Tayyib) bercakap dengan beliau, beliau tidak akan melepaskan tangan saya melainkan saya yang melepaskan tangan saya dahulu ini seperti cara nabi dengan tetamu. Tetamu yang bertemu dengan beliau, beliau akan memberi masa sepenuhnya untuk berbincang sehingga tetamu meminta izin keluar walaupun beliau ada urusan kerja lain yang penting.”*

Buletin *San Wityalai Islam Yala* menyatakan Ismail Lutfi adalah seorang yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat dan negara dengan mendidik masyarakat supaya memahami ilmu agama dan membangun masyarakat sebagai masyarakat yang bertamadun. Melalui sifat keikhlasan, kesungguhan dan ketekunan, mempunyai visi yang jauh, budi pekerti yang baik serta ilmu dan keupayaan yang menjadi contoh kepada masyarakat. Beliau telah dianugerahkan *Prinya Seksasat Dusdi Bandhit Kittimasak (Khurusat Islam)* (Sijil Doktor Kehormat dalam Jurusan Pendidikan Islam) oleh pihak Universiti Songkla Nakharin, Pattani, Thailand pada tanggal 22 Julai 2006.<sup>429</sup>

Kesimpulannya, Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh yang mempunyai akhlak yang mulia dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Akhlak yang mulia ditonjolkannya telah diakui, dihormati dan disanjungi oleh masyarakat Islam sama ada tempatan dan antarabangsa.

---

<sup>429</sup> San Wityalai Islam Yala (2006): *op.cit.*

### **3.2.4 Aktiviti Dan Sumbangan Dakwah**

Ismail Lutfi adalah antara salah seorang tokoh dakwah yang aktif pada masa kini dan banyak memberi sumbangan dakwah kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Beliau dididik dan dibesarkan dalam suasana keluarga yang mementingkan agama, bapanya sebagai tuan guru yang telah bertanggungjawab menanamkan kecintaan Islam kepadanya dan sentiasa membawa Ismail Lutfi dalam program-program ceramah dan bertemu dengan para ulama semenjak kecil lagi.<sup>430</sup> Melalui didikan dan pengalaman tersebut, Ismail Lutfi telah terlibat dengan kegiatan dakwah Islamiah sebelum memasuki universiti lagi.

Pengkaji mendapati aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi terbahagi kepada tiga period iaitu:-

#### **1. Period Sebelum Universiti**

Pada period ini, antara aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi ialah mengajar ilmu agama di Sekolah *al-Rahmāniyyah* dan menyampaikan ceramah-ceramah agama kepada masyarakat sama ada di kampung-kampung dan sekolah-sekolah agama.<sup>431</sup>

Di samping itu juga, Ismail Lutfi telah membuka Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) sebanyak 13 buah di kampung-kampung berhampiran dengan rumahnya dan kemudiannya membentuk Persatuan Tadika. Kegiatan dakwah ini telah dilaksanakan ketika usia beliau dalam lingkungan 17 sehingga 22 tahun sebelum memasuki universiti.<sup>432</sup> Usaha tersebut digerakkan oleh beliau sendiri berdasarkan perasaan cinta kepada agama dan tidak berkait dengan mana-mana pihak sama ada kerajaan atau organisasi dakwah lain.<sup>433</sup>

---

<sup>430</sup> Maslan Mahama, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya. Ahmad Omar Chapakia, Timbalan Rektor Bahagian Akademik UIY. Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>431</sup> Noordin b. Abdullah Dagonha (1997), *op.cit.*, h. 245.

<sup>432</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>433</sup> Noordin b. Abdullah Dagonha (1997), *op.cit.*

Dalam usia 17 tahun, beliau telah mula menulis buku yang berkaitan ilmu agama dalam bentuk buku teks untuk para pelajar peringkat *ibtidā’iyah* (Kelas satu hingga tiga). Hasil penulisan buku-buku teks itu telah dijadikan kurikulum di beberapa buah tadika tempatan dan beberapa buah sekolah agama swasta di Selatan Thailand.<sup>434</sup> Sesetengah tadika atau sekolah masih menggunakan buku teks beliau sehingga kini<sup>435</sup> Antara buku-buku teks yang telah dihasilkan pada period ini ialah *Sinaran Agama* (mengandungi ilmu tauhid, fikah dan akhlak) sebagai buku sulungnya tahun 1388 H, *Ringkasan Sejarah Islam I* pada tahun 1392 H dan sebagainya.

Selain menulis buku teks sekolah, Ismail Lutfi juga aktif dalam penerbitan majalah bahasa Melayu tulisan Jawi. Beliau antara tenaga utama dalam mengumpul para penulis tempatan bagi menubuhkan majalah yang dinamakan “Majalah Azan”. Ia merupakan majalah sulung yang diterbitkan di bumi Selatan Thailand. Penulisnya terdiri daripada para ustaz di sekolah agama seperti *Ma’had al-Bi’that al-Dīniyyah*, wilayah Yala, *Ma’had al-Thaqāfah al-Islāmiyyah*, Pombeng, *Ma’had Nahd Tusubān*, Padang Ru dan lain-lain lagi.<sup>436</sup> Pihak majalah telah melantik Dean Tokmina (anak kepada Hj. Sulung b. Abdulqadir) sebagai penasihat. Isi kandungan majalah berkaitan tentang agama, bahasa, kesihatan dan lain-lain lagi.<sup>437</sup> Manakala Ismail Lutfi bertindak sebagai Timbalan Ketua Editor bagi majalah yang diterbitkan secara bulanan.<sup>438</sup> Ismail Lutfi hanya sempat menerbitkan bilangan pertama sahaja kerana pada bulan yang sama iaitu bulan November 1972, beliau diterima menyambung pengajian di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah. Oleh kerana itu, beliau telah menyerah urusan tersebut kepada Ustaz Zakaria al-Ansari, Padang Ru untuk terus menerbitkan majalah tersebut. Majalah Azan hanya sempat diterbitkan sebanyak enam

<sup>434</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya. Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>435</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>436</sup> *Ibid.*

<sup>437</sup> Surainee Sainui (2004), *op.cit.*, h. 132.

<sup>438</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

bilangan sahaja dalam tempoh masa setahun dan terpaksa dihentikan kerana beberapa faktor seperti masalah ekonomi, ketiadaan editor dan lain-lain.<sup>439</sup>

## 2. Period Universiti

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi pada period universiti, semenjak belajar di peringkat sarjana muda hingga ke peringkat PhD ialah dengan meneruskan penulisan beliau iaitu beberapa buku teks dan buku agama (ketika sedang belajar di peringkat sarjana muda dan sarjana) seperti ringkasan sejarah Islam siri yang ketiga (ketika di peringkat sarjana muda), menghasilkan sebuah buku tafsir al-Quran yang dinamakan *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm Sūrah al-Fātiḥah* (buku tafsir sulungnya pada tahun 1980 ketika di peringkat sarjana) dan beberapa buku lagi.<sup>440</sup>

Selain daripada penulisan, Ismail Lutfi dan rakan-rakannya yang terdiri daripada Ismail Ali, Abdulhalim Saising, Jihad Muhammad, Nik Hassan Ni'matullah dan lain-lain telah membentuk halakah pelajar untuk membincangkan ilmu agama dan bersama-sama dalam kegiatan dakwah semasa belajar di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah.<sup>441</sup> Antara aktiviti-aktiviti dakwah beliau semasa bersama rakan-rakannya ialah ceramah kepada peserta kem al-tarbawi, peserta program *al-rihlah* dan orang Melayu Selatan Thailand di Mekah.

Di samping itu juga, Ismail Lutfi berkhidmat sebagai pembimbing kepada para jemaah haji dari Asia Tenggara di Mekah dan Madinah yang bermula daripada majlis halakah pelajar yang membincangkan masalah agama sehingga ramai orang menyertainya. Mereka yang turut menyertai majlis itu kebanyakannya datang dari Thailand, Indonesia, Malaysia dan Singapura.<sup>442</sup>

<sup>439</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 245-246. Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>440</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>441</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 226.

<sup>442</sup> Surainee Sainui (2004), *op.cit.*, h. 128-129.

Selain ceramah dan penerangan kepada para jemaah haji, Ismail Lutfi juga aktif bersama rakan-rakannya dalam menerbitkan “Majalah Huan Lamlek”, “Majalah al-Hidayah”, “Majalah Kenangan Sepuluh Tahun Bagi Pelajar-Pelajar Islam Thailand di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah”,<sup>443</sup> “Majalah al-Nur” dan sebagainya. Di samping itu, beliau dan rakan-rakannya juga menerbitkan buku teks khutbah iaitu “Khutbah al-Nur”.<sup>444</sup>

Pada tahun 1979, Ismail Lutfi bersama rakan-rakannya telah menubuhkan satu gerakan dakwah secara tidak rasmi yang terhasil daripada perbincangan dalam halakah pelajar di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah yang dinamakan Jemaah Pelajar Islam Patani (JPIT) atau terkenal Persatuan Pelajar Islam.<sup>445</sup> Ismail Lutfi telah diamanahkan oleh rakan-rakannya sebagai ketua gerakan sehingga beliau tamat pengajian di peringkat PhD.<sup>446</sup>

Pada musim cuti panjang universiti, beliau bersama rakan-rakannya dari Persatuan Pelajar Islam berusaha menyebarkan dakwah Islamiah di tanah air yang ditanggung oleh pihak Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud.<sup>447</sup> Dasar dakwah beliau dan rakan-rakan ialah membina kefahaman yang sebenar dan berpegang teguh dengan ajaran Islam secara syumul.<sup>448</sup> Antara aktiviti-aktiviti Persatuan Pelajar Islam yang dijalankan ialah

---

<sup>443</sup> Ismail Lutfi sebagai penggerak utama dalam menubuhkan Majalah Kenangan Sepuluh Tahun Bagi Pelajar-Pelajar Islam Thailand di Universiti Islam Madinah al-Munawwarah. Majalah ini dianggapkan sebagai majalah yang bermutu yang mengandungi karya-karya yang menarik dengan merangkumi bidang-bidang penting dalam masyarakat. Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>444</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya. Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>445</sup> Persatuan Pelajar Islam ditubuhkan oleh para mahasiswa dari Selatan Thailand yang sedang menuntut ilmu di luar negara terutamanya dari Universiti Islam Madinah al-Munawwarah dan Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud. Dakwah Islamiah yang dilakukan oleh para mahasiswa yang bergabung dalam Persatuan tersebut menitikberatkan kepada seruan untuk kembali kepada al-Quran dan sunah. Mereka juga menyeru masyarakat Islam agar menjadikan Islam sebagai landasan hidup dengan berpandukan pemikiran Islam dan akidah yang murni di samping mencegah kemungkaran. Para mahasiswa yang bergabung dalam Persatuan tersebut telah menggunakan masa cuti panjang tahunan mereka untuk bergiat menyebarkan dakwah Islamiah di Selatan Thailand. Ismail Lutfi ketika ini sedang belajar di peringkat sarjana di Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud. Lihat, Noordin b. Abdullah Daghora (1997), *op.cit.*, h. 181. Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.*, Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>446</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.*, Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>447</sup> Abdulrahman Wodir, Bekas Pelajar di Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud dan Ketua Hal Ehwal Pelajar, UIY. Temu bual pada 24 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>448</sup> Noordin b. Abdullah Daghora (1997), *op.cit.* h. 247.

mengadakan *Ma ‘had I‘dād al-Du‘āt*, kursus al-tarbawi , seminar-seminar, perkhemahan al-tarbawi, penulisan buku, terjemahan buku dan lain-lain.<sup>449</sup>

Aktiviti yang penting yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi bersama rakan-rakannya dalam Persatuan Pelajar Islam ialah berusaha mendapatkan biasiswa supaya pelajar-pelajar dapat meneruskan pengajian di peringkat universiti di universiti-universiti dalam Arab Saudi. Contohnya Universiti Petroleum, Universiti Malik Saud dan lain-lain. Hasil usaha tersebut membolehkan ramai pelajar memperolehi biasiswa sehingga kini.<sup>450</sup> Selain itu juga, Persatuan merancang dan berusaha untuk menubuhkan sebuah universiti Islam di Selatan Thailand.<sup>451</sup>

Ismail Lutfi bukan hanya aktif dengan Persatuan Pelajar Islam sahaja bahkan beliau juga terlibat aktif di Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebagai *mumathhil li tullāb Sharq Āsia* (wakil bagi para pelajar Asia Tenggara) di Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud bermula tahun 1398 H sehingga beliau tamat pengajian di peringkat PhD pada tahun 1406 H bersamaan 1986.<sup>452</sup> Beliau telah dianugerahkan sijil “Taqdīr” oleh pihak Universiti atas kegiatan beliau yang telah memberi khidmat kepada para pelajar pada tahun 1402 H. Pada tahun 1404 H pula, beliau telah dipilih oleh Universiti untuk menerima sijil “Al-Ṭālib al-Amthāl” (pelajar contoh).<sup>453</sup>

### **3. Period Selepas Universiti (Tanah Air)**

Melalui pengalaman dan ilmu yang dipelajari semasa universiti, setelah Ismail Lutfi tamat pengajian dan menetap di tanah air beliau tidak meninggalkan usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan sebelum ini. Beliau terus berusaha memberi khidmat kepada agama dan tanah air dengan memberi tumpuan yang serius dalam menyampaikan risalah Allah SWT kepada masyarakat Islam supaya mereka kembali kepada ajaran Islam yang syumul

<sup>449</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya. Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 183.

<sup>450</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>451</sup> Universiti Islam Yala (2008), *op.cit.*, h. 1.

<sup>452</sup> Mawqi‘ al-Rawdah al-Islamiyyah, *op.cit.*

<sup>453</sup> *Ibid.*

bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup sehari-hari. Perkara inilah yang menjadi dasar dakwah bagi beliau dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Ketika pulang ke tanah air inilah beliau telah dilabelkan sebagai Wahabi.<sup>454</sup>

Dakwah Ismail Lutfi di tanah air selepas tamat pengajian PhD bermula sebagai pendidik di sekolah bapanya iaitu Sekolah *al-Rahmāniyyah*. Di samping itu, beliau telah diamanahkan sebagai pengarah sekolah tersebut. Pada pagi hari Sabtu 7 Rabiulawal 1407 H bersamaan 12 November 1986, beliau telah menubuhkan kuliah pengajian mingguan yang dinamakan *Majlis al-'Ilm Faṭānī* di Musala *al-Rahmāniyyah* dalam kawasan sekolah bapanya untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat umum pada setiap hari Sabtu.<sup>455</sup>

Selain itu, beliau bertugas sebagai pengajar di *Majlis al-Tafakkur*<sup>456</sup> pada hari Jumaat secara bergilir-gilir. Di samping itu, beliau juga kerap menerima jemputan ceramah oleh pengajur di merata tempat di Selatan Thailand khususnya dan seluruh Thailand dan luar negara umumnya. Di samping mengajar dan berceramah, beliau sentiasa menghasilkan penulisan berbentuk buku dan majalah yang dinamakan “Mingguan Tazkirah”<sup>457</sup> untuk peserta yang belajar di *Majlis al-'Im Faṭānī*.

Salah satu kegiatan Ismail Lutfi yang penting dilakukan bersama rakan-rakannya ialah berusaha memenuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan Thailand bagi menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi swasta bertaraf universiti di Thailand seperti yang dibincangkan oleh beliau dan rakan-rakannya semasa belajar di Arab Saudi dahulu.

<sup>454</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>455</sup> Majlis al-'Ilm Fatānī (1996), *op.cit.*, h. 3. Lihat secara lanjut sejarah penubuhan *Majlis al-'Ilm Faṭānī* pada 3.3.5 Dakwah Melalui Pendidikan.

<sup>456</sup> *Majlis al-Tafakkur* ini terletak di kampung Tok Kha, daerah Jeringa, wilayah Narathiwat. Ia diasaskan oleh *Tok Kamnan* (ketua kampung) Haji Abdullatif Tok Kha dengan beberapa orang penggerak dakwah di sekitarnya pada tahun 1990 M.. Pada masa kini, *Majlis* tersebut sudah henti tidak mengajar lagi. Lihat, Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 209.

<sup>457</sup> Mingguan Tazkirah merupakan majalah kecil dengan belasan halaman yang dikeluarkan untuk peserta *Majlis al-'Ilm Faṭānī* sebagai panduan pengajian mingguan. Ismail Lutfi sebagai penasihat dan penulis majalah ini. Bilangan yang sudah diterbitkan ketika pengkaji menemui pekerjaannya ialah bilangan 288. Mingguan Tazkirah sudah diterbitkan bermula pada hari Sabtu 10/02/1413 H bersamaan 08/08/1992 M sehingga sekarang. Lihat Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 162. Uthman b. Hasan, Pekerja *Majlis al-'Ilm Faṭānī*. Temu bual 26 Disember 2009 di pejabatnya.

Dengan kesungguhan dan keikhlasan, beliau dan rakan-rakan seperjuangannya dapat menubuhkan institusi pengajian tinggi. Peringkat pertamanya ditubuhkan atas nama Kolej Islam Yala (KIY) dan telah dinaikkan taraf kepada universiti iaitu UIY pada masa kini.<sup>458</sup>

Setelah KIY ditubuhkan, Bahagian Perkhidmatan Masyarakat KIY telah menubuhkan satu *Majlis ‘Ilm* KIY yang terletak di kampung Paramitea, mukim Muang, daerah Muang, wilayah Yala pada hari Ahad 9 Jamadilakhir 1420 H bersamaan 19 September 1999, untuk memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand pada setiap hari Ahad.<sup>459</sup> Ismail Lutfi juga turut serta mengajar sebagai tenaga pengajar tetap. Subjek yang diajarkan oleh beliau ialah subjek tafsir al-Quran.

Di samping menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat awam, beliau juga membentangkan kertas kerja di muktamar-muktamar dan seminar-seminar sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Lihat Senarai Muktamar dan Seminar Pada Lampiran D).

Manakala sumbangan dakwah beliau secara pula boleh dilihat dari kedudukan dan peranan yang dimainkan ketika menyandang beberapa jawatan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jawatan-jawatan yang telah diamanahkan ialah Pengarah Sekolah *al-Rahmāniyyah* dan guru di sekolahnya (1986-1997), Ketua *Majlis al-‘Ilm Faṭāñī*, (1986-sekarang), Ketua Anggota Pengasas Kolej Islam Yala (1996), Rektor UIY (1998-sekarang), Anggota Yayasan Pengajian Tinggi Islam Selatan Thailand, Ketua Anggota Yayasan Pengajian Tinggi Islam Selatan Thailand (2003), Anggota Tertinggi bagi Masjid Sedunia (1989-2000), Anggota Lembaga Pengasas *Rābiṭah al-Ālam al-Islāmi* (1999-sekarang), Utusan Kementerian Waqaf dan Hal-Ehwal Islam Negara Kuwait, Maktab Thailand (1989-sekarang), Pengajar tetap di *Majlis al-‘Ilm* UIY (1998-sekarang), Penasihat Pegawai Tertinggi Tentera Bahagian 4 (1999-2002), Penyelesai kepada Masalah dan Pembangunan Selatan Thailand , Penasihat Pusat Pentadbiran Wilayah Selatan Thailand

<sup>458</sup> Lihat secara lanjut sejarah penubuhan UIY pada 3.3.5 Dakwah Melalui Pendidikan

<sup>459</sup> Ismail lutfi (1999), *Marhaban bi Tālib al-‘Ilm*. Yala: Penerbit KIY. h. 3.

(1998-2001), Penasihat *Po.To.Tho* 43 (2000), Penasihat Pusat Pendidikan Agama dan Kebudayaan Bahagian 2 (2000), Penasihat Yayasan Islah Pattani, Penasihat Timbalan Perdana Menteri Chawalit Yungchaiyut, Penasihat Ko, So So So, Cho Sho To (2005), Timbalan Pengerusi Majlis Kehormat Maktab Syeikh Islam Negara Thailand (2001-sekarang), Penasihat Majlis Kehormat Maktab Syeikh Islam Negara Thailand (1998-sekarang), Anggota Penasihat Pentadbiran Wilayah di Wilayah Yala dan Pattani , *Kana Kamkan Isra Lea Samanachan Heangchat* (2005), Anggota Dewan Perundangan Negara Thailand (2006) dan Ketua Rombongan Haji di Negara Thailand (2007 dan 2009).<sup>460</sup>

Berdasarkan fakta-fakta di atas, adalah jelas Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh dakwah yang sangat aktif dan berperanan semenjak kecil lagi sehingga kini. Beliau telah memberi sumbangan yang sangat besar kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya sama ada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Melalui kegiatan dan sumbangan dakwah yang telah disumbangkan oleh beliau tersebut menyebabkan beliau dikenali oleh masyarakat Islam umum sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

---

<sup>460</sup> Wikipedia, <http://th.wikipedia.org/wiki>, 15 Ogos 2009. San Wityalai Islam Yala (2006): *op.cit.*

### **3.3 PENDEKATAN DAKWAH ISMAIL LUTFI JAPAKIYA**

Seperti yang telah dijelaskan bahawa pendekatan bererti kaedah dan metode atau dalam bahasa Arab disebut *uslūb* dan *minhaj*. Maka pendekatan dakwah itu bererti metode yang terdekat atau terhampir yang digunakan dalam dakwah untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran. Pendekatan dakwah merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana tanpa pendekatan dakwah yang baik dan menarik serta bersesuaian dengan keadaan sasaran akan menyebabkan dakwah yang disampaikan tidak akan dapat mempengaruhi sasaran, tidak berkesan dan akan menimbulkan kesan-kesan negatif atau sasaran lari dari seruan.

Dengan itu, pendekatan dakwah yang dimaksudkan ialah pendekatan secara umum sama ada pemilihan isi dakwah, pemilihan bentuk gaya persembahan, pemilihan strategi, pemilihan bentuk tarikan dan pemilihan saluran mengikut kesesuaian dengan keadaan sasaran.

Dakwah Ismail Lutfi yang mengajak masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan Thailand umumnya yang mempunyai latar belakang pendidikan, pemikiran dan kedudukan masyarakat yang berlainan supaya kembali kepada ajaran Islam yang syumul bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup seharian. Dengan dasar dan matlamat tersebut, beliau dilabelkan sebagai “Kaum Muda” atau “Golongan Wahabi” yang mana mempunyai sedikit perbezaan sudut pemikiran dengan golongan tuan guru dahulu yang terkenal dengan “Kaum Tua” atau “Golongan Tradisional” sehingga menimbulkan konflik pemikiran di kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, dakwah yang dilaksanakan oleh beliau disambut baik oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Persoalannya, apakah pendekatan dakwah yang telah digunakan oleh Ismail Lutfi terhadap masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam menyampaikan dakwah sehingga pelbagai lapisan masyarakat terpengaruh dengan beliau? Melalui metode temu bual,

pemerhatian dan dokumentasi, pengkaji dapat merumuskan beberapa pendekatan dakwah yang telah digunakan oleh beliau seperti berikut:-

### **3.3.1 Dakwah Mendekati Pemimpin Masyarakat**

Dakwah kepada golongan pemimpin merupakan golongan penting yang perlu diutamakan kerana mereka adalah golongan yang paling berpengaruh dan sebaik-baik model yang menjadi ikutan masyarakat. Penerimaan pemimpin masyarakat dalam satu-satu isu akan memudahkan juga penerimaan daripada golongan bawahan, kerana pemimpin masyarakat pada kebiasaannya mampu mempengaruhi dan menguasai situasi pada satu-satu masa yang tertentu.<sup>461</sup>

Di Selatan Thailand, golongan tuan guru dan pemimpin agama merupakan golongan yang mempunyai kewibawaan yang tinggi serta dihormati dan disanjung oleh masyarakat Islam. Sesetengah masyarakat Islam menganggapkan golongan tuan guru sebagai penyuluhan bagi mereka dalam hal yang berkaitan dengan keagamaan serta beranggapan semua perbuatan dan amalan golongan ini adalah betul dengan kehendak Islam.<sup>462</sup> Di samping itu, golongan ahli politik dan pemimpin kampung juga dihormati dan disanjung oleh masyarakat Islam tempatan.<sup>463</sup> Oleh yang demikian, golongan tuan guru, pemimpin agama, ahli politik dan pemimpin kampung merupakan pemimpin yang dapat menguasai pemikiran masyarakat.

Dalam rangka menyebarluaskan dakwah, Ismail Lutfi telah mengambil langkah yang bijak dalam menyebarluaskan dakwah kepada masyarakat dengan menggunakan cara mendekati para pemimpin masyarakat sebagai langkah awal, terutamanya golongan tuan guru supaya dakwah yang akan dilaksanakan tidak ada ketegangan atau sekurang-kurangnya dapat

---

<sup>461</sup> Roslan Mohamed (2003), “Pendekatan Dakwah Nabi Musa Berdasarkan Surah *al-Qasas*”, *Jurnal YADIM*, Bil. 4 , April 2003, h. 108.

<sup>462</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 257-258.

<sup>463</sup> *Ibid.*, h. 261-266.

mengurangkan ketegangan dan lebih mudah dalam mempengaruhi masyarakat awam apabila golongan tuan guru menerima seruannya atau memberi peluang kepadanya.

Ismail Lutfi menerangkan:

*“...apabila kita nak (hendak) menghadapi satu orang dia tidak cukup dengan menghadapi seorang tu (itu) kena menghadapi dua tiga orang. Kita nak (hendak) satu orang ni (ini) kita kena jumpa serupa kita nak (hendak) kepada isteri mana-mana kita kena jumpa ayah dia. Sebab kita kena beri kefahaman kepada ayah dia, kepada ibu dia dan kepada keluarga dia kita dapat isteri kita. Seperti itu juga kita nak (hendak) kepada seseorang mad'u kita kena mendekati orang-orang yang memberi kesan kepada kehidupan dia seperti tempat kita mendekati dengan tok-tok guru kalau tok guru ni (ini) dia duk (duduk) payah tak beri peluang orang-orang yang sedikit sebanyak yang simpati kepada dia, dia tak mari dengan kita. Mendekati kepada orang-orang yang berkenamaan jangan kita musuhkan mereka, jangan musuhkan tok guru-tok guru walaupun kadang-kadang dia tak faham kita. Kita jangan musuh bahkan kita selalu manfaatkan dia di segi kita jadikan sebagai orang tua kita sokma (selamanya). Sebab dia memang dianggapkan maha guru kita walaupun kita tak pernah belajar dengan dia. Orang yang bertaraf guru kita sama ada kita belajar atau pun tidak belajar kita anggapkan sebagai guru kita. Apabila kita anggap guru kita, kita kena hormat sebagai guru tawaduk kepada dia sebagai seorang guru selalu musyawarah dengan dia, kira dengan dia, berunding dengan dia itu menyebabkan kalau dia tak setuju dengan manhaj kita pun dia tidaklah meradangkan dengan kita. Bahkan dia tenang-tenang sahaja sebab dia tidak ada sebab untuk marah kepada kita. Selain daripada barang kali dia tidak setuju dengan manhaj kita maka itu tidak banyak. Orang-orang kita ni (ini) nak (hendak) marah kepada seorang-orang bukan sebab dengan tak setuju sahaja dia sebab lain. Tapi kadang-kadang sebab-sebab tadi berhimpun menyebabkan dia timbul kemarahan dan ada reaction yang tidak baik terhadap kita, yang menimbulkan kegagalan kita untuk nak (hendak) mendekati orang-orang yang sedikit sebanyak ada pengaruh dia terhadap orang tu.”<sup>464</sup>*

Dakwah mendekati para pemimpin terutamanya golongan tuan guru telah ditumpukan atau dijalankan oleh Ismail Lutfi semasa beliau masih belajar di Arab Saudi lagi. Pada musim cuti panjang universiti, beliau bersama rakan-rakannya yang bergiat dalam Persatuan Pelajar Islam telah pulang ke tanah air untuk berdakwah kepada masyarakat Islam tempatan dengan pelbagai program, di antaranya ialah program ziarah

---

<sup>464</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di Pejabatnya.

golongan tuan guru untuk menghormati orang tua yang telah berjasa kepada agama dan masyarakat dengan membawa cendera hati dari Arab Saudi sebagai hadiah kenangan. Program ini dapat menambah kemesraan di antara Persatuan dengan golongan tuan guru.<sup>465</sup>

Antara bukti lain yang menunjukkan bahawa Ismail Lutfi telah menggunakan pendekatan ini semasa menjadi seorang pelajar lagi adalah seperti yang telah terbukti di dalam karya tafsir sulung Ismail Lutfi yang bernama *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm Sūrah al-Fātiḥah* yang telah diterbitkan semasa Ismail Lutfi belajar di Arab Saudi. Dalam tafsir tersebut, Ismail Lutfi meminta golongan tuan guru yang terkenal menyemak, mengesah dan memberi kata-kata aluan seramai 13 orang.<sup>466</sup> Ismail Lutfi menggunakan cara tersebut kerana beliau telah melihat bahawa golongan tuan guru mempunyai pengaruh yang kuat dan berharap supaya tidak ada penentangan serta tidak timbul ketegangan daripada golongan tuan guru, di samping beliau memberi penghormatan dan memberi keutamaan kepada mereka.<sup>467</sup>

Selepas Ismail Lutfi pulang ke tanah air, perkara utama yang dilaksanakan sebelum menyampaikan dakwah kepada masyarakat sepenuhnya adalah menziarahi golongan tuan guru khususnya dan beberapa para pemimpin masyarakat kenamaan untuk mendapat nasihat, dorongan dan teguran. Pendekatan dakwah ini sentiasa diguna pakai sehingga kini.

---

<sup>465</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 229.

<sup>466</sup> Senarai nama tuan guru yang memberi kata-kata aluan dan mengesahkan buku *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm Sūrah al-Fātiḥah* yang telah dicatatkan dalam bukunya ialah seperti berikut:-

- i. Hj. Abdulrahman Abdullatif
- ii. Muhammad b. Abdulqadir al-Mandili
- iii. Saad Muhammad Sa‘id Taufiq
- iv. Hj. Ahmad b. Hussin al-Azhari
- v. Hj. Abdulkadir Wahbah
- vi. Haji Abdulqadir Wamuk
- vii. Hj. Abdulrahman Ahmad
- viii. Hj. Yusuf Wan Musa
- ix. Hj. Ibrahim b. Haji Wan Din
- x. Hj. Nawawi b. Yasin
- xi. Abdul Aziz Ishak
- xii. Hj. Yunus Cik Mat
- xiii. Hj. Abdul Wahab Ali Yakan

Lihat, Ismail Lutfi (1998), *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm Sūrah al-Fātiḥah*, c. 4. T.T.P. :T.P., h. 124-125.

<sup>467</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

Ismail Lutfi menceritakan:

*“...ini saya ingat waktu saya dulu sebelum saya nak (hendak) turun ngarjar (mengajar) balik dari luar negeri. Saya gi (pergi) lapor diri saya kepada orang-orang yang penting-penting, orang-orang yang kenamaan terutama tok guru-tok guru, gi (pergi) cerita kepada dia, minta izin kepada dia, kata saya nak (hendak) cuba sambunglah risalah baba-baba hak duduk buat mari dah. Saya minta izin untuk sambunglah, sambung gi (pergi) pula tidak kata nak (hendak) buat suku (asingan) dak (tidak) nak (hendak) hubung daripada dia dalam bentuk bahasa yang cukup tawaduk. Minta dia izin kepada kita untuk jalan, dia suka dia kata dia tua dah dia gapa (sebagainya), orang baru pulalah itu jadi erti merupakan keizinan dan memang tidak ada jalan lain dia tidak tak kata saya tidak izin tak mungkin. Jadi cumanya apabila dia kata balahtu(seperti itu) sebagai kata-kata yang menjadi diri dia tu tidak boleh nak buat apa dengan kita, kecuali sikit-sikit sangat. Sebab itu, walaupun ramai pihak-pihak tok guru yang tua-tua yang kadang-kadang tidak peaham (faham) tapi sebenarnya ustaz duk perati (buat pemerhatian) bukan daripada hati dia benar-benar tak peaham (tidak faham) dengan ustaz tetapi dia hasil daripada buah (unsur) luar-luar yang daripada unsur-unsur politik. Unsur politik ni (ini) kadang-kadang yang tidak berpuas hati dengan cara kita dari segi mendekati pelaksanaan kerja kita dalam tanah air adanya dia suka nak keras ini suka nak lembut, kita suka nak lembut dia suka kita keras, itu tahu nak buat macam mana, dah unsur politik tadi dia ada buwi (beri) efek kepada tok -tok guru. Sebab itulah, setakat mana tok guru pun dia tak jadi zatiah tok guru tu (itu) memusuhi ustaz tak, ada sekadar ‘aridi jarang-jarang sekali sahaja kebetulannya apabila dia ada beberapa canggahan-canggahan dalam kata-kata ke, dalam perbuatan ke maka ustaz biasanya apabila dapat tahu ustaz cepat-cepat gi (pergi) jumpa dengan dia dan menyerah diri kepada dia dalam erti kata menerima sanggahan dia kalau ada sanggahan yang benar ataupun minta dia tu maknanya berpelan-pelan dengan kita dari segi sanggahan gapa-gapa (apa-apa) kita. Kerana kita agak tak sabar tak gapa (apa) nak minta dia tu maknanya pimpin kita lebih baik daripada sanggah kita minta dia tukar cara. Banyak tok guru-tok guru akhirnya kata takpa (tidak mengapa) baba takpa (tidak mengapa) insyaallah jalanlah takpa (tidak mengapa). Saya kata kalau ada sedikit sebanyak tak supa (tidak serupa) gapa-gapa (apa-apa) minta baba sabar dulu sebab kadang-kadang tak supa(erupa) tu dia kat (di) tengah-tengah baru supa (serupa) juga tunggu tingat (lihat) sikit wijadi lanjut-lanjut sikit. Jadi, akhir dia apabila kita boleh buat sikit-sikit takpa dah (tidak mengapa) orang kita, akhir-akhir dia kha nampak-kha nampak (nampak kenyataan).”<sup>468</sup>*

Menurut Ahmad Omar Chapikia, ketika Ismail Lutfi pulang ke tanah air selepas tamat pengajian di peringkat PhD, Ismail Lutfi pergi menziarahi golongan tuan guru yang terkemuka untuk mendapat nasihat, dorongan dan teguran. Contohnya Ismail Lutfi bersama

---

<sup>468</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.* Temu bual pada 4 Februari 2008 di Pejabatnya.

beliau sempat pergi menziarahi Tuan guru Hj. Abdulqadir Wamuk (Tok Dir Bandar), seorang tuan guru yang terkenal dan Hakim Syarii Majlis Agama Islam Wilayah Pattani dan Tuan guru Hj. Abdulqadir Selabudi Sekam seorang tuan guru yang sangat masyhur pada ketika itu. Dengan pendekatan ziarah tersebut membuatkan tuan guru sangat merasa gembira dan mesra dengan orang muda yang datang menziarahinya. Selain itu, Ismail Lutfi sentiasa berhubung dengan golongan tuan guru tempatan dengan menziarahi mereka, bertukar-tukar fikiran, memberi hadiah dan sebagainya supaya terbentuk rasa kemesraan di antara tuan guru generasi muda dan generasi tua.<sup>469</sup>

Uthman Idris, bekas murid Ismail Lutfi menerangkan gurunya suka mendekati golongan tuan guru dan berusaha mencari peluang untuk bekerjasama pada perkara yang disepakati mereka bersama. Contohnya apabila Ismail Lutfi mendapat khabar negatif mengenai beliau daripada kalangan tuan guru, beliau akan terus menemui tuan guru itu untuk berdiskusi bagi mengetahui kesalahan yang telah dilakukan supaya beliau dapat memperbetulkannya kembali serta bekerjasama seperti yang berlaku di antara Ismail Lutfi dan Tuan guru Bendang Kebung dan lain-lain.<sup>470</sup> Manakala Muhammad Sanman yang merupakan bekas murid Ismail Lutfi juga menyatakan perkara yang sama mengenai gurunya. Menurut beliau, Ismail Lutfi sentiasa menziarahi golongan tuan guru dan sekolah agama yang lain dengan membawa pelajar dan ustaz pergi bersama.<sup>471</sup>

Dakwah mendekati golongan tuan guru masih digunakan oleh Ismail Lutfi sehingga kini seperti mana yang telah diakui oleh Tuan guru Ismail Daalaj Sepanjang, seorang tuan guru yang tersohor di Selatan Thailand pada masa kini yang menyatakan Ismail Lutfi sentiasa menelefon dan bertanya khabar serta datang menziarahinya di rumah. Kadang-kadang, Ismail Lutfi datang berbincang, memintanya untuk menyemak buku dan menziarahinya ketika uzur. Di samping itu juga, Ismail Lutfi memberi hadiah kepadanya.<sup>472</sup>

<sup>469</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>470</sup> Uthman Idris, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>471</sup> Muhammad Sanman, *op.cit.* Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>472</sup> Ismail Daalaj Sepanjang, Tuan Guru Pondok Darul Muhajirin, kampung Sepanjang, wilayah Pattani. Temu bual pada 22 April 2009 di rumahnya.

Selain daripada menziarahi tuan guru, Ismail Lutfi yang merupakan Rektor UIY yang telah memberi penghargaan kepada golongan tuan guru dengan menganugerahkan Sijil Tokoh Ulama kepada mereka yang banyak berjasa kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand pada Konvensyen yang Ke-6 di UIY pada tanggal 31 Disember 2008. Tuan guru-tuan guru yang menerima Sijil Tokoh Ulama pada hari tersebut ialah Tuan guru Hj. Abdulrahman b. Abdullatif, Tuan guru Hj. Ismail Hari, Tuan guru Hj. Daud Boto, Tuan guru Hj. Nikmat Waba dan Tuan guru Hj. Samaea Abubakar.<sup>473</sup>

Di samping itu juga, Ismail Lutfi mengambil golongan tuan guru, golongan ahli politik dan golongan pemimpin agama untuk bekerjasama dengan beliau dalam membangunkan masyarakat Islam. Sebagai bukti yang jelas ialah apabila Ismail Lutfi dilantik sebagai *Amīr al-Haj* (Ketua Rombongan Haji negara Thailand) pada tahun 2007 dan pada tahun 2009. Walaupun dilantik menjadi ketua rombongan haji, beliau tidak mengambil kesempatan untuk melantik kakitangan dan ahli jawatankuasa lembaga haji daripada kumpulan beliau sahaja bahkan sebaliknya menggunakan peluang tersebut melantik kakitangan dan penasihat daripada pelbagai kumpulan untuk menyatukan barisan-barisan pemimpin masyarakat bekerjasama dalam mengurus kegiatan haji di Thailand.<sup>474</sup>

Ahmad Omar Chapakia menerangkan kabinet kerajaan Thailand telah melantik Ismail Lutfi sebagai *Amīr al-Haj* pada tahun 2007. Ismail Lutfi mengambil penasihat, pekerja dan kakitangannya daripada semua pihak dan menyebabkan beliau disenangi oleh masyarakat. Lantaran itu, beliau diterima oleh masyarakat umum tanpa timbul isu golongan tua atau golongan muda. Golongan ulama di Bangkok, Thailand khususnya yang terdiri daripada golongan muda atau golongan tua boleh dikatakan bersepakat atas kepimpinannya. Perkara tersebut merupakan antara salah satu faktor beliau dilantik semula menjadi *Amīr al-Haj* Thailand pada tahun 2009. Sedangkan pelantikan *Amīr al-Haj* daripada Selatan Thailand adalah suatu perkara yang bukan mudah diterima oleh orang Bangkok sama ada

---

<sup>473</sup> Gotoknow, <http://gotoknow.org/blog/writing/5/232805>, 14 Februari 2009.

<sup>474</sup> Sofian Sapeaing, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Pekerja Syarikat Haji. Temu bual pada 11 Ogos 2009 di masjid kampungnya.

daripada pihak kerajaan atau pemimpin agamanya. Ini kerana mereka melihat Ismail Lutfi adalah seorang calon yang paling sesuai untuk jawatan tersebut.<sup>475</sup>

Melalui pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati Ismail Lutfi bukan sahaja mendekati golongan tuan guru bahkan beliau juga mendekati ahli politik. Contohnya yang jelas ialah Ismail Lutfi memanfaatkan ahli politik Muslim tempatan yang tersohor di Thailand untuk bekerjasama dalam membangunkan pendidikan masyarakat Islam di Selatan Thailand iaitu mengambilkan Mantan Speaker Parlimen Negara Thailand Wan Muhammad Nur Matha sebagai Pengurus UIY.

Kesan daripada pendekatan dakwah yang dijalankan selama berpuluhan-puluhan tahun didapati ramai golongan tuan guru dan pemimpin masyarakat bekerjasama dalam membangun masyarakat bersama Ismail Lutfi. Hj. Hussein b. Abdul Mutalib menyatakan ramai tuan guru dan pemimpin agama yang mengikuti pengajian kuliah mingguan Ismail Lutfi di *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* seperti Tuan guru Hj. Ishak Ibrahim Carak Kerian, Tuan guru Hj. Ahmad Pakcik Bendang Bujur dan lain-lain<sup>476</sup>

Berdasarkan fakta-fakta di atas menunjukkan Ismail Lutfi telah menggunakan pendekatan dakwah dengan mendekati pemimpin masyarakat sebagai langkah awal dalam menyebarkan dakwahnya kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand. Ini kerana dakwah mendekati para pemimpin masyarakat merupakan salah satu pendekatan yang bijak, berhikmah dan bersesuaian dengan keadaan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berbeza pandangan serta lebih mudah untuk mempengaruhi khalayak ramai. Pendekatan sebegini juga dapat merapatkan persahabatan dan bekerjasama di antara para tuan guru walaupun pemikiran yang berbeza. Apabila para tuan guru boleh bersemuka dan bekerjasama, maka akan mengurangkan ketegangan atau meredakan perpecahan di antara sama lain dalam masyarakat semasa menjalankan dakwah.

---

<sup>475</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>476</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 259-260.

Cara pelaksanaan yang khusus yang telah dilakukan oleh Ismail Lutfi dalam pendekatan ini ialah melalui ziarah hormat, memberi hadiah, toleransi, musyawarah, diskusi, menghargai dan memanfaatkan mereka untuk bekerjasama. Walaupun bukan semua golongan tuan guru atau pemimpin boleh menerima cara pelaksanaan tersebut namun boleh dikatakan hampir semuanya menerima dan bekerjasama dengan beliau.

### 3.3.2 Dakwah *bi al-Hal*

Dakwah *bi al-hal* atau penonjolan keperibadian yang baik dan sesuai yang memberi erti usaha mengajak orang lain dengan menggunakan contoh amalan yang baik tanpa melibatkan lisan atau perkataan.<sup>477</sup> Dakwah *bi al-hal* pada hakikatnya sangat fleksibel dan mampu menyesuaikan keadaan dan cara hidup bermasyarakat. Dakwah *bi al-hal* mempunyai ciri-ciri tarikan dan pembujukan yang tinggi sehingga mudah menarik perhatian sasarannya.<sup>478</sup> Di samping itu juga, ia lebih terbuka dan dapat diterima ramai tanpa menimbulkan banyak ketegangan dan kerumitan.<sup>479</sup> Melalui pendekatan ini, secara tidak langsung menggambarkan kemuliaan dan kecantikan Islam sebagai *al-dīn*.<sup>480</sup> Para nabi dan rasul menggunakan pendekatan ini dalam pelaksanaan dakwah mereka bermula sejak zaman Nabi Nuh a.s. sehingga ke zaman Nabi Muhammad SAW. Ia juga merupakan sebahagian daripada pendekatan utama dalam berdakwah di sepanjang zaman.<sup>481</sup>

Penjelasan di atas menunjukkan dakwah *bi al-hal* yang dimaksudkan ialah akhlak mulia yang ditonjolkan oleh pendakwah dalam menjalankan dakwah kepada sasaran. Dakwah Ismail Lutfi juga telah menggunakan dakwah *bi al-hal* dalam usaha menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat. Seperti yang telah dijelaskan dalam topik keperibadian Ismail Lutfi, terdapat banyak sifat terpuji yang terkumpul pada diri beliau seperti keikhlasan, kesungguhan, lemah lembut, senyuman manis, tawakal yang tinggi, amal ibadat

<sup>477</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2004), *op.cit.*, h. 166.

<sup>478</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin *et al.* (2006), *op.cit.*, h. 107.

<sup>479</sup> Roslan Mohamed (2003), *op.cit.*, h. 109.

<sup>480</sup> *Ibid.*

<sup>481</sup> *Ibid.*, h. 108-109.

yang kuat, berlapang dada, menghormati orang tua dan lain-lain. Lantaran itu, beliau dihormati dan disanjungi oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa kerana mengamalkan sifat-sifat tersebut.

Antara contoh-contoh dakwah *bi al-hal* yang diaplikasikan oleh Ismail Lutfi sehingga beliau disegani, disanjungi dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat seperti berikut:-

### 1. Sentiasa Senyum dan Mendahului Salam

Pengkaji telah bercakap dengan beberapa orang bekas pelajar dan para pelajar di UIY, hampir semua mereka menyatakan bahawa Ismail Lutfi seorang yang tidak cepat marah atau bermasam muka, wajahnya sentiasa berseri dengan senyuman yang manis. Di samping itu, mereka menceritakan bahawa hampir setiap kali berjumpa dengan Ismail Lutfi, mereka tidak sempat mendahului salam kepada beliau bahkan beliaulah yang sentiasa mendahului salam kepada mereka. Mereka merasa malu dan kagum atas sikap Ismail Lutfi kerana beliau mengajar dan membuat apa yang diajarkan.

### 2. Menghormati Orang Tua

Ahmad Omar Chapakia menyatakan antara perkara yang menjadi kelebihan bagi Ismail Lutfi ialah sikap menghormati orang tua yang sangat tinggi sehingga menyebabkan golongan orang tua terpikat dengan beliau.<sup>482</sup> Maslan Mahama juga menerangkan Ismail Lutfi adalah seorang yang menghormati orang tua dan disebabkan itulah golongan tua terpikat dengan beliau.<sup>483</sup> Melalui pengalaman dan pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati antara akhlak Ismail Lutfi yang menjadi tarikan kepada golongan tua ialah sikap hormat-menghormati yang diamalkan oleh beliau kepada golongan ini. Antara contoh jelas adalah peristiwa yang telah berlaku ke atas datuk pengkaji sendiri iaitu Hj. Abdullah b. Hj.

---

<sup>482</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>483</sup> Maslan Mahama, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

Abdulrahman (telah meninggal) pada masa itu berumur lebih kurang 80 tahun. Pada suatu hari, selepas tamat sesi pengajian, Ismail Lutfi telah mengucup dahinya sewaktu kedua-duanya bertemu. Inilah menyebabkan datuk pengkaji menyukai sikap Ismail Lutfi tersebut walaupun datuk tidak sepenuhnya bersetuju dengan pemikiran Ismail Lutfi.

### 3. Mementingkan Masa

Antara akhlak yang terpuji Ismail Lutfi lagi ialah mementingkan masa. Ismail Lutfi senantiasa menggunakan masa dengan berfaedah walaupun semasa berada dalam kereta. Abdullah Pak Chik bekas pemandu kereta Ismail Lutfi menerangkan Ismail Lutfi sentiasa menggunakan masa dengan berfaedah semasa berada dalam kereta iaitu berzikir kepada Allah SWT, membaca al-Quran, membaca buku, mengarang dan beristirahat. Oleh kerana itu, beliau terpikat dengan Ismail Lutfi.<sup>484</sup> Manakala Mustafa Yusuf pemandu kereta Ismail Lutfi sekarang juga menyatakan perkara yang sama iaitu Ismail Lutfi menggunakan masa dengan berfaedah semasa berada dalam kereta iaitu berzikir kepada Allah SWT, membaca al-Quran, membaca buku, mengarang, memberi nasihat dan beristirahat. Contoh teladan Ismail Lutfi yang sentiasa menggunakan masa dengan sangat berfaedah menyebabkan Mustafa amat menyukainya.<sup>485</sup>

Penjelasan-penjelasan di atas menunjukkan dakwah *bi al-hal* merupakan salah satu pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi dalam menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand. Akhlak mulia yang ditonjolkan oleh beliau menjadikan sasaran dakwah dan masyarakat tertarik serta terpengaruh dengan sikapnya sehingga mereka menerima seruan dan ajakan yang disampaikan oleh beliau.

---

<sup>484</sup> Abdullah Pak Chik, Bekas Pemandu Kereta Ismail Lutfi dan Ustaz Sekolah *al-Rahmāniyyah*. Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>485</sup> Mustafa Yusuf , Pemandu Kereta Ismail Lutfi. Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

### 3.3.3 Dakwah Secara Lisan

Lisan Dalam *Kamus Dewan* bermaksud sesuatu yang diucapkan (tidak ditulis).<sup>486</sup> Dakwah secara lisan bermaksud menumpukan usaha menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran melalui gaya retorik lisan pendakwah.<sup>487</sup> Walau bagaimanapun sesetengah tokoh menganggapkan tulisan juga termasuk dalam dakwah secara lisan antaranya seperti Zaydān.<sup>488</sup> Pada pandangan pengkaji, dakwah secara lisan di sini bermaksud pengucapan sahaja dan tidak termasuk penulisan. Oleh itu, pendekatan dakwah secara lisan yang dimaksudkan ialah usaha menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran melalui pengucapan sahaja dan tidak termasuk penulisan.

Ucapan pada umumnya menggambarkan seseorang bercakap tentang sesuatu subjek di hadapan khalayak ramai. Ceramah, pidato, taklimat dan khutbah adalah perkara yang dilakukan berdasarkan ucapan tetapi namanya berbeza-beza untuk membezakan majlis.<sup>489</sup> Oleh itu, dakwah secara lisan boleh digunakan dalam bentuk ceramah, kuliah, khutbah, diskusi, debat, seminar, forum dan lain-lain. Penggunaan pendekatan lisan ini akan memberi kesan yang amat besar kepada jiwa manusia. Penyampaian dakwah secara lisan adalah pendekatan utama untuk menyampaikan kebenaran kepada manusia.<sup>490</sup>

Dakwah secara lisan merupakan saluran yang asal iaitu cara dakwah ini telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran. Terdapat banyak ayat-ayat yang membuktikan bahawa Rasulullah menggunakan dakwah secara lisan, antara bukti yang jelas ialah ayat-ayat yang dimulakan dengan perkataan *Qul* (katakanlah wahai Muhammad).<sup>491</sup> Dakwah secara lisan juga telah digunakan oleh para ulama sejak zaman silam hingga kini.

---

<sup>486</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 948.

<sup>487</sup> Ab. Aziz bin Mohd. Zin *et al.* (2006), *op.cit.*, h. 103.

<sup>488</sup> Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 474.

<sup>489</sup> Mohd. Sidin Ahmad Ishak (1996), *Keterampilan Menulis*. Kuala Lumpur: DBP, h. 110.

<sup>490</sup> Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 471.

<sup>491</sup> Terdapat dalam Surah al-Nas, al-Falaq, al-, al-Kafirun dan sebagainya.

Ismail Lutfi telah mengambil pendekatan dakwah secara lisan dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat. Pendekatan yang diambil oleh beliau merupakan satu tindakan yang tepat dalam rangka untuk berdakwah secara meluas kepada masyarakat. Cara sedemikian sudah semestinya mudah menarik jiwa sasaran. Ini kerana masyarakat lebih suka mendengar ucapan berbanding pendekatan yang lain. Bentuk dakwah secara lisan yang telah digunakan oleh beliau ialah berbentuk kuliah mingguan, ceramah, forum, seminar, kelas pengajian, nasihat dan diskusi. Dakwah beliau secara lisan dapat mempengaruhi pelbagai lapisan masyarakat sama ada generasi muda dan generasi tua.

Ismail Lutfi merupakan seorang yang mempunyai kesungguhan dan kecekapan dalam menyampaikan dakwah secara lisan. Pengucapan beliau dapat menarik perhatian sasaran seperti mana yang dijelaskan oleh Joseph Chinyong Liou seorang ahli akademik daripada Singapura, beliau menyatakan:

*“...Dimana (Ismail Lutfi) mengajar dan mengadakan kuliah-kuliah mingguan untuk orang ramai di masjid beliau yang setiap kalinya dihadiri ribuan peserta... Selain daripada program-program kuliah, Lutfi juga seorang pemidato dan cendekiawan Islam yang tersohor di utara Malaysia, walaupun begitu beliau pernah berkata bahawa semenjak peristiwa 9/11, kuliah dan pidato beliau di Malaysia semakin berkurangan. Kehebatan khutbah beliau didorong oleh personaliti dan teladan yang ditonjolkan oleh beliau dengan baik. Beliau memastikan bahawa beberapa aspek dalam dogma reformasi Lutfi merupakan cabaran yang panjang – pegangan kepercayaan tradisional bertemu dengan langkah berhati-hati pengamal kepercayaan tradisional tersebut. Beliau muncul sebagai cendekiawan Muslim yang masyhur di Thailand. Kebolehan beliau bertutur dalam bahasa Arab yang fasih dan lancar membantu beliau dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang mendalam serta beliau mampu memahami tulisan purba asli siam yang mana bersesuaian dengan pendapat dan pemahaman cendekiawan Muslim Thailand yang lain. Oleh kerana itu, Lutfi digambarkan sebagai seorang cerdik pandai yang berkemampuan untuk meringkaskan konsep pandangan Islam yang kompleks. Ini telah dibuktikan dengan ciri kritikal yang ada pada diri beliau.”<sup>492</sup>*

---

<sup>492</sup> Joseph Chinyong Liow (2009), “Tradition and Reform in Islamic Education in Southern Thailand” (Kertas Kerja Seminar Southeast Asian Contributions to A New Global Ethic: Qur’anic Guidance for Good Governance And Sufficiency Economic Principles for Business, 31 Ogos 2009 di Ministry of Foreign Affairs Bangkok, Thailand), h. 139-140.

Surainee Sainui menerangkan perkara yang sama tentang Ismail Lutfi iaitu pengucapan Ismail Lutfi dapat menarik perhatian sasaran dengan suara yang nyaring serta boleh menghuraikan perkara kompleks dan mudah difahami.<sup>493</sup> Manakala Buletin *San Wityalai Islam Yala* menyatakan setiap kali Ismail Lutfi mengajar pada hari Sabtu atau Ahad, jumlah peserta yang didapati hadir adalah mencecah 4,000 hingga 5,000 orang peserta. Cara penyampaiannya ialah menggabungkan di antara ketulenan ilmu yang bersumberkan al-Quran dan sunah dan perubahan era semasa.<sup>494</sup>

Penjelasan-penjelasan tersebut menggambarkan pengucapan Ismail Lutfi merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sasaran tertarik dengan dakwah beliau. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana beliau begitu mahir menyampaikan hujah-hujahnya dengan bernalas yang bersumberkan al-Quran dan sunah serta penerangan daripada ulama-ulama yang muktabar. Beliau juga mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih dan ini meyakinkan kepada sasaran bahawa beliau dapat memahami ilmu agama dengan baik.

Isi pengucapan Ismail Lutfi kepada masyarakat umum dalam pengajian kuliah mingguan adalah berkaitan dengan fikah, tafsir, hadis, akhlak, tauhid, tarikh dan isu semasa. Namun subjek yang menjadi tumpuan bagi beliau ialah tafsir al-Quran. Isi pengucapan Ismail Lutfi adalah seperti Tafsir Surah al-Fatihah, al-Baqarah, al-Nas, al-'Alaq, al-Ikhlas dan lain-lain, Nasihat Berkenaan Bulan Ramadan, Puasa Sunat Mengikut Sunah, Mahkamah Shar 'iyyah Adalah Darurat, Pimpinlah Nafsu Ke Arah Sunah, Allah Berkenan Kepada Penghidup Zikrullah, Khaira 'Ummah dan Dakwah, Perkelahian adalah Murkaan Allah, Penyaksian Allah terhadap Amalan Hamba, Masjid Adalah Lambang Islam, Membaca Adalah Kunci Pengetahuan, Berjuanglah kepada al-Islam dengan Selaras Dunia, Meluaskan Lagi Ilmu Kamu yang Serba Sempit, Jauhilah dari Api Peperangan yang Dinyalai Oleh Yahudi Di Seluruh Dunia, Kanak-Kanak Sedunia Dan Rancangan Jahat Untuk Mengkhianati Mereka, Kelebihan Mengambil Wuduk, Islam Didik Kita Dengan

<sup>493</sup> Surainee Sainui (2004), *op.cit.*, h. 137.

<sup>494</sup> San Wityalai Islam Yala (2006): *op.cit.*

Sebaik Didikan, Eidil Adha Menurut Hari Arafah, Keluarga Bahagia, Kehebatan Kedatangan Nabi Muhammad SAW, Cara Hidup Pemberian Tuhan Itulah Yang Dipanggil Agama, Wafat Rasulullah, Rihlatu Wujud Wal Khulud, Dosa-dosa Besar, Pedoman Orang Sakit, Dakwah Tugas Para Rasulullah, Pengajaran Sejarah Nabi Ibrahim, Haji Mabrur dan Kejadian Syurga, Kekuatan Ruh Adalah Asas Kemajuan dan sebagainya.

Tajuk-tajuk tersebut menjadi bukti kepelbagaian isu yang disampaikan oleh Ismail Lutfi dan dapat memenuhi keperluan masyarakat serta bersesuaian dengan keadaan semasa sasaran sehingga dapat mempengaruhi khalayak ramai. Shamsuddin Somuda menerangkan isi penyampain Ismail Luti adalah berperingkat-peringkat dan menekankan amalan sunah nabi seperti puasa sunat, slat sunat dan sebagainya. Di samping itu juga, isi penyampain beliau sangat bersesuaian dengan peserta yang hadir.<sup>495</sup> Oleh yang demikian, pemilihan isi penyampaian yang baik dan bersesuaian dengan keadaan semasa dan sasaran mampu menarik khalayak untuk mengikuti pengucapan atau pengajian.

Antara contoh *uslūb* yang telah digunakan dalam pengucapan beliau yang dapat menarik perhatian sasaran seperti berikut:

#### a) Bahasa Yang Indah Dan Fasih

Bahasa yang indah dan fasih merupakan salah satu daya tarikan dalam pengucapan supaya menarik perhatian pendengar. Bahasa yang indah adalah bergantung kepada keadaan dan kesesuaian sasaran dalam menggunakan pakai pelbagai istilah yang sesuai dalam pengucapan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati pengucapan Ismail Lutfi secara umumnya menggunakan bahasa Melayu dialek tempatan untuk disesuaikan dengan masyarakat tempatan. Tetapi beliau juga sering menggunakan perkataan-perkataan bahasa Melayu baku. Di samping itu juga, beliau sentiasa menggunakan perkataan-perkataan bahasa Thai dalam ucapannya untuk memudahkan sasaran terutamanya yang kurang fasih

---

<sup>495</sup> Shamsuddin Somuda, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Penghulu Kampung, kampung Chobok, daerah Yingo, wilayah Narathiwat. Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

dalam memahami bahasa Melayu. Bahasa pengucapan beliau adalah sangat baik, jelas dan terang, serta tidak berbelit-belit dan tiada kata-kata kosong dalam penyampaiannya. Oleh yang demikian, para pendengar dapat memahami penerangan beliau dengan lebih mudah walaupun isu yang dibincangkan sangat kompleks.

Sepanjang pemerhatian pengkaji juga mendapati pengucapan beliau adalah fasih, lancar, baik dan mahir dalam menggunakan istilah-istilah yang baru mengikut kesesuaian perkembangan masa dan keadaan masyarakat. Suara beliau pula sangat nyaring, jelas dan menggunakan pelbagai intonasi serta nada suara seperti nada suara tinggi, pertengahan dan rendah secara bertukar-tukar dalam pengucapan. Di samping itu juga, bahasa badan turut diaplikasikan dalam pengucapan beliau.

Contohnya:

*“Sebenarnya Zulhijjah ini, di awal Zulhijah tu merupakan afdhal ayyām al-dunya orang panggil di sisi Islamnya seafdal-afdal gugusan hari dalam setahun satu sampai sepuluh ’afdal ’ayyām al-Dunya dalam hadis yang sangat sahih jelas, dan tidak ada hari segugusan hari yang amal soleh sangat-sangat dikasihi oleh Allah SWT daripada sepuluh awal Zulhijah. Kalau kita wat (buat) apa laku (terima) belaka celah ning, musim dia, orang panggil musim, sembahyang pun laku, cara sembahyang Tuhea (Tuhan) terima sernak ’aḥab ’ila ’Āllāh sekasih-kasih amalan kepada Allah iaitu bulan ni, sepuluh ni satu sampai sepuluh terutama orang hak gi (pergi) buat haji celah ni dema tengah suka duduk dalam ibadat deama (mereka) duduk dalam ibadat. Jadi kita tak buat haji pun dibuka peluang juga fa’akthirū fī hin min al-tasbih, wa al- takbir, wa al-tahlil, wa al-tahmid...”<sup>496</sup>*

### b) Kisah

Kisah merupakan kenyataan pendek berkaitan dengan fakta yang dikemukakan. Ia boleh dikemukakan sama ada kisah para nabi dan rasul, para sahabat, peristiwa-peristiwa dan mengenai kehidupan masyarakat seharian. Ismail Lutfi juga menggunakan gaya persembahan berbentuk kisah dalam pengucapan beliau tetapi beliau agak jarang

---

<sup>496</sup> Ismail Lutfi Japakiya (1426 H.). “Istimewa dan Mulia Arafah Banding Aidiladha”, CD

menggunakannya. Kisah yang digunakan oleh beliau kebiasaannya yang terdapat dalam al-Quran dan sunah dan pengalaman hidup beliau.

Contohnya:

*“Tahun ni (ini) dua kali orang jemput gi (pergi) Kuwait atas nama sebagai ulama lah, tiga negeri dia (Kerajaan Kuwait) panggil ulama besar-besar, Asia tenggara dia (Kerajaan Kuwait) pilih saya (Ismail Lutfi) Asia Tenggara ni Asia Akanei belaka dua tiga empat lima tea (buah) negeri ni. Katmana (macam mana) dia (Kerajaan Kuwait) pilih puak kita (orang Thailand) Wallahu A’lam, hak tu serah kepada dia (Kerajaan Kuwait) deh (lah) hak jung milih (pemilih), hak jung milih (pemilih) benar ialah Allah SWT pahtu (selepas itu) dia beri hamba dia pilih kita. Pahtu (adapun) sebelah Afrika dia ambil Mori Tania, Mori Tania ulama Mori Tania yak selaya’ (lebih) puak dia pakai jubah besar tu, terkenal Mori Tania ni negeri ulama hafaz orang panggil ulama mutun ngapa (hafaz) sapa (sampai) kulit puak dia ngapa (hafaz) sungguh-sungguh. Kalau hadis dia bukea (bukan) ngapa (hafaz) hadis saja dak (tak) rawi pun dia hantar isnad dengan isnad-isnad gi (pergi), terkenal deamo (mereka) ulama sunguhlah (original) bukan tiru supa (banding degan) kita dak (tak), deamo (mereka) ulama sunguh (original). Yang ketiganya negeri Arab dia ambil di Yaman (Yemen) ulama Yaman (Yemen) yang tengah duduk kedebea lani...”*<sup>497</sup>

### c) Perbandingan

Perbandingan merupakan salah satu bentuk gaya persembahan yang penting dalam menarik perhatian sasaran. Ismail Lutfi juga menggunakan gaya persembahan berbentuk perbandingan dalam pengucapannya. Beliau membuat perbandingan yang mudah difahami mengikut suasana masyarakat. Ini secara tidak langsung memberi kefahaman yang lebih jelas kepada para pendengar.

Contohnya:

“ ..kita kena terima ujian menurut kadar kita nak terima Islam, pia (siapa) ada tanah banyak kena bayar phasi (cukai) banyak sikit lahtu ye (begitu sahaja), jadi kita nak Islam banyak

---

<sup>497</sup> Ismail Lutfi Japakiya (1427 H.). “Menceritakan hal Selepas Kembali Dari al-Kuwait”, CD

dak (tak) nak Islam banyak bayar phasi banyak sikit. Bayar phasi (cukai) ni darab paling penting sekali, nak kena korbea (korban) banyak, kena hidup Islam peaseang (cara) kheak kak (sungguh-sungguh) sikit pada Islam biasa-biasa.”<sup>498</sup>

#### **d) *Targhib* dan *Tarhib***

Satu lagi gaya persembahan yang dapat menarik perhatian sasaran dalam pengucapan ialah gaya persembahan berbentuk *targhib* dan *tarhib*. Dalam berdakwah kepada masyarakat, Ismail Lutfi juga menggunakan gaya persembahan tersebut dalam pengucapan beliau. Kebiasaananya beliau menggalakkan dan menakutkan sasaran dengan mengemukakan dalil daripada al-Quran dan sunah.

Contoh *targhib*:

Ismail Lutfi menggalakkan mengambil wuduk dengan membawa hadis kelebihan mengambil wuduk seperti beliau memberi maksud hadis kelebihan seperti di bawah:

“Maksudnya: “Barang siapa yang ambil air sembahyang, maka dia mengelokkan ambil air sembahyang (lahmana (bagaimana) elok ambil air sembahyang basuh wuduk tiga kali atau dua kali takpa (tidak mengapa) atau sekali takpa (tidak mengapa), ada setengah sekali tapi tak sempurna mana dua kali lebih sempurna daripada sekali. Nabi besa (pernah) basuh sekali-sekali , nabi besa (pernah) basuh dua kali dua kali, nabi besa (pernah) basuh tiga kali-tiga kali lebih pada tu tadak la (tak ada) keluarlah oleh dosa-dosanya daripada bodi dia hingga keluarlah dosa daripada bawah kuku-kuku dia tubik (keluar) dosa.”<sup>499</sup>

Contoh *tarhib*:

“Jangan cemuru (cemburu) kita sapa (sampai) di pulah (pusing) tekak oleh syaitan lelaki baik perempuan baik sekadar-sekadar”<sup>500</sup>

---

<sup>498</sup> Ismail Lutfi Japakiya (1427 H.). “ Datang Islam Bersama Cubaan”, CD

<sup>499</sup> Ismail Lutfi Japakiya (1427 H.). “Kelebihan Mengambil Wuduk”, CD

<sup>500</sup> Ismail Lutfi Japakiya (1427 H.). “Syaaban Pintu Ramadan”, CD

Penjelasan-penjelasan di atas, jelaslah Ismail Lutfi menggunakan pendekatan dakwah secara lisan dalam menarik dan mempengaruhi masyarakat Islam di Selatan Thailand supaya kembali kepada ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan sunah. Isi penyampaian yang disampaikan oleh beliau sangat jelas, mudah difahami, tepat, memenuhi keperluan masyarakat dan bersesuaian dengan keadaannya dengan pelbagai bentuk gaya persembahan.

### **3.3.4. Dakwah Melalui Penulisan**

Penulisan memberi maksud perihal atau kegiatan dan sebagainya menulis, mengarang dan lain-lain. Ia juga memberi maksud hasil daripada menulis, mengarang dan lain-lain.<sup>501</sup> Penulisan merupakan antara salah satu cara dalam berdakwah. Ia boleh dilakukan dengan cara menulis surat kepada orang yang ingin disampaikan dakwah atau dengan cara menulis buku, jurnal, artikel atau sebagainya.<sup>502</sup> Kaedah penulisan haruslah menggunakan kaedah yang mudah difahami dan dapat mempengaruhi orang ramai. Dengan menggunakan pendekatan penulisan, pembaca akan mendapat maklumat tentang Islam, seterusnya dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu isu yang dibincangkan.<sup>503</sup>

Pendekatan penulisan juga telah digunakan oleh Rasulullah SAW iaitu baginda telah menghantar surat kepada pemerintah negara bukan Islam untuk mengajak mereka supaya menganut agama Islam. Surat-surat baginda yang telah dihantar kepada pemerintah dan raja-raja seperti al-Najāhi Raja Habsyah, Muqawqis Raja Mesir, Kisrā Raja Paris, Qaysar Raja Rom, al-Mundhir b. Sāwā Pemerintah Bahrain, Hawdāh b. ‘Alī Pemerintah Yamamah, al-Hārith b. ’Abī Shamr al-Ghassānī Pemerintah Damsyik dan Jayfar dan ‘Abd b. al-Julandī Raja Oman.<sup>504</sup> Melalui surat-surat yang telah diutuskan tersebut, baginda telah berjaya menarik perhatian, memperkenalkan dirinya dan agama Islam kepada mereka. Di

---

<sup>501</sup> Noresah bt .Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1729.

<sup>502</sup> Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 481.

<sup>503</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin *et al.* (2006), *op.cit.*

<sup>504</sup> Safiyyu al-Rahman al-Mubarafuri (2006.), *al-Rahiq al-Makhtum: Sirah Nabawiyyah S.A.W. Muhammad Ramzi Omar (terj.)*, c. 2. Kuala Lumpur: YADIM, h. 518-530.

kalangan mereka ada yang beriman dan ada yang terus dengan kekufurannya.<sup>505</sup> Jelaslah pendekatan melalui penulisan merupakan satu pendekatan dakwah yang penting untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran.

Selain daripada dakwah mendekati pemimpin masyarakat, dakwah *bi al-hal* dan dakwah secara lisan, Ismail Lutfi juga mengambil pendekatan melalui mata pena sebagai senjata dalam dakwahnya seperti ulama-ulama yang lain. Abdulrazak Ali Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat menyatakan bahawa antara kejayaan dakwah Ismail Lutfi dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand ialah beliau menggunakan penulisan dalam berdakwah seperti buku, majalah dan sebagainya.<sup>506</sup>

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Ismail Lutfi sudah aktif dalam penulisan semenjak berusia 17 tahun lagi. Hasil penulisan beliau dapat diperoleh dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk buku agama, buku teks, tesis, kertas persidangan seminar, risalah dan majalah. Penulisan beliau ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi, bahasa Arab dan sesetengah bukunya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Thai dan bahasa Inggeris.

Pada dasarnya, cara penulisan Ismail Lutfi tidak jauh berbeza daripada penyampaian dakwahnya secara lisan. Cara penulisan beliau berdasarkan al-Quran dan sunah sebagai rujukan utama serta penghuraian daripada para ulama yang muktabar dengan menyatakan sumber rujukan yang jelas.<sup>507</sup> Cara tersebut, digunakan untuk menjauhkan diri daripada kontroversi dengan ulama tempatan dan masyarakat umum yang telah melabelkan beliau sebagai Wahabi<sup>508</sup> serta untuk mengelakkan timbulnya fitnah yang lebih buruk dan merebak. Di samping itu juga, adalah untuk menarik perhatian sasaran yang lebih ramai.<sup>509</sup>

---

<sup>505</sup> *Ibid.*, h. 533.

<sup>506</sup> Abdulrazak Ali, Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temu bual pada 26 April 2009 di rumahnya.

<sup>507</sup> Uthman Idris, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>508</sup> Ismail Lutfi tidak pernah menggunakan kitab Muḥammad b. ‘Abd al-Wahāb atau terkenal dengan Wahabi sebagai bahan rujukan dalam penulisan. Ini kerana masyarakat Islam di Selatan Thailand telah menganggapkan Wahabi sebagai pengkhianat atau penyelewengan agama. Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 147.

<sup>509</sup> Maslan Mahama, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

Mengikut pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati kebanyakan penulisan beliau yang telah dihasilkan adalah mengikut keadaan semasa dan memenuhi keperluan serta kepentingan masyarakat Islam. Beliau telah memberi penerangan dan hujah yang jelas dan mudah difahami serta mempunyai sumber rujukan yang jelas. Contoh yang paling jelas ialah ketika pergolakan secara besar-besaran dalam dunia Islam dan masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya bermula 2004 telah mencemari imej agama Islam dan orang Islam, malah menimbulkan fahaman serong terhadap kesucian Islam. Ismail Lutfi dengan rasa bertanggungjawab telah mengeluarkan penulisan yang berjudul *al-Islām Dīn al-Salām* (Islam Agama Penjana Kedamaian Sejagat) untuk menghakis kekeliruan terhadap Islam yang telah direka oleh musuh Islam.<sup>510</sup> Pengkaji mendapati buku ini telah menjadi bahan bacaan bagi masyarakat bukan Islam dalam memahami agama Islam di Thailand dan buku ini juga sebahagiannya telah diedarkan secara percuma serta telah beberapa kali diterbitkan. Pemerhatian pengkaji juga mendapati kebanyakan buku yang telah dihasilkan oleh beliau diterbitkan secara berulang-ulang kali.

Chula Rajmuntri (Ketua Am Majlis Agama Islam Pusat), Thailand, Sawad Sumaliasak mengakui buku *al-Islām Dīn al-Salām* ini diterbitkan tepat pada masanya seperti yang dijelaskan oleh beliau dalam kata penghargaan:

*“Dalam suasana yang tidak sihat ini,...Buku ini diterbitkan tepat pada masanya kerana ia memberi cahaya dan sinaran yang bukan sahaja kepada orang Islam, akan tetapi ia juga menjadi bahan renungan kepada orang yang bukan Islam apatah lagi mereka yang ingin memfitnahkan Islam dan umatnya. Usaha suci yang dihasilkan oleh Dr. Ismail Lutfi Japakiya ini patut dipuji kerana ia bukan sahaja mengandungi pemikiran yang bernas, isi kandungan yang padat dan penghujahan yang kuat, malah didukung oleh bahan rujukan yang muktabar yang sesuai dijadikan sebagai risalah kajian ilmiah yang lengkap dan bermutu.”<sup>511</sup>*

<sup>510</sup> Ismail Lutfi Faṭānī (2004), *op.cit.*, h. 4.

<sup>511</sup> *Ibid.*, h. 2.

Melalui kenyataan di atas adalah jelas bahawa karya *al-Islām Dīn al-Salām* amat bersesuaian dengan keadaan semasa dan sangat bermutu serta dapat menarik perhatian masyarakat sama ada penganut Islam dan bukan Islam supaya memahami dan mendalami agama Islam khususnya isu berkaitan dengan keamanan. Tidak boleh dinafikan bahawa Ismail Lutfi merupakan penulis yang aktif dan beliau banyak menghasilkan penulisan keagamaan dalam bahasa Melayu tulisan jawi dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand pada masa kini. Beliau telah menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang seperti fikah, tauhid, akhlak, tafsir dan isu semasa. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bidang tafsir al-Quran adalah bidang yang menjadi tumpuannya. (Lihat Senarai Karya Penulisan Ismail Lutfi Japakiya Pada Lampiran C).

Ismail Lutfi banyak menumpukan penulisan dalam bidang tafsir al-Quran kerana ulama-ulama silam negeri Patani tidak memberi tumpuan kepada bidang tafsir al-Quran.<sup>512</sup> Para ulama silam negeri Patani hanya tertumpu dalam bidang tauhid, fikah, tasawuf, ilmu alat dan lain-lain. Dalam bidang tafsir, mereka hanya menulis di dalam kitab-kitab tauhid, tasawuf dan lain-lain sebagai dalil atau huraiyan kepada masalah-masalah yang dibicarakan. Oleh itu, Ismail Lutfi banyak menumpukan penulisan beliau dalam bidang tafsir al-Quran.<sup>513</sup>

Hasil penulisan tafsir al-Quran Ismail Lutfi ialah *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm* dan *Tafsīr al-Bayān*.<sup>514</sup> Pendekatan dalam penulisan tafsir al-Quran seperti yang telah dijelaskan oleh beliau dalam buku-buku tafsirnya ialah *al-'aṣālah fī al-tafsīr wa al-mu'āṣarah fī al-tafkīr* (pentafsiran berdasarkan sumber asli tetapi menurut cara dan pemikiran semasa).<sup>515</sup>

---

<sup>512</sup> Ismail Lutfi Japakiya, *op.cit.*, Temu bual pada 4 Februari 2008 di pejabatnya.

<sup>513</sup> Mohd. Lazim Lawee (2008), *op.cit.*, h. xxiii.

<sup>514</sup> *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm* bermula ditulis pada tahun 1980 M dimulai dengan Surah al-Fatiyah ketika Ismail Lutfi sedang belajar di peringkat MA di Riyad, Arab Saudi. *Tafsīr al-Dhikr al-Hakīm* telah diterbitkan sebanyak empat buah iaitu Surah al-Fatiyah, Surah al-Muzzammil dan al-Muddaththir dan Surah al-Ikhlas Manakala *Tafsīr al-Bayān* bermula ditulis pada tahun 1416 H. *Tafsīr al-Bayān* diterbitkan sehingga dewasa ini semuanya dalam 40 surah. Lihat, *Ibid.*, h. xxiv.

<sup>515</sup> Ismail Lutfi (1998), *op.cit.*, h. 7.

Penulisan tafsir al-Quran inilah menjadi sumbangan terbesar beliau bagi masyarakat Islam di Selatan Thailand pada akhir abad ke-20.<sup>516</sup>

Penjelasan-penjelasan tersebut menunjukkan penulisan tafsir al-Quran merupakan penulisan yang diutamakan atau ditumpukan oleh Ismail Lutfi dalam menjalankan dasar dakwah beliau iaitu mengembalikan masyarakat Islam kembali kepada sumber yang asal dan paling utama iaitu al-Quran. Di samping itu, tafsir al-Quran dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang sebelum ini boleh dikatakan tiada karangan tafsir al-Quran yang khas yang telah dihasilkan oleh para ulama silam negeri Patani.

Kesimpulannya, dakwah melalui penulisan merupakan salah satu pendekatan dakwah yang telah digunakan oleh Ismail Lutfi dalam mempengaruhi masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Cara penulisan beliau adalah jelas, mudah difahami dan bersesuaian dengan keadaan semasa melalui hujah-hujah bernes yang bersumberkan al-Quran dan sunah serta penerangan daripada ulama-ulama muktabar. Hasil penulisan beliau dalam bidang tafsir al-Quran memberikan impak dan sumbangan yang sangat besar kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand.

### **3.3.5 Dakwah Melalui Pendidikan**

Dalam *Kamus Dewan* pendidikan bermaksud perihal mendidik.<sup>517</sup> Menurut istilah, pendidikan merupakan bimbingan atau pimpinan secara sedar oleh pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani yang dididik sehingga terbentuknya keperibadian yang utama.<sup>518</sup>

Manakala Zawawi Hj. Ahmad membuat rumusan dengan memperlihatkan pendidikan sebagai proses yang berterusan untuk membentuk manusia yang berfikiran tidak sempurna menjadi lebih sempurna dan matang serta seterusnya mampu menghayati serta

---

<sup>516</sup> Mohd. Lazim Lawee (2008), *op.cit.*

<sup>517</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 350.

<sup>518</sup> Abdul Halim Hj Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 41.

memelihara nilai hidup yang baik.<sup>519</sup> Menurut Ahmad Mohd Salleh pula pendidikan ialah suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia kepada keadaan yang lebih bermakna dalam kehidupan di dunia dan akhirat.<sup>520</sup>

Pendidikan Islam pula merupakan proses pertumbuhan dan pengisian terhadap manusia dengan seindah-indah bentuk iaitu menekankan kepada usaha-usaha pembinaan iman, ilmu, akhlak dan tingkah laku yang baik dan yang jelas menggambarkan satu kesepaduan.<sup>521</sup> Matlamat terbesar pendidikan Islam ialah untuk melengkapkan setiap individu dengan agama dan ideologi. Lantaran itu, pendidikan menurut Islam mestilah dapat menghasilkan manusia yang mempunyai pendirian serta keyakinan yang kukuh terhadap idea Islam. Ia harus membentuk dalam dirinya satu pendekatan Islamiah dan petunjuk Islam.<sup>522</sup>

Pendekatan dakwah melalui pendidikan yang dimaksudkan di sini ialah menubuhkan institusi pendidikan sama ada berbentuk sekolah, kuliah mingguan, universiti dan lain-lain untuk mendidik masyarakat Islam supaya mentaati perintah Allah SWT dan mampu menghayati serta memelihara nilai hidup yang baik. Pendidikan merupakan suatu perkara yang penting dalam sesuatu masyarakat untuk melahirkan anggota masyarakat yang berkualiti dan mendekati Allah SWT.

Untuk mendidik masyarakat Islam di Selatan Thailand supaya mereka memahami ajaran Islam yang syumul bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj saf soleh sebagai landasan hidup sehari-hari, satu pendekatan dakwah yang penting digunakan oleh Ismail Lutfi iaitu melalui pendidikan. Ismail Lutfi telah menubuhkan institusi pendidikan sebagai tempat asas dalam menyebarkan dakwah beliau iaitu *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan menubuhkan sebuah UIY. Apabila tertubuh UIY, beliau bersama rakan-rakan pensyarahnya telah menubuhkan satu lagi *Majlis al-'Ilm* yang di bawah naungan UIY.

---

<sup>519</sup> Zawawi Hj. Ahmad (1995), *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: DBP, h. 25.

<sup>520</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti, h. 3.

<sup>521</sup> Muḥammad Fādhil al-Jamālī (1986), *Nahwā Tarbiyāt Mu'minah*, c. 3. Tūnis: Sharikah al-Tunisiyyah, h. 21.

<sup>522</sup> Khurashid Ahmad (1979), *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*, c. 4. Kuala Lumpur: ABIM, h. 8.

Ahmad Omar Chapakia menyatakan Ismail Lutfi mempunyai pendekatan yang jelas dalam mendidik umat, beliau mengasaskan *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-'Ilm* UIY sebagai platform dalam menyampaikan risalah Islam secara mingguan kepada masyarakat Islam umum. Dengan kewujudan dua majlis tersebut, beliau telah dapat menyebar dakwah secara meluas sehingga ke akar umbi. Di samping itu juga, beliau juga bertindak sebagai pendorong utama dalam membuat gagasan penting bagi menubuhkan UIY untuk membangunkan umat yang tidak terhad kepada fakulti Pengajian Islam sahaja.<sup>523</sup>

Joseph Chinyong Liow menerangkan Ismail Lutfi adalah seorang rektor di Universiti Islam Yala yang menawarkan kemudahan pendidikan dan prasarana yang moden di kedua-dua kampusnya iaitu di Patani dan Yala.<sup>524</sup>

Surainee Sainui yang telah membuat kesimpulan dalam disertasinya yang bertajuk *Islamic Leaders Social Movement*. Beliau menyatakan Ismail Lutfi menggunakan prinsip jihad dalam menggerakkan masyarakat melalui pendidikan yang diintegrasikan di antara bidang agama dan bidang akademik. Ia merupakan *Islamization Process*.<sup>525</sup>

Penjelasan-penjelasan tersebut menunjukkan Ismail Lutfi telah menggunakan pendekatan dakwah melalui pendidikan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand. Oleh yang demikian, pengkaji akan memaparkan sejarah penubuhan *Majlis al-'Ilm Faṭānī* dan UIY sebagai institusi pengajian utama yang telah diasaskan oleh Ismail Lutfi dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand seperti berikut:

---

<sup>523</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>524</sup> Joseph Chinyong Liow (2009), *op.cit.*, h. 139.

<sup>525</sup> Surainee Sainui (2004), *op.cit.*, h. 166-167.

## 1. *Majlis al-‘Ilm Faṭānī*

*Majlis al-‘Ilm Faṭānī* merupakan salah sebuah gedung pengajian ilmu wahyu dan pelaksanaan amal dakwah Islamiah dalam rangka “Iqāmah al-Dīn”.<sup>526</sup> Ia ditubuhkan oleh Ismail Lutfi pada pagi Sabtu 7 Rabiulawal 1407 H bersamaan 12 November 1986 M di Musala *al-Raḥmāniyyah* dalam kawasan sekolah bapanya. *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* menganjurkan pengajian tentang Islam pada hari Sabtu setiap minggu. Tujuannya adalah untuk menyampaikan ilmu agama yang berdasarkan al-Quran dan sunah mengikut huraian ulama yang muktabar kepada masyarakat umum. Pada permulaan penubuhannya, lebih 40 orang telah hadir sama ada lelaki dan perempuan sehingga bilangannya semakin meningkat mencelik ribuan orang seperti mana yang diceritakan oleh Ismail Lutfi:

“...Kira-kira dihadiri di waktu itu oleh orang lebih empat puluh orang ikhwah (lelaki) dan beberapa orang akhwat (perempuan) dengan dimulai membaca tafsir surah al-‘Alaq bersama dengan syarahan makna hadis Arba‘īn Imam al-Nawawī bab al-Ikhlas. Proses perkembangan ahli Majlis al-‘Ilm makin minggu makin bertambah ramai sampai sekarang bilangannya banyak ribu orang lelaki perempuan yang tetap melazimnya pada tiap-tiap minggu...”<sup>527</sup>

Tujuan asas penubuhan *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* ialah berdasarkan slogan “Iqāmah al-Dīn” berdasarkan Firman Allah SWT:



Maksudnya:

“... Tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya...”

Surah al-Shura (42): 13.

<sup>526</sup> Majlis al-‘Ilm Faṭānī (1996), *op.cit.*, h. 5.

<sup>527</sup> *Ibid.*, h. 3-4.

Beberapa usaha dakwah yang dilakukan dalam mendidik masyarakat Islam di Selatan Thailand melalui *Majlis al-‘Ilm Faṭānī*<sup>528</sup> ialah :

- i. Membina manusia dengan amal Islami yang diasaskan di atas ilmu dan iman yang sebenar dari wahyu Allah SWT: Quran dan sunah melalui penerangan para ulama yang muktabar.
- ii. Mengamalkan Sunah Rasulullah SAW dan sunah para *Khulafā’ al-Rāshidin*.
- iii. Menghidupkan ilmu dengan dakwah dan meneguhkan dakwah dengan ilmu.
- iv. Dakwah manusia kepada al-Islam yang berdasarkan akidah dan syariat Rasulullah SAW.
- v. Menegakkan ikhwah Islamiah atas dasar *i’tiṣām bi ḥabl Allāh*.<sup>529</sup>

Apabila peserta semakin ramai sehingga musala tidak lagi muat untuk menampung mereka, Ismail Lutfi meluaskan tempatnya dengan membina sebuah masjid yang dinamakan *Masjid ‘Ibād al-Raḥmān* pada 12 Ramadan 1409 H, luasnya 21 meter dan panjang 38 meter dalam kawasan sekolah bapanya.<sup>530</sup> Pada 25 Rejab tahun 1411 H masjid tersebut dapat digunakan sebagai tempat solat, nasihat dan belajar. Manakala musala yang lama itu dijadikan tempat untuk wanita sahaja. Walau bagaimanapun, masjid dan musala masih tidak mencukupi untuk menampung semua peserta yang makin bertambah bilangannya. Ini menyebabkan ramai peserta terpaksa mendengar di bawah khemah, rumah jiran yang berdekatan, di dalam kereta dan sebagainya.<sup>531</sup>

Peserta yang hadir ke *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* terdiri daripada pelbagai golongan pekerjaan sama ada daripada golongan doktor perubatan, imam-imam masjid, guru-guru sekolah agama dan sekolah kebangsaan, pensyarah-pensyarah universiti, para pelajar dan

---

<sup>528</sup> *Ibid.*, h. 5-6.

<sup>529</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>530</sup> *Ibid.*, h. 4-5.

masyarakat awam.<sup>531</sup> Kebanyakan peserta terdiri dari penduduk wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkla dan peserta dari Malaysia.<sup>532</sup> Jumlah peserta yang hadir setiap minggu dalam lingkungan 3,000 hingga 5,000 orang .<sup>533</sup>

Ismail Lutfi mengajar pada hari Sabtu setiap minggu dengan menggunakan masa selama dua jam sehari iaitu bermula 8.30 pagi sehingga 10.30 pagi (waktu tempatan). Beliau hanya mengajar dua subjek iaitu sejam pertama mengajar subjek tafsir al-Quran sebagai subjek tetap. Manakala sejam yang kedua, merupakan subjek yang dipilih oleh beliau iaitu terdiri daripada hadis, fikah, akidah, akhlak, tarikh atau isu semasa mengikut kesesuaian. Ketika Ismail Lutfi tidak dapat mengajar pada tarikh dan masa yang ditetapkan, tugas beliau akan diganti oleh bapa beliau Tuan guru Abdulrahman b. Abdulatif, Ustaz Ahmad Hussin al-Fariti dan kadang-kadang mengadakan nadwah ilmiah yang menjemput para ustaz yang pakar.<sup>534</sup>

*Majlis al-‘Ilm Faṭānī* mempunyai sistem pentadbiran yang jelas dengan mempunyai ahli jawatankuasa<sup>535</sup> dan pejabat pentadbiran dalam mentadbir *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* supaya dapat menyampaikan ajaran Islam dengan lancar dan berkualiti. *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* bukan berfungsi sebagai tempat pengajaran ilmu agama kepada masyarakat Islam pada

---

<sup>531</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 140.

<sup>532</sup> Pada masa kini, peserta dari Malaysia tidak hadir lagi kerana situasi tidak aman yang berlaku pergelangan secara besar-besaran di Selatan Thailand semenjak akhir tahun 2004 M. Ahmad Hussin al-Fariti, *op.cit.*, Temu bual pada 16 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>533</sup> San Wityalai Islam Yala (2006) *op.cit.*

<sup>534</sup> Muhammad Koya (2007), *op.cit.*

<sup>535</sup> Ahli Jawatankuasa *Majlis al-‘Ilm Fatani* :-

- i. Ismail Lutfi sebagai Ketua.
- ii. Ahmad al-Fariti sebagai Naib.
- iii. Ahmad Samah sebagai *Lajnah al-Da‘wah wa al-‘Irshad*.
- iv. Ismail Rani sebagai *al-Shu‘ūn al-Māliyyah*.
- v. Ismail Abdulrahman sebagai *Shu‘ūn al-‘Ittiṣālāt al-‘Āmmah*.
- vi. Husein Uthman sebagai *Shu‘ūn Khidmah al-Mujtama‘*.
- vii Daud Sulung sebagai *al-Shu‘ūn al-Māliyyah wa al-Hisābāt*
- viii Yusuf Husein sebagai *Shu‘ūn al-Ta‘lim*.
- ix Awang Ahmad sebagai *Shu‘ūn al-‘Āmn*.

setiap hari Sabtu sahaja bahkan mempunyai pelbagai program atau aktiviti-aktiviti lain. Antara aktiviti-aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh *Majlis al-'Ilm Faṭānī* selain daripada kuliah pengajian mingguan ialah:

- i. Menyebarluaskan ceramah agama yang disampaikan oleh Ismail Lutfi dan tokoh-tokoh penggerak dakwah melalui media kaset, VCD, internet dan siaran radio.
- ii. Menerbitkan buku-buku agama sama ada tulisan Ismail Lutfi atau buku-buku terjemahan oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa *Majlis al-'Ilm Faṭānī* sama ada dalam bahasa Melayu, Thai dan Arab . Di samping itu, ia juga mengeluarkan majalah mingguan yang berbentuk kecil untuk mingguan yang dinamakan “Mingguan Tazkirah”.
- iii. Mengeluarkan khutbah Jumaat sempena hari-hari kebesaran agama dan peristiwa tertentu serta khutbah dua hari raya yang diberikan kepada para khatib dengan percuma.
- iv. Membantu anak-anak yatim dan orang-orang miskin dengan membuka satu tabung kebajikan.
- v. Mengadakan perayaan secara besar-besaran pada hari bersejarah dalam Islam. Perayaan biasanya dipenuhi dengan program ceramah, forum, pameran Islam dan sebagainya.
- vi. Menghantarkan penggerak-penggerak dakwah ke kampung-kampung untuk menyampaikan ceramah, kuliah mingguan dan lain-lain aktiviti. Di samping itu juga, beliau telah menghantar pendakwah ke tempat bukan Islam untuk berdakwah di sebelah Utara dan Timur Thailand.<sup>536</sup>

---

<sup>536</sup> Noordin b. Abdullah Dagorha (1997), *op.cit.*, h. 220-221.

Kesimpulannya *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* merupakan salah sebuah institusi pengajian yang aktif dan telah ditubuhkan oleh Ismail Lutfi sendiri. Ia mempunyai sistem pentadbiran secara berjemaah yang teratur dan bersistematik. Tujuan penubuhannya yang utama adalah untuk mendidik masyarakat Islam awam supaya memahami ajaran Islam mengikut al-Quran dan sunah melalui penerangan daripada para ulama yang muktabar. Selama lebih kurang 20 tahun *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* ditubuhkan sehingga kini, Majlis ini telah memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan ajaran Islam dan memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat. Di samping itu juga, Majlis ini telah banyak memberi khidmat kepada agama dan bangsa serta dapat mempengaruhi masyarakat Islam di Selatan Thailand di peringkat akar umbi.

## 2. Universiti Islam Yala (UIY)

UIY merupakan institusi pengajian tinggi swasta yang terulung di Thailand yang telah ditubuhkan oleh golongan intelek yang mempunyai niat ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam membangunkan bidang pendidikan Islam dan lain-lain. Tujuan asas dalam menubuhkan UIY adalah untuk menyahut kehendak masyarakat dan mengadakan hubungan kerjasama dalam menyelesaikan masalah serta membangunkan kawasan setempat khususnya dan kawasan Asia Tenggara umumnya.<sup>537</sup>

Sejarah perkembangan UIY bermula daripada cetusan idea oleh dua golongan intelek Muslim dari Selatan Thailand pada tahun 1973, Golongan intelek pertama ialah golongan yang sedang belajar di universiti-universiti Timur Tengah khususnya belajar di Arab Saudi yang diketuai oleh Ismail Lutfi serta rakan-rakannya yang terdiri daripada Ismail Alee, Jihad Bungatanjung, Abdulhalim Saising, Ahmad Omar Chapakia dan Dawud Sa. Golongan kedua ialah golongan intelek yang sudah bekerja di Thailand yang diketuai oleh Seani Madakakul. Kedua-dua golongan intelek ini telah bergabung tenaga untuk

---

<sup>537</sup> Universiti Islam Yala (2008), *op.cit.*

merealisasikan penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi Islam dalam menyebarkan ilmu pengetahuan serta menjunjung hasrat dan kemuliaan cita-cita rakyat dan negara.<sup>538</sup>

Pada tahun 1984, sebuah jawatankuasa penaja kolej Islam<sup>539</sup> telah dibentuk hasil daripada gabungan padu di antara “Jawatankuasa Persiapan Projek Kolej Islam Patani” dan “Badan Kebajikan Majlis Agama Islam Wilayah Yala” yang bertujuan untuk merancang mengenai penubuhan kolej Islam. Pada 11 November 1985, projek penubuhan kolej Islam berjaya dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi<sup>540</sup> bagi memohon sijil kebenaran penubuhannya. Pada tahun 1986, berkat semangat, usaha dan idea serta pemikiran jawatankuasa penaja kolej Islam, akhirnya berjaya membeli sebidang tanah seluas 16.61 ekar bertempat di kampung Paramitea, Mukim Budi, daerah Muang, wilayah Yala sebagai lokasi untuk penubuhan kolej Islam.<sup>541</sup>

Pada 1 Januari 1988, upacara peletakan batu asas projek pembinaan kolej Islam dirasmikan oleh YB. Dr. Kaid b. Ibrahim Abdul Haq Timbalan Pengerusi Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank:IDB) yang berpusat di Jeddah, negara Arab Saudi. Pada tahun 1989, usaha pembangunan infrastruktur selesai dijalankan.<sup>542</sup>

Di antara tahun 1990 hingga tahun 1995, projek penubuhan kolej Islam tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya disebabkan oleh masalah kekurangan dana dan tenaga kerja. Pada tahun 1995, jawatankuasa penaja kolej Islam berjaya membentuk sebuah badan yang dinamakan “Yayasan Kebajikan Islam Pengajian Tinggi Selatan” sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap pelancaran penubuhan kolej Islam. Yayasan ini kemudiannya dirasmikan oleh Jabatan Pelajaran dan Budaya Kementerian Pendidikan pada tahun 1997.<sup>543</sup>

---

<sup>538</sup> Maslan Mahama (2007), “Kwa Chatheng Wanni”, *Jurnal Universiti Islam Yala*, Jurnal Khas, Jun 2007, h. 17.

<sup>539</sup> Sebelum menjadi UIY, projek untuk membuka institusi pengajian tinggi dijalankan atas nama kolej.

<sup>540</sup> Pada masa kini, Kementerian Pengajian Tinggi telah dicantumkan dalam Kementerian Pendidikan.

<sup>541</sup> Kolej Islam Yala, [http://www.geocities.com/yicyala/mal\\_index.htm](http://www.geocities.com/yicyala/mal_index.htm). 26 Februari 2009.

<sup>542</sup> Maslan Mahama (2007), *op.cit.*, h. 21.

<sup>543</sup> Kolej Islam Yala, [http://www.geocities.com/yicyala/mal\\_index.htm](http://www.geocities.com/yicyala/mal_index.htm). 26 Februari 2009.

Untuk memastikan projek penubuhan kolej Islam dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan, pada tahun 1995, satu unit pelaksanaan yang diketuai oleh Ismail Lutfi ditubuhkan. Antara tugas penting yang dapat dilaksanakan oleh unit tersebut ialah :

- i. Memasukkan agenda projek penubuhan kolej Islam ke dalam perbincangan persidangan antarabangsa kali ke- 43 bagi Majlis Anggota Pengasas *Rābitah al-‘Ālam al-Islāmī* yang berlangsung pada 8 sehingga 12 Syaaban 1416 H, bertempat di Mekah al-Mukarramah. Dalam persidangan ini, Majlis berjaya mengeluarkan resolusi menyeru kepada seluruh badan-badan kebajikan Islam sedunia agar memberi perhatian sewajarnya dan menghulurkan bantuan bagi menjayakan projek penubuhan kolej Islam.
- ii. Menghubungi badan-badan kebajikan Islam sedunia untuk mendapat bantuan kewangan dan akhirnya Tuanku Amīr al-Turki b. Fahd b. Jalwī Āl Sa‘ūd penyelia umum *International Islamic Relief Organazation* (IIRO), Arab Saudi telah menandatangani surat yang menyatakan pihak IIRO bersedia membantu Kolej dari sudut kewangan.<sup>544</sup>

Yayasan Kebajikan Islam Pengajian Tinggi Selatan mendapat surat kebenaran rasmi daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta berbentuk kolej mengikut Sijil Perakuan Pendaftaran Bil: 4/2541 B.E. bersamaan 1998 bertarikh 3 April 2541 B.E. bersamaan 1998 yang dinamakan Kolej Islam Yala (KIY).<sup>545</sup> Ia merupakan kolej swasta yang ke-41 di negara Thailand di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagai kolej swasta terutama di negara Thailand yang mengajar ilmu agama di peringkat tinggi.<sup>546</sup> Pada 27 Julai 1998, KIY mengadakan Musyawarah Senat KIY kali pertama di bilik musyawarah. Dalam musyawarah tersebut, telah bersepakat membuat

---

<sup>544</sup> *Ibid.*

<sup>545</sup> Universiti Islam Yala (2008), *op.cit.*

<sup>546</sup> Maslan Mahama (2007), *op.cit.*, h. 29.

keputusan melantik YB. Wan Muhammad Nur Matha sebagai Presiden Senat KIY, Encik Aree Wongaraya sebagai Timbalan Presiden Senat, Ismail Lutfi sebagai Rektor, Ahmad Omar Chapakia sebagai Timbalan Rektor Bahagian Akademik dan Hal Ehwal Pelajar dan Mazlan Mahama sebagai Setiausaha. <sup>547</sup> Pada 1 November 1998, dengan izin Allah SWT KIY mula beroperasi dengan pengambilan pelajar pertama seramai 200 orang untuk mengikuti kursus di Jabatan Syariah dan Jabatan Usuluddin.<sup>548</sup>

Pada 8 November 1998, KIY mengadakan Majlis Upacara Perasmian Pembukaan KIY yang disempurnakan oleh Tuanku Amīr al-Turki b. Fahd b. Jalwī 'Āl Sa'ūd. Majlis tersebut telah dihadiri oleh duta-duta daripada negara-negara Islam dari Timur Tengah, ahli akademik, pemimpin agama, ahli politik dan masyarakat awam untuk menjadi saksi dan memeriahkan majlis tersebut. Oleh yang demikian, pada 8 November setiap tahun merupakan hari penubuhan KIY.<sup>549</sup>

Pada permulaannya, KIY hanya membuka satu fakulti sahaja iaitu membuka Fakulti Pengajian Islam yang menawarkan dua jabatan sahaja iaitu Jabatan Syariah dan Jabatan Usuluddin. Berkat usaha pihak pentadbir-pentadbir dan pensyarah-pensyarah dalam mengembangkan KIY, dengan Izin Allah SWT KIY dapat membuka satu lagi cawangan iaitu cawangan kampus Pattani yang terletak di kampung Serung, mukim Khau Tum, daerah Yarang, wilayah Pattani dan dapat membuka pelbagai fakulti baru.

Melalui kesungguhan dan pengorbanan para pentadbir dan para pensyarah dalam mengembangkan KIY, pada 14 Jun 2007, Kementerian Pendidikan telah mengizinkan KIY mengubah taraf nama kolej ke peringkat universiti iaitu KIY menjadi UIY. Ia merupakan

---

<sup>547</sup> *Ibid.*, h. 17.

<sup>548</sup> Kolej Islam Yala, [http://www.geocities.com/yicyala/mal\\_index.htm](http://www.geocities.com/yicyala/mal_index.htm). 26 Februari 2009

<sup>549</sup> Maslan Mahama (2007), *op.cit.*, h. 31.

hari bersejarah bagi keluarga UIY dan masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam Thailand umumnya.<sup>550</sup>

UIY mendapat bantuan kewangan dan infrastruktur dari IDB dan juga dari IIRO. Manakala dari sudut akademik dan pembangunan kurikulum UIY membuat persefahaman dengan Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud.<sup>551</sup> Selain mendapat bantuan dari Arab Saudi, UIY juga dapat bantuan dari negara Kuwait dan Qatar.<sup>552</sup>

Pada masa kini, kampus induk UIY terletak di kampung Serung, mukim Khau Tum, daerah Yarang, wilayah Pattani. UIY membuka tiga buah fakulti ialah pertamanya Fakulti Pengajian Islam yang menawarkan pengajian Islam di peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Peringkat sarjana muda menawarkan tiga jabatan iaitu Jurusan Syariah, Jurusan Usuluddin dan Jabatan Pengajian Islam. Manakala pengajian di peringkat sarjana menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Syariah dan Jurusan Tarikh dan Hadarah Islam. Keduanya adalah Fakulti Kesusasteraan dan Sains Kemasyarakatan yang menawarkan pengajian di peringkat sarjana muda, program sijil dan sarjana. Peringkat sarjana muda menawarkan Jurusan Bahasa Arab, Jurusan Bahasa Inggeris, Jurusan Ekonomik Kewangan dan Perbankan dan Program Pentadbiran. Manakala program sijil menawarkan Program Sijil Kemahiran Guru. Peringkat sarjana pula menawarkan Jurusan Bahasa Arab dan Sastera dan Jurusan Politik Pentadbiran. Manakala Fakulti Sains dan Teknologi pula menawarkan pengajian di peringkat sarjana muda sahaja iaitu dalam Jurusan Sains Komputer dan Jurusan Pengajian Sains.<sup>553</sup> UIY mempunyai keazaman yang kuat dalam melaksanakan tugas asas institusi pengajian tinggi dengan menentukan visi, misi, falsafah dan keazaman seperti berikut.<sup>554</sup>

---

<sup>550</sup> *Ibid.*, h. 39.

<sup>551</sup> Universiti Islam Yala (2008), *op.cit.*, h. 1-2.

<sup>552</sup> Joseph Chinyong Liow (2009), *op.cit.*, h. 143.

<sup>553</sup> Universiti Islam Yala (2008), *op.cit.*, h. 13-14.

<sup>554</sup> Maslan Mahama (2007), *op.cit.*, h. 43.

## **VISI UIY**

UIY merupakan institusi pendidikan yang berhasrat melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang berakh�ak mulia, menjadi khazanah ilmu yang gemilang dalam setiap tugas mengikut prinsip Islam dan menjadi pusat pengajian yang berkualiti ke arah membina kesejahteraan yang abadi.

## **MISI UIY**

- i. Melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang berakh�ak mulia, mempunyai kecemerlangan di bidang akademik dan mempunyai kepemimpinan yang suka kepada kesejahteraan.
- ii. Menggalakkan penyelidikan untuk mengadakan teori yang diaplikasikan bagi menyahut kehendak masyarakat tempatan, masyarakat Asia Tenggara dan umat sedunia sehingga mewujudkan rangkaian hubungan kerjasama sama ada di peringkat negara dan antarabangsa.
- iii. Memberikan perkhidmatan ilmu kepada masyarakat melalui pelbagai cara untuk membangunkan masyarakat yang berilmu, membimbing masyarakat dan memberikan nasihat mengikut kehendak masyarakat tempatan dan antarabangsa menuju ke arah pembangunan kualiti hidup dan keadaan alam sekitar yang memberi faedah yang berkekalan dan berterusan.
- iv. Menjaga dan mengekalkan adat budaya dan hasil rekaan kepandaian tempatan yang baik serta selaras dengan prinsip Islam.
- v. Mewujudkan sistem pengurusan yang berkualiti untuk melahirkan budaya organisasi yang menjadi contoh teladan yang baik dan mengikut pandangan Islam.
- vi. Mengadakan hubungan kerjasama dengan institusi dan organisasi antarabangsa untuk membangunkan hubungan kerjasama dalam rangkaian akademik supaya memperoleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

## **FALSAFAH UIY**

UIY merupakan institusi pendidikan yang mempunyai kesungguhan dalam menguruskan pendidikan, penyelidikan, memberi perkhidmatan dalam bidang agama dan menjaga serta mengekalkan adat budaya yang selaras dengan prinsip Islam. Falsafah ini juga untuk melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang mempunyai ilmu, iman dan beramal mengikut al-Quran dan sunah, mempunyai wawasan yang jauh, mempunyai akhlak yang mulia, menjadi contoh teladan yang baik dalam membangun kualiti hidup sama ada diri, keluarga dan masyarakat melalui proses sistem pengajian yang seimbangan, meliputi, berterusan dan berintegrasi.

## **KEAZAMAN UIY**

Komit dalam membina para pelajar menjadi insan yang berilmu, beriman dan beramal mengikut al-Quran dan sunah ke arah membina masyarakat yang berilmu dan berakhlik.

Dengan visi, misi, falsafah dan keazaman UIY tersebut, jelaslah UIY memainkan peranan yang penting dalam membangun umat Islam di Selatan Thailand khususnya dan umat Islam umumnya dengan mengeluarkan siswazah-siswazah yang memahami Islam dan mempunyai kelulusan akademik dalam masa yang sama. Ini kerana UIY menawarkan ilmu akademik yang berintegrasi dengan Islam.

Mengikut pemerhatian pengkaji, melalui penubuhan UIY pelbagai pusat telah ditubuhkan di bawah naungan UIY seperti Institusi Salam, Pusat Perkhidmatan Masyarakat, Pusat Penyelidikan dan sebagainya. Di samping itu juga, banyak kegiatan dakwah telah dilaksanakan seperti forum agama, perjumpaan kaum wanita seluruh Thailand, kursus para imam, kuliah mingguan dan sebagainya.

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, setelah ditubuhkan KIY, Pusat Perkhidmatan Masyarakat UIY telah menujuhkan satu *Majlis ‘Ilm* pada hari Ahad 9

Jamadilakhir 1420 H bersamaan 19 September 1999 untuk memberi perkhidmatan ilmu agama kepada masyarakat umum pada setiap hari Ahad. Ismail Lutfi juga turut serta mengajar kepada masyarakat sebagai pengajar tetap sehingga kini. Subjek yang diajar oleh beliau ialah subjek tafsir al-Quran.

Melihat perkembangan UIY sehingga kini, bolehlah dikatakan bahawa Ismail Lutfi merupakan pelopor dan pengasas dalam melaksanakan projek pertubuhan UIY. UIY merupakan institusi pengajian tinggi swasta terawal yang menawarkan pengajian Islam di Thailand. Ismail Lutfi merupakan orang yang menjawat jawatan Rektor UIY pertama semenjak tahun 1998 sehingga kini selama 10 tahun lebih. Ismail Lutfi telah mentadbir UIY dengan bersistematik dan penuh bertanggungjawab dalam melahirkan siswazah-siswazah yang berkualiti sehingga UIY terkenal di peringkat antarabangsa.<sup>555</sup>

Kesimpulannya, UIY merupakan institusi pengajian tinggi swasta yang telah diasaskan oleh Ismail Lutfi. UIY mempunyai peranan dan sumbangan yang sangat besar dalam membina masyarakat Islam tempatan khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Oleh yang demikian, UIY merupakan salah satu pendekatan yang telah digunakan oleh Ismail Lutfi dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat khususnya yang datang untuk menimba ilmu di UIY.

Kesimpulan secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa Ismail Lutfi merupakan orang yang mentransformasikan pendidikan Islam di Selatan Thailand khususnya dengan menubuhkan *Majlis ‘Ilm Fatāni* dan *Majlis ‘Ilm* UIY yang bersistematik dan menubuhkan UIY yang belum pernah ditubuhkan sebelum ini. Penubuhan institusi-institusi pendidikan tersebut disambut baik oleh semua lapisan masyarakat walaupun aliran pemikiran mereka yang berbeza khususnya di UIY yang menawarkan bidang pengajian Islam dan bidang-bidang akademik lain yang diintegrasikan dengan pengajian Islam.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa salah satu pendekatan dakwah Ismail Lutfi yang agak berjaya dalam membina dan mempengaruhi generasi muda dan ganerasi tua

---

<sup>555</sup> San Wityalai Islam Yala (2006): *op.cit.*

masyarakat Islam di Selatan Thailand supaya kembali kepada al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup adalah melalui pendidikan.

### **3.3.6 Dakwah Melalui Media Elektronik**

Satu lagi pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi dalam menyampaikan dakwah untuk mempengaruhi sasaran ialah dengan berdakwah melalui media elektronik. Media elektronik ialah alat atau saluran komunikasi yang menggunakan alat-alat elektron moden seperti radio, TV dan lain-lain.<sup>556</sup> Menurut Ab. Aziz Mohd Zin media elektronik merupakan alat saluran maklumat berdasarkan elektronik.<sup>557</sup> Jelaslah bahawa media elektronik bermaksud alat saluran komunikasi yang berdasarkan alat-alat elektronik.

Dakwah melalui media elektronik bererti menggunakan kemudahan dan pengaruh media elektronik untuk menyalurkan kandungan dakwah dan mesejnya, sama ada melalui seluruh programnya atau sebahagiannya.<sup>558</sup> Usaha dakwah Ismail Lutfi bukan hanya menggunakan dakwah mendekati pemimpin, dakwah melalui penulisan, dan sebagainya bahkan beliau turut menggunakan media elektronik dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat tempatan dan masyarakat umum. Media elektronik yang digunakan oleh Ismail Lutfi ialah kaset, radio, VCD dan internet .

Joseph Chin Liow menyatakan kemasyhuran Ismail Lutfi secara keseluruhannya adalah kerana disebabkan juga oleh teknologi moden yang digunakan oleh beliau. Proses pengajaran yang beliau jalankan selalunya dilengkapi oleh kemudahan peralatan komunikasi yang canggih seperti pembesar suara, pita rakaman dan cakera padat. Perkara inilah yang membezakan beliau dengan guru-guru agama tradisional yang lain.<sup>559</sup>

Keterangan di atas jelas menunjukkan Ismail Lutfi telah menggunakan media elektronik dalam mempengaruhi masyarakat Islam di Selatan Thailand. Antara salah

---

<sup>556</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1011.

<sup>557</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 238.

<sup>558</sup> *Ibid.*, h. 189.

<sup>559</sup> Joseph Chinyong Liow (2009), *op.cit.*, h. 140.

satunya ialah kaset. Kaset merupakan alat yang hasil daripada rakaman kuliah pengajian mingguan dan ceramah beliau. Ia dilihat paling memberi kesan dalam penyebaran dakwah beliau. Pendekatan dakwah melalui kaset ini telah digunakan oleh beliau lebih dari 20 tahun bermula hari Sabtu 7 Rabiulawal 1407 H dalam kuliah mingguan di *Majlis ‘Ilm Faṭānī*. Penyebaran dakwah Ismail Lutfi melalui kaset bermula dengan rakaman pengajian tafsir al-Quran dari Surah al-‘alaq dan hadis empat puluh Imam Nawawi.<sup>560</sup> Jumlah bilangan kaset beliau yang dikeluarkan pada setiap minggu adalah tidak kurang daripada dua ratus keping kaset. Rakaman kaset pengajian Ismail Lutfi di *Majlis ‘Ilm Faṭānī* sehingga kini mencecah 1,329 siri (jumlah tersebut adalah ketika pengkaji temu bual).<sup>561</sup> Manakala pengajian di *Majlis ‘Ilm* UIY bermula dengan pengajaran risalah *Marhaban bi Talib al-‘Ilm* pada tahun 1999. Setiap satu kaset dijual dengan harga yang rendah iaitu 25 Baht. Dakwah melalui kaset yang digunakan oleh Ismail Lutfi boleh dikatakan tersebar dengan pesat dan sangat meluas serta mempunyai sistem yang teratur di Selatan Thailand.<sup>562</sup> Ahmad Omar Chapakia menyatakan perkara yang sama bahawa rakaman kaset yang dijalankan dengan teratur kepada masyarakat yang tidak sempat hadir ke kuliah mingguan turut tersebar luas ke Malaysia.<sup>563</sup>

Selain daripada rakaman kaset, Ismail Lutfi juga menggunakan rakaman VCD yang merakam pengajian mingguan sama ada di *Majlis ‘Ilm Faṭānī* dan *Majlis ‘Ilm*, UIY. Setiap satu VCD dijual dengan harga 50 Baht. Rakaman VCD mula digunakan pada tahun 2003 M. Di samping itu juga, terdapat himpunan pengajian satu CD (MP3) setiap surah yang diajarkan.<sup>564</sup>

Dakwah melalui radio juga digunakan sama ada melalui siaran secara langsung atau tidak langsung. Pengajian mingguan *Majlis ‘Ilm Faṭānī* disiarkan secara langsung di stesen radio Pattani FM 101 Mhz yang berlangsung pada setiap hari Sabtu jam 8.45 sehingga jam

<sup>560</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 163.

<sup>561</sup> Uthman b. Hasan, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>562</sup> Maslan Mahama, *op.cit.* Temu bual pada 13 Ogos 2008 di pejabatnya.

<sup>563</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>564</sup> Uthman b. Hasan, *op.cit.* Temu bual 26 Disember 2009 di pejabatnya.

9.45 pagi (waktu tempatan).<sup>565</sup> Sementara itu, pengajian di *Majlis al-‘Ilm* UIY disiarkan secara langsung di stesen radio FM 97.25 Mhz diadakan pada setiap hari Ahad jam 10.00 sehingga jam 11.00 pagi (waktu tempatan).<sup>566</sup> Manakala siaran ulangannya pula melibatkan rakaman suara penyampaian Ismail Lutfi yang telah diajarkan sama ada di *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* atau *Majlis al-‘Ilm* UIY. Rakaman melalui stesen radio Yala F.M. 100 Mhz akan ke udara selama setengah jam setiap malam khamis di antara pukul 8.00 sehingga pukul 8.30 malam (waktu tempatan) dalam Program Suara UIY.<sup>567</sup>

Manakala dakwah melalui internet pula adalah melalui *TV Online* yang menawarkan pengajian mingguan secara langsung sama ada di *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* dan *Majlis al-‘Ilm* UIY. *Majlis al-‘Ilm Faṭānī* disiarkan pada setiap hari Sabtu pukul 8.30 sehingga jam 10.30 pagi (waktu tempatan). Manakala *Majlis al-‘Ilm* UIY disiarkan pada setiap hari Ahad pukul 9.00 sehingga pukul 11.00 pagi (waktu tempatan).<sup>568</sup> Kuliah Ismail Lutfi disiarkan pada jam pengajian yang kedua iaitu pada pukul 10.00 sehingga jam 11.00 pagi. (waktu tempatan). Siaran secara langsung tersebut boleh dilayari melalui laman web [www.e-dakwah.yiu.blogspot.com](http://www.e-dakwah.yiu.blogspot.com) atau [www.e-dakwah.yiu.co.cc](http://www.e-dakwah.yiu.co.cc).

Berdasarkan pemerhatian terhadap laman web tersebut, pengkaji mendapati ramai generasi muda yang tidak dapat menghadiri kedua-dua *Majlis al-‘Ilm* tersebut melayari laman web untuk mendengar kuliah beliau secara langsung. Penggunaan media internet jelas dapat memenuhi ruang media dakwah pada masa kini bagi sasaran dakwah yang tidak dapat hadir ke kuliahnya. Di samping itu, rakaman suara atau video turut dimuat turun dalam internet untuk memenuhi keperluan masyarakat. Melalui pemerhatian pengkaji juga mendapati pengajian kuliah mingguan beliau merupakan pengajian kuliah mingguan yang pertama disiarkan secara langsung melalui internet di Selatan Thailand.

---

<sup>565</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 165.

<sup>566</sup> Anbā’, Bil 46 April-July, 2009:14 “Bushrā...Mubāshir ‘Alā TV Online”.

<sup>567</sup> Moohamad Khoya (2007), *op.cit.*, h. 165.

<sup>568</sup> Anbā’ (2009), *op.cit.*

Kesimpulannya, Ismail Lutfi juga menggunakan media elektronik seperti rakaman kaset, VCD, radio dan internet sebagai medium dakwah untuk menyebarkan ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan sunah serta minhaj salaf soleh kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand. Penggunaan dakwah melalui media elektronik, telah membolehkan masyarakat sama ada generasi muda dan tua mempelajari ilmu agama dengan cara yang mudah.

### **3.4 HUBUNGAN MASYARAKAT ISLAM DI SELATAN THAILAND DENGAN PENDEKATAN DAKWAH ISMAIL LUTFI JAPAKIYA.**

Melalui maklumat-maklumat yang telah dijelaskan oleh pengkaji tentang realiti masyarakat Islam di Selatan Thailand dan pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya sebelum ini. Maka pengkaji dapat menganalisis beberapa hubungan di antara latar belakang masyarakat Islam di Selatan Thailand dengan pendekatan dakwah Ismail Lutfi aspek seperti berikut:

#### **1. Aspek Bahasa**

Seperti yang telah dijelaskan bahawa penduduk Islam di Selatan Thailand menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pertuturan mereka. Namun, pada saat kebelakangan ini bahasa ibunda mereka sedang mengalami kepupusan kerana generasi muda hari ini lebih menguasai bahasa Thai dan suka bertutur bahasa Thai lebih daripada bahasa ibunda sendiri. Dakwah yang telah dilaksanakan oleh Ismail Lutfi boleh dikatakan sedikit sebanyak dapat mempertahankan bahasa Melayu dialek Patani. Cara yang digunakan oleh beliau adalah melalui ceramah yang berbahasa Melayu dialek Patani, penulisan yang berbahasa Melayu, tulisan Jawi sama ada berbentuk artikel, buku dan sebagainya dan penubuhan UIY dengan menawarkan Jurusan Bahasa Melayu. Dengan cara tersebut, secara tidak langsung ia dapat mempertahankan bahasa dan identiti orang Melayu Islam di Selatan Thailand yang di bawah pemerintah kerajaan Thailand.

## 2. Aspek Asas Agama

Tidak boleh dinafikan bahawa sebahagian kecil kesan agama Hindu-Buddha, amalan khurafat, syirik dan bidaah masih wujud dalam masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga kini. Di samping itu juga, masih ramai umat Islam di Selatan Thailand belum mengetahui ilmu agama dan belum memahami agama Islam secara syumul iaitu agama Islam sebagai suatu cara hidup yang merangkumi semua aspek hidup sama ada politik, ekonomi, cara bermasyarakat dan sebagainya. Kefahaman mereka terbatas, mereka hanya memahami Islam sekadar mempercayai rukun Iman yang enam perkara dan melaksanakan rukun Islam yang lima perkara sahaja. Dakwah yang dilaksanakan oleh Ismail Lutfi adalah memenuhi penyakit atau masalah yang dilanda oleh masyarakat Islam tersebut. Dengan dasar dakwah beliau yang jelas mengajak masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang syumul bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut salaf soleh sebagai landasan hidup seharian. Cara yang diaplikasikan oleh beliau untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut adalah mendidik akidah dan dasar Islam yang murni daripada sumber yang asli iaitu al-Quran dan sunah melalui penghuraian ulama yang muktabar. Melalui cara tersebut, dapat menghakis kepercayaan khurafat dan syirik dan menanam akidah yang murni serta memberi kefahaman Islam yang syumul. Pendekatan yang digunakan oleh beliau adalah melalui ceramahnya, penulisannya, medianya dan institusi pendidikan. Oleh yang demikian, pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi sangat sesuai dengan keadaan masyarakat dan dapat menyelesaikan penyakit tersebut serta mengembalikan masyarakat kepada kefahaman yang murni.

Kesimpulannya keseluruhannya, pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi dalam menyampaikan dakwah sangat sesuai dengan latar belakang masyarakat Islam di Selatan Thailand yang masih mengamalkan perkara khurafat serta bahasa ibunda yang mengalami kepupusan.

### **3.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa usaha dakwah yang dilakukan oleh Ismail Lutfi adalah melibatkan penggunaan pelbagai pendekatan yang sesuai dengan keadaan sasaran untuk mencapai matlamatnya iaitu mengembalikan masyarakat Islam di Selatan Thailand kepada ajaran Islam yang syumul yang bersumberkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai landasan hidup sehari-hari. Pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi adalah dakwah mendekati pemimpin masyarakat, dakwah *bi al-hal*, dakwah secara lisan, dakwah melalui penulisan, dakwah melalui pendidikan, dakwah melalui media elektronik. Daripada pendekatan dakwah tersebut, pendekatan pendidikan dilihat lebih dekat dan menyeluruh kepada seluruh lapisan masyarakat jika dibandingkan dengan pendekatan yang lain. Di samping itu juga, pendekatan pendidikan telah memberi faedah yang sangat besar kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand khususnya dan masyarakat Islam umumnya sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hasil kajian ini juga mendapati secara umumnya Ismail Lutfi menggunakan pendekatan dakwah secara jemaah dan *fardiyah*. Di samping itu juga, boleh dikatakan bahawa Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh dakwah yang menggunakan pendekatan dakwah yang penuh berhikmah, tepat dan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam menyebarkan dakwah beliau. Oleh sebab itulah, pelbagai lapisan masyarakat Islam di Selatan Thailand tertarik dan terpengaruh dengan dakwah beliau.